



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 19 Selasa 29 Disember 2020

KANDUNGAN

USUL-USUL:

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT

DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 17(1)

Isu Daging Kartel Haram – Menggunakan Logo JAKIM Secara Salah dan Berniat Menipu

(Halaman 1 & 55)

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Paripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 3)

USUL MENTERI DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(3)

Merakamkan Penghargaan dan Menyantiung Tinggi Jasa

Perakankan Penghargaan dan Merahang Tinggi Jasa Profesor Diraja Almarhum Ungku Aziz bin Ungku Abdul Hamid dan Almarhumah Tun Rahab binti Mohamed Noah.

(Halaman 102)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020

(Halaman 3)

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020
Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2020

(Halaman 15)

Rang Undang-undang Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020

(Halaman 15)
(Halaman 25)

Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 29 Disember 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 17(1)

**Isu Daging Kartel Haram- Menggunakan Logo JAKIM
Secara Salah dan Berniat Menipu**

10.04 pg.

Puan Asmak binti Husin: *Auzubillahiminas syaitonnir'rajim. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Berdasarkan Perkara 17, saya memohon izin mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Usul yang saya ingin kemukakan adalah berkaitan dengan isu daging kartel haram yang menggunakan logo JAKIM secara salah dan berniat menipu. Sebagaimana dimaklumkan, telah terbongkar kes pembungkusan semula daging haram menggunakan logo JAKIM selepas serbuan bersepada pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, Johor pada 1 Disember lalu.

Saya berpendapat usul ini melibatkan kepentingan ramai kerana ia sumber protein umat Islam yang merupakan majoriti rakyat di Malaysia. Kedua, ia adalah perkara tertentu kerana melibatkan nama baik kerajaan khususnya JAKIM sebagai pengeluar logo halal yang disegani di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa serta integriti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang bertanggungjawab dalam penguatkuasaan.

Usul ini juga perlu disegerakan kerana rakyat semakin takut dan marah dengan kes ini kerana sehingga hari ini telah tular beberapa jenama yang biasa digunakan oleh rakyat.

Namun, sehingga hari ini hampir sebulan, kerajaan masih lagi tidak menyenaraikan jenama yang terlibat atau apa-apa laporan awal yang boleh melegakan rakyat dan dalam masa yang sama akhbar antarabangsa juga turut melaporkan isu ini dengan mengatakan kita telah memakan daging halal palsu selama 40 tahun. Sekiranya perkara ini benar, ini cukup memalukan negara kerana dikaitkan dengan isu integriti pegawai dan pihak berkepentingan.

Oleh itu, saya memohon kepada pihak Tuan Yang di-Pertua untuk menerima usul ini dan juga kepada Dewan semua dan menuntut jawapan daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna serta pihak berkepentingan kerajaan yang lain demi membersihkan nama baik negara dan kepentingan umat Islam di Malaysia yang mesti disegerakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, pada Isnin, 28 Disember 2020.

Teks usul itu adalah seperti yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Senator dan semua Ahli telah maklum, *insya-Allah*.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat kedua ialah bagi kepentingan orang ramai, dan syarat ketiga ialah ia berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa:

- (i) benar perkara ini adalah perkara tertentu;
- (ii) didapati kepentingan orang ramai memang wujud, dan terlibat; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Sesungguhnya hal ini memerlukan tindakan segera dan pengawasan serta pemahaman orang ramai atau rakyat perlu diberi perhatian yang setimpal.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini untuk dibahaskan, dan usul ini saya tempohkan sehingga jam 1 tengah hari ini, hari Selasa, 29 Disember 2020 atau mengikut kesesuaian Majlis pada hari ini untuk menempatkan masa atau ruang bahasannya selama 30 minit, dan selepas itu bagi pihak kerajaan menjawab selama tidak lebih dari 30 minit. Sekian.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****10.08 pg.**

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua,

“Tanpa mengambil kira usul terdahulu yang diputuskan pada 16 Disember 2020, di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1), dan (2) bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan seperti yang tertera sebagai No. 1 hingga No. 5 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini, serta usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) oleh Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin dibahaskan, dan diputuskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditentukan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

■1010

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2020****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****10.10 pg.**

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2020 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020 yang dicadangkan merupakan pindaan, susulan kepada pindaan yang telah dilaksanakan ke atas Akta Kastam 1997. Di samping itu, pindaan ini juga dibuat bagi memperkemaskan pelaksanaan dan layanan cukai jualan, antaranya dengan menambah baik peruntukan berkaitan pemberhentian tanggungan untuk berdaftar dan pembayaran balik cukai jualan secara tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini dan rang undang-undang ini mempunyai 13 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mempunyai tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 17 bagi memperuntukkan bahawa kaedah untuk menentukan nilai barang bercukai bagi mana-mana pengilang berdaftar yang telah terhenti bertanggungan untuk berdaftar adalah nilai jualan barang bercukai pada bulan itu dan 11 bulan sebelum bulan itu iaitu kaedah sejarah- *historical method*.

Fasal 3, fasal 4 dan fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 27(1), perenggan 31(1)(b) dan subseksyen 32(2), masing-masing sebagai pindaan berbangkit daripada penomboran semula dalam Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2019.

Fasal 6 bertujuan memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 35A bagi membolehkan mana-mana pengilang berdaftar untuk memotong jumlah pembayaran balik cukai jualan di bawah seksyen 35(3)(c) atau di bawah seksyen 23 atau 41A dengan jumlah cukai yang kena dibayar daripada penyatanya dalam seksyen 26. Sekiranya terdapat baki atas amaun pembayaran balik, baki tersebut hendaklah dibayar balik kepada pengilang berdaftar. Ketua Pengarah Kastam boleh memegang keseluruhan atau sebahagian yang boleh didaftar sebagai kredit untuk bayaran cukai pada masa hadapan.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 69(1) untuk memberi pegawai cukai jualan yang hak kuasa untuk membuat penyitaan di mana-mana premis.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 69A bagi memberi pegawai cukai jualan yang hak kuasa untuk mengelak atau *to seal* barang-barang, dokumen, artikel atau benda atau tempat, premis, bekas muatan, bungkusan atau pengangkut yang di dalamnya barang dokumen, artikel atau benda-benda yang dijumpai.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 72B bagi memperuntukkan kuasa kepada pegawai cukai jualan yang mempunyai hak segala kuasa sebagai seorang pegawai polis berpangkat koperal dan lebih rendah dan kuasa seorang pegawai penjara berpangkat sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995 [Akta 537] apabila membawa dan menjaga orang dalam tahanan. Fasal ini juga bertujuan untuk memberi

kuasa sebagai seorang penjaga balai polis kepada seorang pegawai cukai jualan yang di mana pejabat pegawai jualan tersebut hendaklah disifatkan sebagai balai polis.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 74A untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehpercayaan keterangan ejen provokasi dan kebolehtenerimaan sebagai keterangan apa-apa pernyataan yang diberi kepada ejen provokasi oleh seseorang yang kemudiannya dituduh atas suatu kesalahan.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 88A untuk menjadikannya sebagai satu kesalahan bagi mana-mana orang yang mendapatkan pemotongan cukai jualan secara tidak wajar di bawah seksyen 23, seksyen 35A dan seksyen 41A.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 97(1) bagi menghendaki pelikuidasi- *liquidator*, suatu buah syarikat yang bertanggungjawab ke atas cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar untuk memberikan notis penggulungan syarikat kepada Ketua Pengarah Kastam.

Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 98(1) untuk menghendaki penerima bagi harta mana-mana orang yang bertanggungan ke atas apa-apa cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar yang dilantik untuk memberikan notis mengenai pelantikan itu kepada Ketua Pengarah Kastam.

Penerima juga hendaklah sebelum melupuskan apa-apa aset orang itu mengetepikan sejumlah wang daripada aset untuk membayar cukai jualan yang menjadi genap masa dan kena dibayar ke atas barang bercukai yang telah dijual, dikilangkan, dibeli atau diperoleh dan fasal-fasal lain yang tidak dinyatakan secara spesifik adalah merupakan pindaan kecil atau *consequential in nature*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *[Bangun]*

10.16 pg.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tan Sri Speaker kerana memberi keizinan kepada saya untuk sama turut berbahas...

Tuan Yang di-Pertua: Saya kena membuat sedikit pembetulan iaitu tentang cara menyebut Pengurus Majlis. Jadi, di bawah Peraturan Mesyuarat, semua sebutan hendaklah kepada Tuan Yang di-Pertua dan tidak Speaker.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Speaker boleh digunakan di Dewan Rakyat tapi di sini *nomenclature* ialah Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perbahasan Dewan Rakyat yang lalu, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020 kerana saya yakin pindaan tersebut bakal memberi kebaikan kepada semua pihak. Namun, terdapat beberapa perkara yang ingin saya bahaskan pada kali ini untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan.

Sistem cukai jualan sebanyak 10 peratus pada hari ini adalah jauh lebih tinggi daripada nilai GST yang pernah dilaksanakan suatu ketika dahulu. Saya difahamkan kerajaan ke arah mengimplementasikan semua kaedah GST dalam sistem percukaian disebabkan beberapa faktor seperti kutipan cukai yang lebih telus dan efisien. Pertukaran daripada GST kepada SST pada tahun 2018 telah menyebabkan hasil pendapatan negara pada tahun 2019 berkurangan kepada RM22 bilion berbanding RM41 bilion pungutan cukai melalui GST.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun GST mungkin menatijahkan peningkatan hasil pendapatan negara, namun kaedah pelaksanaan sistem percukaian tersebut perlu dikaji dan diteliti semula. Kerajaan seharusnya menggunakan pengalaman sebelum ini untuk menimbang tara antara *pro and con* pelaksanaan GST ini.

Antara kelemahan utama yang saya lihat terdapat dalam pelaksanaan GST ini ialah ia merupakan suatu sistem percukaian yang pukul rata yang mana semua peringkat dan golongan B40, M40 dan T20 perlu membayar cukai GST pada nilai yang sama yang kita boleh lihat pada setiap kali pembelian iaitu pada resit pembelian. Sedangkan ketiga-tiga golongan ini mempunyai nisbah kekayaan yang berbeza berbanding nilai cukai yang perlu dibayar.

Justeru, saya mohon penjelasan kerajaan mengenai mekanisme yang akan digunakan oleh kerajaan untuk memastikan kesan pelaksanaan GST ini tidak akan terlalu menghimpit golongan B40 terutamanya. Bagaimanakah kerajaan akan memastikan GST ini tidak akan menyebabkan harga barang naik yang akan menatijahkan penerimaan negatif dalam kalangan rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Sr. Mohamad Apandi bin Mohamad. Tadi sudah berdiri.

10.20 pg.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita bagi laluan kepada wanita dahulu.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Alhamdulillah.* Sifat yang terpuji Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian.

Pada pagi ini, kita dibentangkan dengan satu rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 yang bermula dari Akta 806 lagi. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, saya seperti mana sahabat saya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh tadi, bahawa saya masih lagi berpegang kepada GST, adalah yang terbaik.

GST adalah yang terbaik memandangkan dalam GST ini susah mana-mana pihak untuk melarikan diri daripada terkena cukai kerana dia ada sistem rantaian yang cukup kemas. Tambahan pula, kerajaan telah memberi latihan tidak kurang daripada lima tahun kepada pegawai-pegawai kastam untuk bersedia menghadapi sistem cukai GST. Tambahan pula, ia diamalkan oleh 94 buah negara dan hampir kesemua negara maju mengamalkan sistem GST ini.

Akan tetapi, oleh sebab berlaku pertukaran kerajaan, maka sistem itu telah berubah daripada GST dipecah dua kepada cukai jualan dan juga cukai perkhidmatan. Ini kerana cukai jualan ini ada elemen *escapism*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ada elemen boleh dielak oleh operator-operator perniagaan dan pengilang ini. Sedangkan kalau GST itu, amat sukar untuk mana-mana pihak mengelak.

Jadi, saya lebih cintakan negara kita Malaysia. Tambahan pula dalam suasana kita menghadapi punca pendapatan yang makin berkurangan- kerana semalam telah dibentangkan di TV, Tuan Yang di-Pertua, bahawa volum dagangan seluruh negara telah menguncup. Walaupun imbalan eksport dengan import bertambah lebar makin baik, eksport mengatasi import dengan jumlah dagangan yang lebih besar berbanding tahun sebelumnya, tetapi daripada segi volum dengan isi padu jumlah dagangan eksport dan import berbanding dengan tahun sebelumnya makin mengecil. Jadi, ini tanda-tanda yang tidak sihat kepada perkembangan ekonomi pada masa-masa yang mendatang.

Tambahan pula, saya merasakan, dengan izin, *the pinch* perniagaan itu sendiri dan rakan-rakan yang lain. Kita merasai tentang kesukaran dan suasana yang tidak baik dalam iklim perniagaan. Tambahan pula dengan pergerakan manusia yang terhad dan banyak sektor yang mengalami tekanan perdagangan perniagaan yang berat.

Jadi saya di sini, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila mana kita meletakkan Akta Cukai Jualan ini, dalam kes ini kita berdasarkan kepada item barang-barang yang dikenakan cukai jualan, adakah juga kita mengambil kira tentang volum

ataupun jumlah dagangan tiap-tiap operator perniagaan itu? Itu diambil kira juga, tidak? Satu, *item* barang. Saya dengan izin, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, terpaksa menggunakan sedikit sebanyak bahasa Inggeris. *Item* barang, jenis-jenis barang dan juga nilai dagangan itu sendiri.

Kemudian, kalau selepas daripada mereka yang sama ada pengilang ataupun pemberong ataupun penjual itu mengutip bayaran cukai jualan ini, berapakah tempoh yang diberi kepada pengilang, pemberong dan juga penjual untuk membayar balik kepada kerajaan? Maksimum dia berapa lama dari tempoh kutip ke tempoh bayar balik kepada kerajaan? Adakah berdasarkan kepada 60 hari, kemudian bermula hari 61 ke hari 90 ataupun bermula dari hari 31 ke hari 60 mestilah dibayar? Kalau selepas dari tempoh tertentu, maka berapa denda-denda yang dikenakan untuk cukai jualan yang tidak dibayar oleh pengutip cukai jualan sama ada daripada pihak kilang, daripada pihak pemberong dan juga pihak pembeli?

Kemudian daripada itu, saya melihat bahawa, sekali lagi dalam kes ini, kalau akta-akta sebelum ini, kerajaan ada *special branch* juga dalam kes akta-akta sebelum ini. Semua di bawah Kementerian Kewangan dan sebahagian besar di bawah kastam. Apakah dalam kes ini juga diadakan *special branch* terutama kita menggunakan mahasiswa-mahasiswa yang banyak yang menganggur sekarang ini?

Dengan bayaran yang terhad, *insya-Allah*, Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerajaan akan mendapatkan pulangan yang baik dengan memberikan bayaran bulanan yang minimum tetapi yang lain itu berdasarkan pada *percentage*, berdasarkan pada peratusan. Kalau dia dapat membocorkan rahsia-rahsia ini, maka dia akan mendapat imbuhan yang selaras dengannya.

Cuma, satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat bahawa isu yang sangat sensitif sekarang ini adalah isu daging tidak halal yang mana amat berdosalah mereka yang terlibat ini. Hendak minta maaf dengan siapa, kita pun tak tahu. Ramai sudah mati. Kerana katanya sudah 40 tahun berlalu daging tidak halal yang sama-sama kita pakat makan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak tahulah macam mana tergamak orang-orang kita ini melakukan perkara itu kerana melibatkan akidah, melibatkan pegangan agama kepada penganut agama Islam kita. *Wallahu alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

10.26 pg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020 ini merupakan tindakan susulan kepada pindaan yang telah dilaksanakan ke atas Akta Kastam 1967. Pindaan ini juga adalah dibuat bagi memperkemaskan pelaksanaan sistem cukai jualan.

Persoalan pertama saya. Merujuk kepada seksyen 17 yang memperuntukkan pindaan kaedah untuk menentukan nilai barang bercukai iaitu kaedah sejarah ataupun *historical method*, dengan izin, saya mohon penjelasan lanjut, mengapakah kaedah penentuan tersebut perlu diubah? Adakah kaedah baharu ini akan menambah hasil kerajaan? Ia juga ada kaitan dengan usaha untuk menukar cukai barang dan perkhidmatan (GST) kepada cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Persoalan kedua saya ialah berkenaan cukai jualan itu sendiri. Berapakah bilangan pembayar cukai ini dalam jumlah kutipan hasil setakat ini setelah GST dimansuhkan oleh Kerajaan PH dahulu?

Persoalan ketiga saya berkenaan ura-ura kedengaran bahawa pihak kerajaan berhasrat untuk mengembalikan sistem percukaian GST. Saya ingin menasihatkan kepada kerajaan agar membuat kajian dan mendapatkan pandangan rakyat terlebih dahulu.

Kita tidak mahulah negara kita tidak ketentuan hala tujuan. Setiap kali bertukar kerajaan, sistem cukai berubah. Walau apa pun nama cukai itu diberi, pada hakikatnya, rakyat jualah yang akan menanggung beban sengsara kenaikan kos sara hidup. Peringatan ini amat wajar diberikan kerana ekonomi kita masih belum pulih. Wabak COVID-19 kian kritikal. Ramai rakyat yang dibuang kerja, dipotong gaji. Mereka sedang bergelut untuk meneruskan kehidupan harian. Maka, kerajaan janganlah sesekali menambahkan lagi beban fikiran dan emosi rakyat yang sedang tertekan.

Saya dengan ini menyokong pindaan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada para Yang Berhormat Senator hendak membahaskan lagi? Jika tidak, saya dengan hormat menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

10.29 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat di dalam perbahasan sebentar tadi berkaitan dengan pindaan yang dibuat ke atas Akta Cukai Jualan yang bertujuan untuk menambah baik kaedah-kaedah pemungutan cukai jualan supaya

kerajaan akan dapat meningkatkan hasil dan menambahkan peluang untuk negara kita dapat menikmati pembangunan hasil daripada kutipan-kutipan cukai yang diperolehi.

■1030

Sebanyak tiga orang Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan beberapa isu iaitu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad dan yang terakhir, Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Antara isu yang paling mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu isu berkaitan dengan GST. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa pada tahun 2015, kita telah memperkenalkan cukai GST dan akhirnya telah dimansuhkan pada tahun 2018. Pemansuhan itu sebenarnya keputusan kerajaan pada ketika itu dan seperti mana yang kita sedia maklum apabila ia dimansuhkan, sudah tentu sedikit sebanyak telah menjelaskan hasil kerajaan.

Kalau kita lihat data pungutan cukai GST setahun lebih kurang RM44 bilion dan total bagi tempoh yang telah dilaksanakan itu sebanyak RM133.1 bilion, manakala cukai SST kita memperoleh RM21 bilion setahun. Memang terdapat pro dan kontra berkaitan dengan isu ini kerana ada pihak yang bersetuju dan ada pihak yang tidak bersetuju tentang pelaksanaannya.

Akan tetapi yang jelas di sini ialah pelaksanaan cukai GST itu telah merungkai beberapa juga kelemahan-kelemahan yang memberikan kesan sedikit sebanyak kepada rakyat. Itu kalau kita lihat misalnya daripada segi jumlah orang yang dikenakan cukai pun begitu besar, GST 567 ribu orang yang berdaftar, manakala SST hanyalah 19,665 orang. Begitu juga daripada segi jumlah barang yang dikenakan cukai, GST 567 ribu orang berdaftar, manakala SST- 46,519 orang. Manakala barang yang dikenakan cukai ialah bagi SST lebih kurang 6,000 dan manakala GST lebih kurang 12 ribu.

Oleh sebab itu, sudah tentulah pungutan yang diperoleh oleh GST itu lebih banyak kerana lebih banyak yang dikenakan cukai, lebih banyak yang terkesan. Kadang-kadang bukan sahaja golongan yang berpendapatan tinggi, tetapi juga golongan berpendapatan rendah kerana ia adalah *comprehensive consumer tax* yang dikenakan pelbagai peringkat ataupun *multitier*, manakala SST hanyalah *single tier tax*.

Walaupun 10 peratus, tetapi pelaksanaan GST, 6 peratus adalah *multitier*. Walaupun dikatakan bahawa setiap peringkat itu mereka boleh mendapatkan semula *input tax* tetapi bagaimanapun, kadang-kadang berlaku juga isu berkaitan dengan *dispute* sehingga menyebabkan *refund* yang sepatutnya dilaksanakan dalam tempoh 14 hari tidak dapat dilakukan. Ini menyebabkan ia terdapat sedikit kelemahan. Begitu juga mereka yang berhijrah untuk menjadi pembayar GST ini, mereka haruslah menyediakan sistem. Bagi peniaga-

peniaga kecil SME, ia merupakan bebanan dan mereka juga harus *employed* orang yang berkemampuan dan berkebolehan untuk mengendalikannya.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Mohon penjelasan.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Walaupun saya katakan di sini...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon penjelasan sedikit bolehkah?

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Ya.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Saya agak kurang setujulah dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, setuju tidak setuju...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Okey, mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Dewan ketawa] Jadi, apakah kita tidak melihat amalan praktis negara-negara lain? Ini kerana saya- sayang negara saya Malaysia ini. Berkenaan defisit begitu besar, saya hendak ruang defisit itu diperkecilkan kerana ini amalan negara-negara maju. Kita tengok Thailand minta maaf, dengan izin, saya bukan rakyat Thailand, sempadan Thailand. Ada 2,000 lebih pengundi saya dari Thailand, ada. Cuma Thailand lebih murah daripada barang-barang kita...

Tuan Yang di-Pertua: Apakah yang hendak diminta penjelasannya?

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Saya hendak minta penjelasan, buat rujukan kepada negara-negara yang mengamalkan GST itu Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak yang terbaik untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, cadangan itu pandangan beliau.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau kata hendak cerah, cerahkanlah.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Ya, itu pandangan beliau. Seperti mana saya katakan tadi, perkara ini melibatkan polemik *pro and cons* antara pelaksanaannya. Itu sebabnya apabila kita ingin melaksanakannya semula, ia haruslah diperincikan dengan lebih baik.

Memang seperti mana Yang Berhormat Senator ini adalah seorang yang prihatin kepada kerajaan, itu saya tidak nafikan untuk menambahkan hasil kerajaan. Akan tetapi kita juga harus ingat apabila hasil kita bertambah, bererti cukai yang dikenakan ataupun *disposable income* kepada rakyat itu juga berkurang. Kita dapat lebih RM20 lebih bilion, RM44 bilion tolak RM21 bilion bererti ada RM23 bilion lebihan daripada SST yang dikenakan secara komprehensif kepada semua pihak.

Jadi apabila kita mendapat lebihan itu, kerajaan dapat lebih tetapi rakyat dapat kurang. *Disposable income* rakyat juga berkurangan dan ini melibatkan golongan yang berpendapatan rendah juga kerana semua orang terkena, ia tidak terkecuali.

Cukai kebiasaannya dikenakan kepada orang yang berkemampuan. Oleh sebab itu, kerajaan menimbang perkara ini dengan lebih teliti dan memastikan bahawa apabila ia ingin dilaksanakan semula, haruslah mendapat persetujuan daripada semua pihak tentang kaedahnya. Ini kerana tidak dapat dinafikan, sedikit sebanyak indeks harga pengguna juga meningkat. Walaupun kenaikan harga pengguna ini mempunyai pelbagai faktor untuk ia berlaku bukan sahaja berkenaan dengan cukai, tetapi sedikit sebanyak IHP meningkat.

Oleh sebab macam saya katakan tadi, kalau dia enam peringkat, empat peringkat pun sudah 24 peratus, lebih tinggi daripada 10 peratus. Ya, boleh kita katakan bahawa *input tax* itu boleh diminta semula. Akan tetapi kalau kita minta, ada pula pertikaian kerana mungkin pihak-pihak yang mengikrarkan itu tidak mengikrarkan secara telus sehingga menyebabkan pertikaian. Itu sebabnya berlaku sepatutnya *refund* itu dibuat dalam 14 hari, ia telah berlarutan sehingga bertahun-tahun dan pihak-pihak yang terkena ini, mereka menaikkan harga barang.

Jadi itulah Yang Berhormat, saya bersetuju untuk defisit kerajaan ini seperti mana yang saya ingin jelaskan di sini, bermulanya defisit perbelanjaan kerajaan ialah pada tahun 1998 selepas krisis ekonomi yang telah berlaku pada ketika itu. Dari situ, kita membuat pinjaman. Akan tetapi saya ingin nyatakan di sini, pinjaman tersebut 97 peratus lebih kurang pinjaman domestik yang sebenarnya melibatkan hampir 50 peratus dilanggan oleh EPF ataupun KWSP. *One pocket to another pocket* dan KWSP pun sudah tentulah ingin mencari ruang untuk mendapatkan pelaburan yang *secure*, yang selamat.

Apabila mereka meletakkan wang kepada kerajaan, mereka sudah pasti akan dapat pulangan yang stabil yang diperlukan untuk *depositors*.

■1040

Jadi wang itu digunakan untuk hanya untuk *development expenditure*. Ia tidak digunakan bagi maksud-maksud yang lain. Jadi itu ada banyak pendapat yang berbeza. Mungkin ada yang bersetuju ada yang tidak bersetuju.

Bagaimanapun kita memang komited untuk mengurangkan defisit. Itu sebab pada pelbagai peringkat, defisit kita hanyalah lebih kurang tiga peratus. Cuma apabila berlaku kegawatan seperti mana sekarang, kita terpaksa menambahkan pinjaman untuk menjana semula ekonomi kerana pada ketika ini swasta tidak dapat berfungsi dengan baik, tidak dapat berbelanja dengan banyak sebabnya kerajaan harus berbelanja untuk menjana semula ekonomi.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Ya.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Okey. sekarang kita tahu Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. KWSP ia hanya mengutip sekitar RM2 sehingga RM2.2 bilion sahaja sebulan. Dalam satu tahun antara RM24 ke RM27 bilion sahaja setahun. Sedangkan defisit kita terlalu besar. Kemudian KWSP untuk ia memberi pulangan dividen kepada penabung-penabungnya, kepada pencarumnya ia mesti tunai yang dibayar oleh tiap-tiap majikan dan pekerja itu, ia terpaksa beli saham, membantu kerajaan daripada mengeluarkan bon.

Jadi sebab itu realiti sebenar yang berlaku sekarang apabila rakyat memohon RM10 ribu daripada Akaun 1, secara terus terang kita kena mengaku KWSP sudah tidak ada tunai. Jadi kita tidak mahu sentiasa dibebankan dengan beban paksaan. Kerana saya pun ramai teman...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong hormati peraturan mesyuarat yang menetapkan meminta penerangan.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Okey, jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu atau tidak bila terpaksa guna wang KWSP itu menyebabkan KWSP tidak boleh melabur dan tidak boleh memberi kepada pemohon-pemohon RM10 ribu yang dipohon, yang dipinta oleh Kerajaan Perikatan Nasional sekarang. *Wallahu alam.*

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila? Saya mohon perkara ini diputuskan dalam cara menjawab yang jelas.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Saya fikir itu kita jawab dalam arena yang lain kerana yang kita bincangkan hari ini ialah berkaitan dengan GST...

Tuan Yang di-Pertua: Ya benar.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: ...Sebentar tadi iaitu berkait dengan– mungkin dalam perbincangan yang lain kita akan jawab.

Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam ada membangkitkan tentang *historical method*. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang kita sedia maklum ada juga pihak-pihak yang berhasrat untuk berhenti berdaftar sebagai pembayar cukai SST. Oleh sebab itu di dalam pindaan ini tujuannya ialah untuk sebab setiap seseorang yang berhenti itu kita haruslah menilai dari segi *threshold* sama ada ia jumlah yang *turnovemya* itu melebihi RM500 ribu, atau tidak, ataupun nilai ambangnya.

Oleh sebab itu untuk mengira nilai ambang ini, kita haruslah kembali kepada *historical method* untuk memastikan bahawa adakah permohonannya itu merupakan permohonan yang berasas atau tidak. Kalau sekiranya pengiraan itu menunjukkan bahawa syarikat tersebut mempunyai *turnover* yang melebihi RM500 ribu, maka ia tidak boleh dibatalkan pendaftarannya dan ia harus meneruskan. Akan tetapi sekiranya ada bukti-bukti yang

menunjukkan bahawa ia tidak mencapai nilai ambang RM500 ribu, maka pihak Jabatan Kastam Diraja boleh mengambil tindakan untuk membantu membatalkan pendaftaran syarikat tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Apandi ada membangkitkan juga tentang *special branch* dan beberapa isu. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, pindaan ini adalah bermaksud untuk memperkuuhkan kekuasaan seperti mana yang dikatakan sebelum ini bahawa pada ketika dahulu kita banyak bergantung pada *informer* ataupun ampama untuk memberikan maklumat kerana kita harus faham penyeludup-penyeludup dan juga penjenayah-penjenayah ekonomi ini memang melakukan kegiatan dengan begitu cekap.

Oleh sebab itu kita harus mendapat bantuan bukan sahaja daripada pegawai-pegawai kastam, perisik-perisik daripada pegawai kastam tetapi juga kita harus mendapat bantuan daripada mungkin mereka yang mengetahui tentang kaedah yang dilaksanakan oleh penjenayah-penjenayah ini. Oleh sebab itu kita memberikan- melantik ejen provokator seperti mana juga yang dilakukan oleh polis dan pihak SPRM dan keberkesanan daripada agensi-agensi yang lain ini telah digunakan oleh pihak KDRM untuk memohon supaya kita mendapat khidmat ejen provokator untuk membantu keberkesanan pelaksanaan pencegahan.

Isu melibatkan daging ini seperti mana yang saya nyatakan- kartel daging ini. Kita belum ada lagi kenyataan rasmi daripada pihak kerajaan kerana ia melibatkan banyak agensi-bukan sahaja kastam. Melibatkan MAQoS, melibatkan KPDKKK dan juga JAKIM. Jadi perkara ini terlalu *premature* untuk kita membuat apa-apa andaian sehingga ada siasatan yang menyeluruh, barulah boleh diambil kesimpulan terhadap perkara tersebut.

Oleh sebab itu saya ingat itu sahaja yang saya telah ingin jelaskan di sini dan telah merangkumi sebahagian besar daripada apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan. Saya ucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dan sokongan terhadap pindaan akta ini. Saya percaya ia sedikit sebanyak akan mempertingkatkan keupayaan kita dan membantu kerajaan untuk meningkatkan hasil.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Lim Ban Hong) dan diluluskan]

■1050

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.50 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2020 yang di cadangkan adalah merupakan pindaan susulan kepada pindaan yang telah dilaksanakan ke atas Akta Kastam 1967. Selain itu, pindaan juga dibuat bagi memperkemaskan pelaksanaan dan layanan cukai perkhidmatan antaranya dengan menambah baik peruntukan berkaitan pemberhentian tanggungan untuk berdaftar mewajibkan pemakluman sekiranya yang berdaftar tidak lagi memberikan perkhidmatan bercukai bagi apa-apa perkhidmatan bercukai yang telah didaftarkan dan pindaan bagi membolehkan pulangan balik kepada orang kena cukai dibuat secara potongan melalui penyata.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 21 Fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 untuk mengadakan peruntukan bagi takrif baharu bagi “barang” dan “pengangkut”. Fasal ini juga turut bertujuan meminda takrif *foreign service provider* dalam teks bahasa Inggeris untuk menjadikannya selaras dengan teks bahasa kebangsaan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 18 bagi memperuntukkan bahawa kaedah untuk menentukan nilai perkhidmatan bercukai bagi mana-mana orang berdaftar yang telah

berhenti bertanggungan untuk berdaftar adalah pada bulan itu dan pada 11 bulan sebaik sebelum bulan itu iaitu kaedah sejarah- *historical method*.

Fasal 4 bertujuan meminda perenggan 19(1)(a) untuk menjelaskan bahawa mana-mana orang berdaftar di bawah seksyen 13 dan 14 yang berhenti menjalankan perniagaan yang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai untuk memberitahu Ketua Pengarah Kastam secara bertulis dalam tempoh 30 hari daripada pemberhentian itu.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 20A untuk mengadakan peruntukan bagi perubahan pendaftaran dan butir-butir pendaftaran orang berdaftar daripada tarikh kuat kuasa perubahan itu.

Fasal 6, 7, dan 8 bertujuan meminda subseksyen 27(1), perenggan 31(1)(b) dan subseksyen 32(2) masing-masing sebagai pindaan berbangkit sebagai penomboran semula dalam Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019.

Fasal 9 bertujuan memasukkan seksyen baharu 34A bagi membolehkan Ketua Pengarah Kastam mengarahkan mana-mana orang berdaftar untuk memotong jumlah pembayaran balik dari jumlah perkhidmatan yang perlu dibayar di bawah perenggan 34(3)(b) atau di bawah seksyen 23 dan 39 dengan jumlah cukai yang kena dibayar daripada penyatanya di bawah seksyen 26. Sekiranya terdapat baki ke atas amaun pembayaran balik, baki tersebut hendaklah dibayar balik kepada Pendaftar. Ketua Pengarah Kastam boleh memegang keseluruhan atau sebahagian amaun yang boleh dibayar balik sebagai kredit untuk bayaran cukai pada masa hadapan.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 40 untuk meluaskan pemakaian seksyen ini kepada orang berdaftar asing berhubungan dengan peremitan cukai perkhidmatan surc妖 yang terakru atau penalti fi atau wang lain yang kena dibayar.

Fasal 11 bertujuan memotong seksyen 56A Bahagian Sembilan Akta 807 dan memasukkannya sebagai seksyen baharu 63B Bahagian Sepuluh.

Fasal 12 bertujuan memasukkan subseksyen (4A) di bawah seksyen 56A Bahagian Sembilan A untuk memberi Ketua Pengarah Kastam atas permohonan untuk meluluskan cukai perkhidmatan berkenaan dengan perkhidmatan digital yang telah diberikan oleh berdaftar asing menjadi genap pada masa invois dikeluarkan.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 56GA untuk membenarkan orang berdaftar asing untuk membuat potongan atau tambahan cukai perkhidmatan dalam penyatanya jika nota kredit dan nota debit dikeluarkan di bawah hal keadaan dan syarat yang ditetapkan.

Fasal 14 bertujuan memasukkan subseksyen baharu (4A) di bawah seksyen 56H untuk menghendaki orang berdaftar asing yang terhenti daripada bertanggungan untuk

didaftarkan di bawah seksyen 56D untuk mengemukakan penyata kepada Ketua Pengarah Kastam.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 62 untuk memberi pegawai cukai perkhidmatan yang hak kuasa untuk membuat penyitaan di mana-mana premis. Pindaan ini dibuat bagi meluaskan pemakaian seksyen ini kepada penyitaan apa-apa barang, dokumen, artikel dan benda bagi semua kandungan apa-apa pengangkut yang di dalamnya barang, dokumen, artikel atau benda itu dijumpai.

Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 62A bagi memberi pegawai cukai perkhidmatan yang hak kuasa untuk mengelak *to seal* barang-barang, dokumen, artikel atau benda atau tempat, premis, bekas muatan, bungkusan atau pengangkut yang di dalamnya barang, dokumen, artikel atau benda itu dijumpai.

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 63A bagi memperuntukkan kuasa kepada pegawai cukai perkhidmatan yang mempunyai segala kuasa sebagai seorang pegawai polis berpangkat koperal dan lebih rendah dan kuasa seorang Pegawai Penjara berpangkat sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995 apabila membawa dan menjaga orang dalam tahanan.

Fasal ini juga bertujuan memberikan kuasa seorang penjaga balai polis kepada seorang Pegawai Cukai Perkhidmatan yang di mana Pegawai Cukai Perkhidmatan tersebut hendaklah disifatkan sebagai balai polis. Fasal ini bertujuan untuk memasukkan seksyen 56A dalam Bahagian Sembilan yang telah dipotong sebagai seksyen baharu 63B.

Fasal 18 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 65A untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehpercayaan keterangan ejen provokasi dan kebolehterimaan sebagai keterangan apa-apa penyataan yang diberi kepada ejen provokasi oleh seorang yang kemudiannya dipertuduh atas sesuatu kesalahan.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 73A untuk menjadikannya satu kesalahan bagi mana-mana orang yang mendapatkan pemotongan cukai secara tidak wajar.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 82 untuk menghendaki pelikuidasi-*liquidator* sesuatu syarikat yang bertanggungan ke atas cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar untuk memberikan notis penggulungan syarikat kepada Ketua Pengarah Kastam.

Fasal 21 bertujuan meminda seksyen 83 untuk menghendaki penerima bagi harta mana-mana orang yang bertanggungan ke atas apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar yang dilantik untuk memberikan notis mengenai pelantikan itu kepada Ketua Pengarah Kastam. Penerima juga hendaklah, sebelum melupuskan apa-apa aset orang itu, mengetepikan sejumlah wang daripada aset sebagai mencukupi untuk mengadakan

peruntukan bagi membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan atau perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh yang menjadi genap masa dan kena dibayar.

Selanjutnya, fasal-fasal lain yang tidak dinyatakan secara spesifik adalah merupakan pindaan kecil atau *consequential in nature*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Laju juga Yang Berhormat Timbalan Menteri menyampaikan ia. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengikutinya. Sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ada dua orang Yang Berhormat Senator yang mohon untuk memberi pandangan dan bahasan. Sila, Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

10.59 pg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perbahasan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2020 ini tidak jauh berbeza dengan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020 kerana ia berkisar tentang pindaan yang bersifat *consequential*, dengan izin, daripada akta ibu iaitu Akta Kastam.

■1100

Seperti yang telah saya nyatakan dalam ucapan perbahasan saya ketika menyokong Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020 bahawa perlunya kerajaan membuat penelitian yang serius terhadap apa jua usaha untuk mengembalikan GST dalam pengutipan cukai kepada rakyat. Segala bentuk tindakan kerajaan mestilah berhati-hati termasuklah dalam mengenakan cukai SST kepada rakyat kerana sebarang kelemahan pasti akan mengundang rasa tidak puas hati di pihak rakyat sehingga akhirnya akan membebankan rakyat.

Saya mengambil kesempatan pada hari ini mencadangkan supaya kerajaan membuat kaji selidik di lapangan untuk mendapatkan pandangan rakyat terhadap konsep cukai yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan. Kita tidak dapat mengelakkan daripada mengenakan cukai kepada rakyat tetapi mestilah dipastikan ia tidak membebankan rakyat.

Saya ulangi, ia mestilah tidak membebankan rakyat. Antara isu yang berbangkit dengan pelaksanaan cukai perkhidmatan ialah rakyat yang masih keliru dengan caj 6 peratus ini, sama dengan caj 6 peratus GST. Saya mohon penjelasan lanjut Yang Berhormat Timbalan

Menteri berkenaan senarai dan kategori perkhidmatan apakah yang boleh dikenakan caj 6 peratus itu. Saya ingin tahu bilangan pembayar cukai perkhidmatan ini sekarang berbanding rejim GST dahulu. Saya juga ingin mendapat penjelasan lanjut berkenaan bayaran tuntutan balik GST dahulu, adakah semua tuntutan sudah selesai bayar kepada syarikat yang menuntut?

Saya juga ingin tahu, adakah pihak kerajaan turut mengenakan cukai kepada pihak penyedia platform jualan digital e-dagang seperti *Shopee*, *Lazada* dan lain-lain. Ini kerana apa yang kita dapat lihat hampir setiap bulan mereka mengadakan kempen promosi besar-besaran bersempena tarikh tertentu, yang terbaru “12.12”, pada 12 Disember 2020. *Shopee* memulakan jualan ulang tahun kelimanya dengan 4 kali-ganda lebih banyak barang dijual pada jam pertama berbanding semasa 2019. Ia menyaksikan sekitar 12 juta pesanan diterima bagi 24 Mei, masa pertama jualan dilangsungkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering dihidangkan dengan Laporan Ketua Audit Negara yang menyatakan kerugian berbilion-bilion Ringgit akibat ketirisan. Ekonomi gelap atau ekonomi bayangan negara berjumlah 21 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dianggarkan berjumlah RM300 bilion. Ekonomi gelap juga dikenali sebagai ekonomi bawah tanah atau pasar gelap sering dikaitkan dengan kegiatan jenayah yang merangkumi hasil haram daripada rasuah. Penyeludupan senjata api, rokok, dadah, pelacuran, pornografi, perjudian haram dalam talian, pemalsuan pasport dan pemerdagangan manusia.

Selain itu, ekonomi gelap juga meliputi sektor rasmi tidak berdaftar seperti perniagaan tidak berlesen, pekerja bebas. Justeru saya amat berharap agar pihak kerajaan berusaha gigih dan tegas untuk menutup ketirisan cukai akibat aktiviti ekonomi gelap ialah dengan melaksanakan penyiasatan cukai atau audit cukai yang tidak popular untuk membanteras kes mengelak atau lari cukai.

Saya dengan ini menyokong pindaan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2020 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

11.04 pg.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian. Sebelum itu saya mohon maaflah hendak membetulkan sebutan Tuan Yang di-Pertua- Sr. adalah surveyor.

Tuan Yang di-Pertua: Surveyor.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: “Ir.” ialah Insinyur.

Tuan Yang di-Pertua: Cakap Orang Putih ya?

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Dia panggil surveyor [Ketawa] Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab "Sr." itu kadang-kadang dia senior.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: [Ketawa] Layak sudah- 99 Ahli Parlimen ini, layaklah kot.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh. Layaklah itu, okey.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Jadi *insya-Allah* sehubungan itu saya ingin merujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Seseorang apabila...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat hendak terus, "Sr." itu ada dalam Kad Pengenalan tak?

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tak ada, tak ada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Akan tetapi diterima pasal kita sekarang di bawah *Royal Institution of Surveyors Malaysia* (RISM) sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan nanti, buat kerja rumah dahulu ya.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "*Seseorang apabila diberi amanah kepada dia maka dia laksanakan amanah itu dengan bersungguh-sungguh dengan telus.*" Jadi sehubungan dengan meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018, benda ini bukan benda baru. Perkara bukan perkara baru kerana daripada dulu sudah ada cukai perkhidmatan dikenakan kepada pembekal-pembekal perkhidmatan profesional termasuk surveyor, doktor, arkitek dan sebagainya. Dulu dikenakan lima peratus kemudian diperkenalkan GST di mana merangkumi perkhidmatan juga enam peratus daripada lima kepada enam kemudian GST dipecahkan kepada dua cukai jualan dan cukai perkhidmatan, kekal enam peratus.

Demi kecintaan saya kepada negara, yang tercinta Malaysia. Kalau dulu kerajaan meletakkan dalam akta ini di mana bayaran balik oleh pembekal-pembekal perkhidmatan setelah diberi perkhidmatan maka dalam tempoh 60 hingga 90 hari mesti dibayar kepada kerajaan berdasarkan kepada invois yang dikeluarkan. Kemudian kerajaan memendekkan daripada 60 hingga 90 hari kerajaan memendekkan pada 30 hingga 60 hari. Jadi, satu kelebihan atau *advantage* kepada kerajaan kerana kerajaan dapat mengutip wang tersebut lebih awal.

Saya mohon mencadangkan di sini kerana wang tersebut bukan wang milik pemberi perkhidmatan kerana ia dibayar oleh pelanggan, sama ada pelanggan arkitek, kejuruteraan, ukur bahan, penilaian, ukur tanah dan sebagainya. Oleh sebab wang itu wang milik kerajaan

yang dibayar melalui pemberi perkhidmatan, saya mohon mencadangkan supaya wang itu tidak perlulah digunakan oleh pemberi perkhidmatan itu kerana wang itu bukan wang mereka.

Jadi, tidak menjadi masalah kalau kerajaan hendak meminda undang-undang menjadikan daripada tarikh 1 kepada 30. Jadi kerajaan lebih cepat mendapat wang tersebut dan pada masa yang sama untuk tahun ini kerajaan akan mendapat pendapatan yang lebih daripada cukai perkhidmatan tersebut kerana dipendekkan waktu. Inilah idea yang orang putih kata *mood*, dengan izin, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dulu Tun Dr. Mahathir.

Semasa dia memberikan satu *tax holiday* pada 1999, pada tahun itu tidak dikenakan cukai ekoran daripada serangan ekonomi yang teruk di negara Asia Pasifik oleh *speculator* wang termasyhur di dunia George Soros menyebabkan kerajaan tidak mengenakan apa-apa cukai pendapatan kepada rakyat pada ketika itu *tax holiday*. Akan tetapi ada kecerdikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu, pada ketika itu, dengan izin, kata Orang Putih, *pay after you earn*. Maknanya kalau pendapatan 1998 maka dibayar pada 1999. Maknanya kesinambungan kutipan oleh kerajaan itu tidak putus. Kemudian pada 1999 tidak dikenakan cukai tetapi pada tahun 2000- kerajaan mengenakan, dengan izin, *pay as you earn*.

Maknanya bayar pada tahun yang sama, dapat terus bayar, dapat terus bayar, tidak tunggu sampai penghujung tahun. Jadi maknanya dengan idea yang bernas ini kutipan kerajaan itu tidak putus, cuma *political mileage* kerajaan dapat, 1999 tak perlu bayar cukai tetapi pada tahun 2000, *pay as you earn* seperti mana pekerja-pekerja kerajaan yang bergaji tetap automatik dipotong.

■110

Jadi, saya pada hari ini demi kecintaan saya pada negara saya, saya mohon supaya boleh ditimbangkan untuk bayar daripada satu ke tiga puluh. Cuma satu lagi, kerajaan harus peka. Jangan paksa bayar klien yang tak bayar. Ada sesetengah itu dia *based* kepada invois. Yang sedihnya, minta maaf ada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ini– yang teruk lambat bayar, bertahun-tahun ini Kementerian Pendidikan sendiri.

Kakitangan teknikal dia tidak cukup tapi hendak jaga sekolah bertimbun-timbun. Patut bagi JKR sajalah, Jabatan Kerja Raya. Minta maaf, Yang Berhormat Menteri ada dalam ini. Tak mampu. Oleh sebab itu, mereka tidak bayar cukai-cukai, dia tidak bayar duit-duit *consultancy* dengan izin. Lama, dua tahun, tiga tahun, empat tahun. Merungut habis kalangan konsultan. Kalau buat survei dia boleh jawab.

Jadi sebab itulah, kalau dalam kes seperti ini kerajaan minta toleransilah sikit. Klien tak bayar, tak kan lah kita hendak korek duit kita sendiri hendak bayar. Akan tetapi, pegawai-pegawai datang ke pejabat kita, itu bukan hal kami. Hal kami invois kamu. Kadang-kadang kita ini meniaga ini ada juga– satu lagi kerajaan kena peka, satu lagi.

Kadang-kadang syarikat-syarikat besar dunia. Katalah syarikat yang buat HSR, yang buat ECRL. Dia datang dengan pakej konsultasi dia. Di sini dia dapat elak. Ingat senang-senang saja RM500 juta daripada perkhidmatan kerana dia menggunakan total pakej *engineering* dia dan total pakej *consultancy* dia itu, dia dapat elak cukai, dia masukkan bawah syarikat-syarikat pembinaan besar gergasi mereka.

Oleh sebab itu, kerajaan kena peka bab ini. Begitu juga dengan kerja-kerja ukur laut yang dibekalkan oleh TLDM. Yang ini, selalunya yang masuk ini syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, dia masuk itu identiti dia, bukan ada identiti sebagai pengukur hidrografi atau *oceanography*, dia kategori lain. Kita hendak masuk kena cukai tetapi dia masuk tidak kena cukai. Jadi, ini minta kerajaan tengok. Saya tak nak sebutlah nama syarikat-syarikat itu, syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Saham ini semak balik, kaji balik walaupun dia tidak mengkategorikan diri mereka kepada syarikat pembekal perkhidmatan, tapi realitinya mereka buat kerjasama sepertimana ini.

Begitu juga dengan akhir-akhir ini syarikat-syarikat yang berdaftar dengan negeri-negeri. Ini kerajaan kena peka. Sekarang ini macam Johor, Melaka, Pahang, Terengganu sudah ada syarikat yang diberi kuasa dan diluluskan oleh kerajaan negeri masing-masing menjadi *one stop centre* kepada kerja-kerja utiliti dan pengukuran utiliti bawah tanah.

Jangan saja pembekal-pembekal ukur tanah utiliti yang dikenakan, tapi yang ini, yang syarikat-syarikat yang diberi lesen oleh negeri-negeri ini. Dia sudah monopoli, dia yang lantik juruukur, dia tidak ada juruukur berkelayakan pun. Saya graduan pertama Diploma Utiliti Bawah Tanah dalam Malaysia, graduan pertama, 27 orang.

Jadi, saya sedih kerana syarikat-syarikat ini diberi lesen monopoli oleh negeri-negeri berkenaan tetapi mereka tidak membayar cukai perkhidmatan enam peratus. Jadi, kerajaan perlu pantau supaya menambahkan pendapatan negara atas dasar kecintaan saya kepada negara saya Malaysia dan minta Yang Berhormat Menteri- tolong tengok sikit yang jumlah kakitangan teknikal yang tidak cukup tapi hendak kawal kerja besar-besar menyebabkan ramai konsultan yang menangis kerana menunggu bayaran sampai bertahun-tahun untuk dapat.

Kita- kami dua bulan lepas itu kena bayar sudah. Dua bulan lepas itu kena bayar sudah ke kerajaan. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan sampai sekarang, bertahun-tahun tidak bayar. *Wallahu'lam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Atau saya boleh bercakap lagi. Boleh cakap lagi kah?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis, sudah habis.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Okey, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Seterusnya saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

11.14 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat, dua orang Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan ini. Sepertimana yang telah- beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, ada yang berbentuk soalan dan ada juga yang berbentuk cadangan ataupun idea-idea untuk menambah baik perkhidmatan kerajaan. Ini kita amat menyambut baik khususnya apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

Sebagai seorang yang berpengalaman, beliau mempunyai banyak idea-idea yang telah disampaikan khususnya bagi meningkatkan kecekapan khususnya berkait dengan pengurusan dan pentadbiran kerajaan. Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam ada membangkit beberapa isu iaitu berkaitan, yang pertama sekali ialah berkaitan dengan yang sekali lagi GST.

Sepertimana saya katakan tadi apa juga tindakan yang diambil memerlukan kajian yang lebih mendalam iaitu melibatkan kajian-kajian terhadap kesan ekonomi, kos sara hidup, kesan cukai ke atas harga barang serta keupayaan menangani kegiatan ekonomi gelap dan kerajaan juga sebenarnya memang *explore* banyak cukai baharu yang perlu diteroka untuk meningkatkan hasil kerajaan. Tidak semestinya GST.

Sepertimana saya katakan tadi semuanya adalah masih pada peringkat kajian termasuklah *wealth-holding tax*, *wealthy tax* dan juga cukai-cukai lain yang dikenakan untuk meningkatkan hasil kerajaan dan yang lebih penting lagi ialah untuk meningkatkan penguatkuasaan. Sekiranya kita dapat meningkatkan penguatkuasaan, saya percaya dengan tanpa menambah percukaian pun kita boleh dapat meningkatkan hasil seperti mana yang dijelaskan sebelum ini bahawa *black economy* adalah begitu besar sehingga mencecah RM300 bilion. Kalau ini dapat kita atasi, saya percaya kita akan dapat meningkatkan hasil kerajaan dan dapat membolehkan kerajaan menggunakan hasil-hasil ini bagi pembangunan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa cukai perkhidmatan ini adalah dikenakan kepada beberapa sektor tertentu khususnya bagi mereka yang menyediakan perkhidmatan contohnya seperti hotel, penyedia perkhidmatan F&B, restoran, *cafe*, katering, *food truck* dan sebagainya; kelab persendirian, *golf club*, pertaruhan dan perjudian dan juga profesional seperti *accounting*, *surveying*, kejuruteraan elektrik dan perkhidmatan kredit kad dan caj kad dan insurans termasuk juga telekomunikasi, *broadcasting*, digital dan sebagainya.

Ini adalah merupakan bidang-bidang yang dikenakan cukai perkhidmatan. Yang Berhormat Tuan Subramaniam juga ada membangkit tentang sama ada GST ke semuanya sudah dibayar. Untuk makluman Yang Berhormat masih ada lebih kurang RM1.873 bilion yang belum dapat diselesaikan dan dia akan dibayar. Sebahagian besarnya sudah dibayar balik. Hanya lebih kurang RM1.873 bilion yang belum dapat dilunaskan berdasarkan kepada beberapa perkara yang perlu diselesaikan. Yang Berhormat juga ada bertanya tentang *foreign service provider* yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan multimedia, *online*.

Untuk makluman Yang Berhormat, ini juga kita mendapat pulangan ataupun mendapat cukai perkhidmatan daripadanya, bukan saja dikenakan kepada *provider* tempatan tetapi juga kita sudah mulakan usaha-usaha untuk memungut hasil daripada *foreign service provider* seperti macam seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi *Netflix* dan juga beberapa *Amazon* dan kita setakat ini telah pun dapat mengutip RM428.070 juta. Ini adalah merupakan satu sumber kekayaan baharu dan kita akan berusaha untuk meningkatkan pungutan cukai bagi *foreign service provider* dan juga *content* yang terdapat dalam multimedia.

■1120

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berkaitan dengan audit cukai. Sememangnya pihak Jabatan Kastam sentiasa mengadakan audit khususnya audit lapangan untuk memastikan bahawa setiap pembayar cukai ataupun mereka yang berdaftar sebagai pembayar cukai kastam ini dapat memberikan angka yang benar dan dapat memastikan bahawa kerajaan dapat mengutip cukai yang sebenarnya.

Jadi, itu sahaja, Ahli-ahli Yang Berhormat, berkaitan dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Apandi tadi. Banyak perkara yang telah dicadangkan mungkin juga melibatkan beberapa kementerian, bukan sahaja Kementerian Kewangan tetapi juga kementerian-kementerian yang lain khususnya Kementerian Pendidikan yang melibatkan perkhidmatan konsultasi yang sememangnya banyak rungutan yang kita terima berkait dengan banyak fees yang masih belum dilunaskan. Oleh sebab itu, saya berharap perkara ini akan dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

Jadi, itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dapat bersama-sama untuk menjayakan pindaan akta Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan yang telah dipinda pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Timbalan Menteri Kewangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[**Fasal-fasal 1 hingga 21** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Lim Ban Hong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PELANCONGAN (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.24 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pelancongan 2017 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020 yang dicadangkan ini adalah bagi meminda Akta Cukai Pelancongan 2017 [Akta 791] dengan tujuan untuk melaksanakan langkah cukai yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2021 iaitu memperluaskan skop kenaan cukai pelancongan ke atas premis penginapan yang ditempah melalui pemberi perkhidmatan platform digital bagi menyamaratakan layanan cukai pelancongan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 21 fasal seperti berikut.

Fasal 1 dan 2 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini serta pemakaian akta dan semua perundangan subsidiarinya di dalam dan di luar Malaysia termasuk ke atas pemberi perkhidmatan platform digital.

Fasal 3 bertujuan mentakrifkan maksud “*pemberi perkhidmatan platform digital*” sebagai mana-mana orang yang memberi perkhidmatan berhubung dengan tempahan premis perniagaan dalam talian.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 9 bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pemberi perkhidmatan platform digital yang berdaftar dan memungut cukai pelancongan.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 13 bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk membatalkan pendaftaran pengendali premis penginapan sekiranya pengendali telah berhenti mengendalikan premis perniagaan.

Fasal 6 dan 7 bertujuan meminda seksyen 14 dan 15 berhubung peruntukan mengenai pengeluaran invois, resit atau dokumen lain kepada pelancong atau pengendali premis perniagaan dan pemberi perkhidmatan platform digital.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 18 bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk meminda tempoh bercukai yang dipohon oleh pengendali premis perniagaan dan menentukan apa-apa tempoh bercukai yang lain.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 20 bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk menaksir amaun cukai pelancongan dan penalti yang dikenakan oleh pemberi perkhidmatan platform digital.

Fasal 10 bertujuan memasukkan bahagian baharu VA yang mengandungi seksyen baharu 20A hingga 20K.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 24 bagi membolehkan Ketua Pengarah meluluskan permohonan pemberi perkhidmatan platform digital untuk memotong daripada penyata cukainya amaun cukai pelancongan yang telah dibayar tetapi kemudiannya dibayar balik kepada pelancong.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 25 bagi membolehkan Ketua Pengarah memungut cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain daripada mana-mana orang yang berhutang wang kepada pemberi perkhidmatan platform digital.

Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 29 bagi membolehkan cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang yang lain yang kena dibayar oleh pemberi perkhidmatan platform digital didapatkan balik sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada kerajaan.

Fasal 14 bertujuan meminda seksyen 30 bagi mendapatkan balik cukai pelancongan daripada mana-mana orang yang bukan pemberi perkhidmatan platform digital tetapi terbukti telah menyediakan perkhidmatan penginapan.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 33 bagi memberi kuasa kepada pegawai kastam untuk mengakses tempat atau premis di mana pemberi perkhidmatan platform digital memerlukan perkhidmatan tempahan premis penginapan dalam talian.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 41 bagi memperuntukkan bahawa tiada mana-mana orang boleh memungut cukai pelancongan melainkan dia bertanggungan untuk memungut cukai pelancongan.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 65 bagi menetapkan tiada orang boleh menjalankan apa-apa urusan cukai pelancongan bagi pihak pemberi perkhidmatan platform digital kecuali tentang perkara berkaitan pembayaran balik, peremitan, pengecualian atau perkara lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 69 yang mengehendaki penerima harta yang dilantik oleh pemberi perkhidmatan platform digital hendaklah memberi notis kepada Ketua Pengarah Kastam dalam tempoh 14 hari selepas pelantikan.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 70 bagi memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan apa-apa perkara berhubung dengan pemberi perkhidmatan platform digital.

Fasal 21 memperuntukkan tempoh peralihan bagi tempahan premis perniagaan dalam talian yang telah dibuat sebelum tarikh efektif akta yang dicadangkan ini. Tiada cukai pelancongan yang akan dikenakan.

■1130

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus adalah pindaan yang kecil atau berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta sokongan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis bila rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pelancongan 2017 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk bahasan. Di hadapan saya ada 10 orang pembahas yang akan membahaskan usul ini, jadi saya mohon kepada pembahas dapat menjaga masa yang ditetapkan. Saya mohon yang pertama, Yang Berhormat Tuan Idris bin Haji Ahmad.

11.31 pg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dan menyokong berkenaan dengan Rang Undang-undang Cukai Pelancongan 2020 dan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah pun konsisten di dalam membantu dan menggalakkan pelancongan di negara kita dengan memberi pengecualian cukai kepada pelancong-pelancong tempatan.

Walau bagaimanapun, di sana ialah kita akan mengenakan kepada pelancong-pelancong asing walaupun dengan kos yang agak kecil, tetapi kita bimbang, takut ia akan memberikan satu imej yang tidak baik kepada pelancong-pelancong asing kerana seolah-olah kita hendak kenakan lagi cukai kepada mereka. Kalau boleh, perkara-perkara seperti begini kita fikirkan kembali.

Keduanya ialah berkenaan dengan memang negara kita ini sebenarnya banyak tempat yang menarik untuk kita lawati, tetapi orang-orang yang kaya macam yang sebahagian besar di kalangan Ahli Senat ini kecuali saya, yang kebanyakannya hujung tahun mereka akan melawat ke luar negara terutama bulan Disember ini ialah bulan melancong untuk bermain salji di negara-negara yang ada salji. Melawat juga di sana zoo ataupun tempat-tempat untuk mereka main skuba dan sebagainya, sedangkan di Malaysia juga banyak tempatnya.

Kalau zoo di luar negara pun bukanlah banyak sangat binatangnya, tetapi oleh sebab hendak bagi tahu kepada orang yang kita ini pernah melawat ke zoo di Australia, zoo dekat Amerika, zoo dekat dengan Belanda, maka akhirnya kita- itulah menyebabkan kadang-kadang kita kurang untuk melawat di negara kita sendiri. Maka dengan takdir Allah SWT, kita sekarang tidak boleh ke luar negara. Maka, pasport merah terpaksa kita simpan dalam laci. Kita hanyalah melawat di tempat-tempat yang tidak menggunakan pasport sahaja kerana untuk melawat di tempat yang tersendiri.

Ketiganya ialah berkenaan dengan- sudah tentu soal pelancongan ini melibatkan perkara-perkara promosi yang perlu dibantu oleh pihak agensi-agensi pelancong. Ini kerana banyak tempat yang menarik sebenarnya, tetapi apabila tidak di promosi, maka akhirnya perkara itu hilang begitu sahaja. Contohnya seperti mana landasan kereta api yang pertama di Taiping terletak di Pekan Port Weld. Sekarang ini tersorok tempat itu yang terletak di celah-celah gerai-gerai orang bermiaga. Sedangkan kalau di luar negara seperti begitu amat berharga nilai *heritage*-nya, dengan izin, dapat dipelihara dengan baik, tetapi ia tidak dipromosi ataupun dijaga dengan baik.

Poin saya seterusnya ialah berkenaan dengan soal agropelancongan. Agropelancongan kerana negara kita ini kebanyakannya negeri pertanian. Orang datang ke negara kita dan juga kita sendiri pun, anak-anak kita, kita suka untuk bawa anak-anak cucu kita pergi melawat di kawasan-kawasan pertanian seperti mana kita buat chalet di dalam kebun durian ataupun di dalam kebun rambutan dan sebagainya. Mungkin perkara ini agak sukar untuk dibuat oleh persendirian kerana rakyat Malaysia ini tidak berapa ramai. Kalau kita buat sekali itu mungkin orang datang sekali sudah tidak datang, makin menyebabkan kita punya pendapatan hilang dan akhirnya segala konsep pelancongan yang kita hendak buat itu tidak boleh.

Walau bagaimanapun, benda ini boleh dibuat oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan pertanian. Kita membina chalet-chalet di tempat-tempat situ. Kalau musim durian, kita menggalakkan. Macam di tempat saya dan juga di Batu Kurau, setiap kali musim, kita membuat tentang pesta makan durian. Bayar RM10, kadang-kadang orang dari Johor Bahru pun datang, *jammed* jalan kampung itu fasal orang hendak makan durian murah kita katakan. Maka, itu salah satu daripada menggalakkan pelancong dalam bentuk agropelancongan yang terdapat di dalam negara kita yang perlu kita *promote*-kan kerana ini merupakan satu perkara yang amat baik untuk kita lakukan dan kita laksanakan.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Idris bin Haji Ahmad. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

11.36 pg.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini. Dalam konteks Malaysia, pelancongan antara penyumbang yang terbesar kepada pendapatan negara.

Namun begitu, walaupun aktiviti pelancongan kembali dibenarkan, keyakinan pengguna untuk melancong masih lagi berada di tahap yang rendah. Bagi memastikan Malaysia menjadi destinasi pelancongan ideal, isu keselamatan dalam industri pelancongan merupakan aspek kritikal yang perlu diberi perhatian serius.

Umum mengetahui penggunaan platform digital amat selari dengan Revolusi Perindustrian 4.0 dan penggunaan pada saat pandemik COVID-19 melanda amat bertepatan. Hal ini kerana perkhidmatan atas talian merupakan satu norma baharu dalam kalangan masyarakat hari ini bagi membendung penularan akibat sentuhan.

Perkhidmatan ini mampu mengurangkan sentuhan, malah mampu mengelak pelanggan untuk berada di tempat yang sesak seperti berkumpul di lobi bagi urusan pendaftaran, sekali gus meningkatkan keyakinan pengguna terhadap sektor pelancongan. Buktinya, Airbnb yang menawarkan perkhidmatan penginapan atas talian mencatatkan keuntungan kira-kira RM899 juta dalam suku kewangan berakhir walaupun krisis COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, platform digital mengecilkan fungsi agensi-agensi pelancongan. Dalam Bajet 2021, kerajaan telah menyalurkan bantuan kepada industri perhotelan dan penerbangan.

Namun, peranan agensi pelancongan sama sekali ia tidak disentuh. Lebih-lebih lagi bantuan yang disalurkan kepada industri perhotelan dan penerbangan membuka ruang

kepada pelanggan untuk berurus secara terus dengan syarikat terbabit tanpa menggunakan perkhidmatan agensi pelancongan. Rakyat akan cenderung menggunakan semua tempahan melalui platform digital, sekali gus menyebabkan peranan agensi pelancongan ke tahap sifar. Perkara ini tidak mustahil membawa kepada lebih banyak agensi pelancongan gulung tikar. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk tidak mengetepikan agensi-agensi perkhidmatan pelancongan yang ada di negara ini supaya mereka tidak gulung tikar?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan isu berkenaan dengan keselamatan maklumat pengguna yang disalurkan melalui perkhidmatan digital ini lebih-lebih lagi perkhidmatan ini majoritinya disediakan oleh syarikat asing. Sejauh manakah maklumat yang diberikan benar-benar terjamin selamat? Apakah inisiatif kerajaan dalam memastikan maklumat yang diberikan oleh pengguna ini tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak? Akhir sekali saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah dengan wujudnya cukai baharu ini, ia akan melibatkan implikasi kewangan? Jika ada, mohon penjelasan.

■1140

Sebagai kesimpulan di kala negara dilanda COVID-19, pihak kerajaan perlu memastikan sebarang apa yang dilakukan dasar-dasar serta cukai baharu mestilah tidak membebankan rakyat di negara ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

11.40 pg.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, cukai pelancongan cukai yang dikenakan pada kadar yang spesifik terhadap pelancong yang menginap di mana-mana premis penginapan yang disediakan oleh pengendali premis. Manakala cukai digital pelancongan adalah cukai yang dikenakan kepada perkhidmatan digital atau pengendali platform pelancongan digital. Cukai digital ialah cukai yang dikenakan ke atas pelancong-pelancong serta firma-firma digital yang melakukan urusan perniagaan atas talian.

Cukai digital ini juga telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2019 dan ia ternyata telah membantu menjana pendapatan negara dengan kutipan sejumlah RM428 juta walaupun sasaran awalnya dijangka berpotensi untuk menjana hampir RM450 juta kepada kerajaan. Rasionalnya pengenalan cukai ini adalah untuk menyamaratakan bidang antara *business* tempatan dan antarabangsa dalam sektor digital. Tidak seperti syarikat fizikal yang terikat dengan rejim cukai sesebuah negara, ini tidak berlaku kepada firma digital kerana

perkhidmatan atau produk yang dijual kepada pelanggan mereka tidak dikenakan sebarang cukai selama ini.

Apa yang berlaku pemain industri digital global sering mengelak diri daripada membayar cukai di Malaysia atas alasan mereka tidak hadir secara fizikal di dalam negara ini. Sebaliknya firma-firma digital ini mengisyiharkan keuntungan di dalam negara di mana ibu pejabat mereka bertapak. Situasi ini telah menyebabkan Malaysia kehilangan potensi pendapatan cukai. Keadaan ini bukan sekadar membantu mereka meraih keuntungan berlipat kali ganda tetapi mengakibatkan sesebuah negara kehilangan peluang menambah lebih banyak hasil negara. Maka wajarlah cukai digital ini dilaksanakan.

Kajian menunjukkan pasaran pembelian atas talian di Asia Tenggara akan menjana sebanyak hampir RM258 bilion pada tahun 2021. Laporan *Bloomberg* baru-baru ini juga menyatakan Malaysia berkongsi jumlah jualan pada kadar 2.7 peratus yang mana ia menunjukkan potensi yang besar dalam pembangunan ekonomi. Kadar cukai digital enam peratus yang diperkenalkan di Malaysia juga merupakan kadar yang jauh lebih rendah berbanding dengan kadar cukai digital yang dikenakan oleh negara-negara luar seperti Norway 25 peratus, Rusia 18 peratus dan New Zealand 15 peratus.

Di Singapura, cukai digital yang diperkenalkan pada awalnya sebanyak tujuh peratus kemudian akan ditingkatkan kepada sembilan peratus untuk tahun 2021 sehingga 2025 dan Kerajaan Singapura menjangkakan akan mendapat pulangan sebanyak RM274 juta iaitu sebanyak SGD90 juta setahun. Manakala di Korea Selatan pula cukai digital yang diperkenalkan sebanyak 10 peratus dan mereka menjangkakan akan menjana cukai digitalnya sejumlah RM1.3 bilion setahun.

Jadi jika dilihat kepada jumlah tersebut, memperkenalkan cukai digital satu langkah yang bijak, tidak kira di apa juga sektor termasuklah sektor pelancongan. Akan tetapi saya ingin mencadangkan apabila cukai-cukai ini dikutip di negeri-negeri, di Negeri Sembilan, Port Dickson tempat tarikan pelancong yang agak signifikan kepada negara. Jadi kalau boleh cukai yang dipungut ini dipulangkan sebahagiannya kepada negeri-negeri tersebut, termasuklah saya rasa Sabah dan Sarawak yang mempunyai bilangan pelancong yang tinggi. Jadi sekadar itu, *wallahu'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili.

11.44 pg.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi laluan kepada saya untuk ikut serta dalam perbahasan mengenai Akta Pelancongan (Pindaan) 2020.

Pertama sekali bila kita melihat akta ini, kita harus merenung juga akta ini dibentangkan di Dewan ini dalam satu keadaan di mana industri pelancongan amat terkesan akibat daripada pandemik COVID-19. Akan tetapi kita juga harus berfikir bahawa pengenalan kepada akta ini adalah juga bertepatan dengan langkah kita untuk ke hadapan sebagai kita mengetahui bahawa penggunaan perkhidmatan platform digital akan terus meningkat dari masa ini dan seterusnya ke masa hadapan.

Jadi, beberapa perkara yang saya fikir saya hendak rujuk kepada pindaan akta ini, pertama sekali dalam fasal 4 pindaan ini. Menteri diperuntukkan kuasa untuk mengecualikan mana-mana pemberi perkhidmatan pemberi perkhidmatan platform digital atau golongan pemberi perkhidmatan platform digital daripada memungut keseluruhan atau apa-apa bahagian daripada cukai pelancongan atau kehendak untuk mendaftar di bawah bahagian baharu iaitu VA Akta 791.

Soalan pertama saya ialah sejauh mana kemampuan sistem kawalan selia ICT kementerian atau kerajaan dapat memastikan bahawa pengendali platform digital yang disepadukan dengan aplikasi tempahan syarikat penerbangan dapat diaudit dan dipantau agar kepentingan pengguna dilindungi dalam pembayaran apa-apa caj yang dimasukkan dalam penyata invois digital.

Keduanya dalam tempoh PKPB COVID-19, majoriti hotel dan perniagaan kemudahan penginapan pelancongan terjejas. Justeru, dengan memberi kuasa kepada Menteri sama ada untuk mengecualikan secara penuh atau sebahagian memerlukan mekanisme pemberitahuan kepada pengguna. Ini memerlukan sijil perakuan digital dikeluarkan untuk semakan dan pengesahan pengguna. Sejauh mana rangka kerja ini dibuat dan dilakukan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat penggunaan platform digital ini, ia tidak terhad kepada hotel ataupun tempat-tempat penginapan yang mewah sahaja. Ada juga pengusaha-pengusaha *homestay* sama ada di luar bandar terutama macam di Sarawak menggunakan platform digital untuk mempromosikan perusahaan inap desa mereka. Jadi soalan saya adalah adakah mereka ini juga termasuk atau tergolong di bawah pindaan akta ini dan dikenakan cukai platform digital?

Seterusnya, kalau kita menggunakan platform digital ini, ini bererti bahawa kita membayar dahulu kemudian barulah kita menggunakan tempat penginapan itu. Jadi sejauh mana jaminan kementerian bahawa kalau kita membatalkan tempahan kita, bermakna kita tidak menggunakan tempat itu tetapi kita sudah membayar. Jadi sejauh mana jaminan kementerian bahawa cukai yang sudah kita bayar itu akan dibayar balik oleh kerajaan.

Jadi, inilah merupakan beberapa perkara yang harus diteliti oleh kementerian apabila kita menggunakan, mengenakan cukai ke atas pemberi perkhidmatan platform digital ini. Jadi

inilah beberapa perkara yang saya rasa saya hendak kemukakan dalam perbahasan saya pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Md. Nasir bin Hashim.

11.49 pg.

Datuk Ir. Md. Nasir bin Hashim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1150

Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang Cukai Pelancongan yang saya lihat ketika ini – pelancongan ketika ini yang saya lihat adalah agak merudum akibat daripada pandemik COVID-19. Hampir semua sektor berkaitan pelancongan terpaksa menanggung kerugian atau ditutup. Ini disebabkan pintu masuk negara ditutup sejak bulan Mac 2020.

Justeru itu, kita amat bersimpati dengan golongan yang terlibat dalam sektor pelancongan. Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik perhatian tentang sektor pelancongan di Johor. Untuk meningkatkan ekonomi pelancongan di Johor, saya mencadangkan agar Mersing diperkasakan sebagai bandar pelancongan. Saya menyarankan agar sebuah lapangan terbang yang berkeluasan sederhana dibangunkan dengan kadar segera. Tambahan pula, cadangan untuk membangunkan sebuah lapangan terbang baharu berkenaan pernah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam Belanjawan 2018.

Lapangan terbang baharu dijangka mampu menerima pesawat-pesawat kecil mendarat di bandar Mersing. Lokasi pun telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor. Selain boleh menerima pelancong-pelancong khususnya dari Singapura, lapangan terbang tersebut juga boleh menerima para pelancong dari Indonesia, China, Brunei, Thailand dan lain-lain. Selain itu, lapangan terbang ini juga boleh dijadikan sebagai pusat baik pulih pesawat-pesawat kecil dari Singapura, Indonesia dan lain-lain. Dari lapangan terbang ini, para pelancong boleh menaiki feri untuk beriadah di beberapa buah destinasi menarik seperti Pulau Tioman, Pulau Rawa, Pulau Sibu dan Pulau Aur.

Selain itu, Taman Negara Endau Rompin juga mampu menggamit kehadiran pelancong. Bagi menyokong industri pelancongan, saya cadangkan juga pembinaan *breakwater* di tebing Sungai Mersing. Ketika ini, feri hanya boleh mengemudi ataupun masuk ketika air pasang di muara Sungai Mersing. Ketika air surut, bot-bot pelancong tidak boleh masuk dan keluar dari muara Sungai Mersing kerana pada ketika itu, sungai sangat cetek.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, setiap dua tahun, Jabatan Pengairan dan Saliran akan menjalankan kerja-kerja mendalamkan Sungai Mersing. Namun begitu, perkara yang sama juga berulang semula dengan pasir-pasir memasuki semula muara sungai. Pada saya, ini satu pembaziran. Oleh itu, saya cadangkan kerajaan membeli tembok penahan pasir untuk laluan masuk di muara Sungai Mersing. Mungkin panjang tebing berkenaan boleh dianggarkan lebih kurang 600 meter dari muara. Tujuannya untuk menyediakan kemudahan kepada sektor pelancongan berkembang terutamanya di bandar Mersing. Sekian, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi lain dahulu ya.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Boleh, boleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

11.54 pagi

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin berterima kasih kerana memberi laluan untuk saya berbahas dalam Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2017 ini. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan ini satu sektor yang sangat penting bagi ekonomi negeri Sabah. Pada tahun 2019, tahun lalu sahaja sebanyak – pendapatan ataupun jumlah input kepada ekonomi Sabah adalah pada jumlah RM9 bilion telah masuk ke dalam ekonomi negeri Sabah. Jadi, ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya sektor pelancongan ini kepada negeri Sabah.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, sejak penularan COVID-19 ini, memang sektor inilah juga yang mendapat paling banyak masalah dan mendapat kesan yang paling buruk terhadap ekonomi kami. Jadi, kita mesti melihat bahawa cukai pelancongan ini adalah satu-satunya cara untuk kita meningkatkan pendapatan fizikal negara. Akan tetapi pada masa yang sama, saya ingin membangkitkan satu perkara yang saya rasa perkara dasar yang harus kita perlu perjelaskan dan juga harus diperhalusi iaitu bidang kuasa negeri Sabah dengan bidang kuasa Persekutuan. Ini kerana kalau kita rujuk kepada Perjanjian Malaysia 1963, bidang kuasa pelancongan ini sebenarnya terletak dalam senarai *residual power* yang memerlukan satu penyelarasan ataupun penyelesaian secara perundangan.

Memandangkan laporan Jawatankuasa MA63 ini belum dilaporkan ataupun belum dibentangkan lagi, kita tidak tahu apakah status perkara-perkara ini. Ini kerana kalau mengikut

perundangan artikel 77 dalam Perlembagaan Malaysia, *residual power* ini haruslah melalui Akta Parlimen untuk memperhalus dan juga melihat bidang-bidang kuasa ini. Jadi, selagi perkara ini tidak dibentangkan dengan baik, saya rasa bidang kuasa untuk memungut cukai ini juga menjadi satu kemosyikilan. Ini kerana terdapat pertindihan peranan daripada segi Kementerian Pelancongan Sabah dengan MoTAC di peringkat Persekutuan.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kerajaan sekarang akan melihat ini dengan terperinci untuk memastikan satu penyelarasan dalam proses pungutan cukai-cukai ini? Kemudian, saya juga ingin melihat bahawa cukai-cukai yang dipungut dari negeri Sabah, adakah ia dikembalikan kepada negeri Sabah? Ini kerana ia sangat diperlukan untuk membangunkan bukan sahaja negeri Sabah, tetapi untuk memastikan industri pelancongan di Sabah terus berkembang.

Perkara ini sangat penting kerana apabila kita memikirkan perkara tentang *recovery* ataupun selepas COVID-19 ini, kita memerlukan banyak input untuk memastikan industri pelancongan di Sabah ini kembali normal. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, bahawa apabila COVID-19 ini berlaku, banyak daripada syarikat yang ada di Sabah ini terkesan. Saya harap moratorium untuk pinjaman-pinjaman kepada syarikat-syarikat pelancongan ini dapat diteruskan dan khasnya untuk memberi bantuan kepada mereka untuk memastikan bahawa industri pelancongan di Sabah terus dapat berkembang dan berterusan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa dalam pindaan ini terdapat beberapa kemosyikilan saya di sini kerana daripada segi kuasa untuk kelulusan ini masih berpusat kepada Ketua Pengarah. Apakah perkara yang untuk membolehkan satu semak imbang untuk melibatkan Kerajaan Negeri Sabah juga terlibat dalam mana-mana kelulusan lesen dan sebagainya?

Kemudian, akhir sekali saya ingin mencadangkan bahawa cukai pelancongan ini juga ada satu aspek daripada segi cukai konservasi di mana pungutan cukai ini diperuntukkan khusus untuk konservasi alam sekitar. Ini kerana produk pelancongan ini banyak berpusat kepada keadaan alam sekitar kita. Jadi kalau boleh, cukai-cukai yang dipungut daripada cukai pelancongan ini harus dimasukkan kembali ataupun dilaburkan untuk membuat konservasi terhadap kita punya alam sekitar. Ini kerana inilah yang menjadi produk utama dan menjadi tarikan kepada pelancong untuk datang di sini. Jadi, kita mesti melihat kesungguhan dan juga bagaimana kerajaan harus memelihara alam sekitar kita untuk memastikan bahawa produk pelancongan yang ada pada negara kita terus terpelihara.

Jadi, dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

11.59 pagi.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian. Bagi saya melibatkan diri dengan Akta Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020.

■**1200**

Jadi, saya hendak merujuk kepada senario dan fokus utama kepada pindaan ini kerana memanglah suasana perniagaan atau realiti perniagaan sudah berubah mengikut perkitaran masa. Ini kerana kalau dulu Tuan Yang di-Pertua tahu bila mana kita hendak melancong, kita hendak menginap di hotel dan sebagainya maka kita kena ada *physical appearance*. Umpamanya kalau kita hendak beli tiket kapal terbang maka kita kena pergi kepada pejabat-pejabat MAS pada ketika itu.

Kemudian, kalau kita hendak menginap di hotel kita kena sampai di tempat hotel membuat bayaran di situ. Jadi, maknanya senang bagi pihak kerajaan mengutip berdasar kepada invois-invois yang dikeluarkan oleh syarikat penerbangan, syarikat pengangkutan dan juga syarikat-syarikat perhotelan dan pembekal pelancongan pada ketika itu.

Akan tetapi disebabkan peredaran masa, dunia semakin maju dengan pengenalan sistem alam maya yang begitu popular dan akan menjadi iklim baharu atau norma baharu dalam perniagaan maka sudah tentulah pembekal-pembekal kepada platform-platform digital ini mengaut dan mencari ruang-ruang yang sebaik mungkin.

Alhamdulillah, saya rasa bersyukur dengan alam maya yang baharu ini kerana sekarang ini kalau kita hendak melancong satu kali trip, hendak melancong ke 13 buah negara, cukup dengan hanya tiga jam berada di terminal komputer atau *handphone*, kita oleh beli tiket kepada 13 buah negara untuk lawatan satu bulan dengan menggunakan *Trip.com* kah, *Traveloka.com*, *Trivago.com*, dan juga *Booking.com* dan berbagai-bagai lagilah pembekal-pembekal digital platform.

Cuma sekarang ini, hosnya tidak berada di Malaysia secara umumnya. Umpamanya sekarang ini, seorang anak muda dari India menjadi *billionaire instant* atau bilionair segera, berusia belum lagi mencelik 30 tahun dengan membekalkan digital platform OYO. Sedangkan hotel-hotel yang bertaraf Dua Bintang ke Tiga Bintang ini, mereka sendiri tidak dapat keuntungan sangat daripada menyediakan perkhidmatan ini, yang membuat untung OYO.

Pemuda ini sangat muda dan dari India dan ceritanya sangat menarik daripada *rags to riches story*, dengan izin. Maknanya anak orang miskin, dengan menemukan OYO, platform ini hampir sama dengan *Traveloka* dan *Trivago* saja tetapi diolah dan dia mengutip seramai mungkin. Dia sendiri ada tiga buah hotel. Akan tetapi dia bilionair, dari sudut nilai Amerika Syarikat.

Cuma saya hendak beritahu kerana hos-hos digital platform ini umumnya tidak berada di Malaysia, yang ada *AirAsia* mungkin lah. Itu tokoh yang merevolusikan sistem *ticketing* syarikat penerbangan. Oleh sebab itu, macam OYO dan sebagainya, ia- apa yang saya bimbang macam ini, sekarang ini kita bayar kepada mereka. Kita pengguna ini. Cuma sekarang ini, tahun 2020 ini *alhamdulillah* tidak ada sebuah negara pun, saya tidak dapat keluarlah kerana COVID-19 ini [Ketawa] Jadi, hos pada platform ini berada di luar negara.

Jadi, sekarang ini dibayar kepada pembekal-pembekal hotel ini, pembekal perkhidmatan pelancongan ini dalam negara kita, domestik ini, tempohnya tidak cepat dibayar. Kebanyakan pengendali-pengendali dan operator merungut, mereka dibayar tidak waktu yang cepat.

Kemudian pula, kalau tidak silap saya operator digital platform ini, hos digital platform ini dia tidak ada mengenakan cukai-cukai yang itu sebab ini dia memberi beban kepada operator-operator hotel ini yang beroperasi dalam negara. Oleh sebab itu kalau boleh kita minta pihak kerajaan memanggil semua operator pelancongan ini supaya dia diberi taklimat dan diberi kursus supaya hos-hos digital platform ini diwajibkan mengutip bagi pihak kerajaan bilamana mereka ini hendak membuat transaksi bagi kegiatan-kegiatan ekonomi pelancongan di Malaysia.

Satu lagi oleh sebab sesuai dengan ekopelancongan, sangat popular akhir ini, saya memohonlah kerajaan menimbulangkan untuk mengadakan satu lagi kawasan bebas cukai demi menarik domestik pelancongan di Bukit Bunga, di Parlimen Jeli kerana Pengkalan Kubor sudah ada, di Rantau Panjang sudah ada, semua itu pintu-pintu sempadan ke Thailand. Cuma di Bukit Bunga bersebelahan di Bukit Tar, Thailand itu tidak ada. Jadi, tidak *fair* lah, tidak adil. Pengkalan Kubor ada, Rantau Panjang ada, cuma Bukit Bunga, di Parlimen Jeli tidak ada. Jadi, saya mohon kerajaan di bawah Kementerian MOTAC ini ambil perhatian.

Di samping itu, untuk makluman semua Ahli Dewan, kami di Parlimen Jeli ini ada berbelas-belas *waterfall* yang menarik dan tertinggi di Asia Tenggara, Stong yang tertinggi di Asia Tenggara berada dalam lebih kurang 12 kilometer dari kampung saya. Ada Gua Ikan, tiga kilometer dekat dengan itu. Sekarang ini Dabong menjadi destinasi popular pelancongan domestik Tuan Yang di-Pertua, di mana orang-orang dari bandar-bandar Kelantan Utara datang ke Dabong untuk menikmati mi udang harimau dan juga melawat Gua Ikan dan Gua Stong.

Itu sampinganlah hendak minta suruh majukan, peruntukan tidak banyak *insya-Allah*, tolong tengoklah yang itu Menteri MOTAC ini. *Wallahu alam*, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

12.06 tgh.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Jaminan Kementerian Kewangan bahawa rakyat Malaysia dan pelancong yang bermastautin tetap di negara ini masih akan dikecualikan sepenuhnya daripada cukai pelancongan dialu-alukan. Cukai berkenaan akan hanya dikenakan kepada pelancong asing pada kadar purata RM10 seorang sebilik. Memandangkan kurangnya pelancong asing, apakah kadar ini berdasarkan bilik atau bilangan yang menginap di sebuah bilik?

Pindaan akta ini bagi menyamaratakan semua pemberi perkhidmatan platform digital di samping 50 peratus kutipan tersebut akan disalurkan kepada setiap kerajaan negeri. Ini merupakan langkah yang baik namun disyaratkan pula prestasi penggunaan kewangan itu perlu mencapai 70 peratus. Bagaimanakah jika peratusan ini tidak mencapai 70 peratus? Bagaimanakah jika peratusan ini tidak tercapai di sesetengah negeri? Apakah 70 peratus masih diambil kira atau lebihan wang ini akan disalurkan kepada negeri-negeri yang memerlukan lebih peruntukan memandangkan mereka lebih berupaya dalam menarik pelancong?

Diberitahu setakat hari ini, bagi kutipan tahun 2019 untuk tahun 2020, kerajaan telah salurkan RM67 juta kepada kerajaan-kerajaan negeri. Apakah agihan ini telah dibuat sama rata? Diberitahu terdapat maklumat dari kerajaan negeri menghadapi masalah bagaimana untuk menaiktarafkan tarikan pelancongan dan bagaimana hendak buat promosi dan pengumpulan data? Bukanakah peranan kementerian untuk membantu negeri-negeri yang menghadapi masalah ini?

Fokus kepada penyelenggaraan tempat-tempat tarikan pelancongan bagi menaiktarafkan kawasan-kawasan tarikan langkah yang munasabah. Promosi pula biarlah diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan yang lebih berupaya dari kerajaan negeri.

Seperti yang dihuraikan oleh rakan yang bijaksana saya Yang Berhormat Senator Tok Guru, saya ingin sentuh juga tentang *agrotourism*. Pelancongan berdasarkan tani atau *agritourism* telah bermula pada tahun 1991 dalam negara sebagai salah satu aktiviti kepelbagaian pelancongan untuk meningkatkan keseimbangan akaun negara.

Ini termasuk dalam Rancangan Malaysia Keenam iaitu dari tempoh tahun 1991 sehingga tahun 1995 di mana rancangan pelancongan nasional Malaysia dirumuskan untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke negara ini. Rancangan ini berjaya dilaksanakan pada ketika itu dan Malaysia berada di antara 10 buah negara teratas dengan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa tertinggi sejak tahun 2006.

■1210

Kini negara harus kembali meningkatkan sektor pertanian sebagai langkah untuk mempromosikan pelancongan berdasarkan tani. Terdapat pelbagai kawasan pertanian yang berpotensi untuk dikembangkan sebagai destinasi pelancongan. Sebagai contoh pelancongan durian dan juga buah-buahan tropika yang lain.

Daripada hanya mengeksport, kita boleh menggalakkan pelancong datang ke sini dan mengunjungi ladang. Kerajaan harus membantu petani di seluruh negara untuk meningkatkan ladang mereka dan melabur dalam kemudahan pelancongan tani dengan membangunkan dan menaikkan taraf kemudahan yang ada seperti penginapan dan akses mudah serta menawarkan pakej untuk menarik pelancong untuk mendapatkan durian segar dan buah-buahan tropika lain di ladang mereka. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

12.11 tgh.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih atas ruang yang diberikan untuk saya turut membahaskan Rang Undang-undang Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020.

Saya ucapkan tahniah kepada kementerian dan juga kerajaan dan memang sudah sampai masanya, bertepatan juga *high time* kita hendak memperkemaskan sistem percukaian kepada semua lapisan termasuk juga mereka yang terlibat dengan *digital platform* ini *on top of* dengan izin daripada memikirkan *corporate tax* yang tradisional dan konvensional itu. Sesungguhnya ketika ini, kebetulan pula kedatangan pelancong luar pun menurun. Jadi eloklah diperkenalkan segera kerana apa-apa *hiccup* yang ada akan mudah lagi kita hendak kendalikan kerana bilangan pelancong itu yang kurang.

Cumanya, kita sedar bahawanya dalam tajuk ini hanya nama-nama besar dunia antarabangsa seperti *Trivago*, *TripAdvisor*, *Agoda*, *Booking.com* dan sebagainya yang sering digunakan. Persoalannya kepada kementerian sekarang ini berapakah bilangan pemain-pemain digital platform untuk *tourism* ini yang misalnya yang berdaftar di Malaysia dan yang telah pun *established*?

Kemudian, kita juga sedar bahawa apabila *digitalize marketing system* ini diperkenalkan dan dipopularkan maka saluran agihan pemasaran- *marketing channel* dikurangkan atau dipendekkan. Jadi, sudah itu ia melibatkan kesan kepada pemain-pemain industri *along the line* dalam rantai nilai industri pelancongan. Kerajaan juga terpaksa memikirkan hal-hal mereka ini seperti mana kita telah memperuntukkan begitu besar peruntukan pada zaman- terutama ketika Pakej Rangsangan COVID-19 ini untuk melibatkan kebajikan mereka, melatih semua dan sebagainya.

Soalan seterusnya, berapakah kadar? Kadar ini adakah kadar yang dikenakan ini berdasarkan kepada *star rating* juga? Sepertimana bilik hotel yang dikenakan di bawah Akta Pelancongan.

Seterusnya, di peringkat antarabangsa pula, berapa banyakkah negara yang ketika ini telah pun mengenakan cukai seumpama ini yang dapat kita jadikan contoh?

Merujuk kepada detil sikit kepada pindaan ini. Mengikut pindaan seksyen 9 yang memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri bagi mengecualikan mana-mana pemberi perkhidmatan platform digital atau golongan pemberi perkhidmatan platform digital daripada memungut keseluruhan atau sebahagian daripada cukai pelancongan ini atau kehendak perlu mendaftar di Bahagian VA akta ini.

Pindaan ini perlu ditambah dengan mewujudkan satu badan khusus bagi memastikan ada *check and balance* supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa dan sebagainya seperti tidak ada macam *under declare* dan sebagainya yang selalu- mungkin kita tahu yang berlaku juga dalam bidang-bidang lain.

Seterusnya, fasal 9 iaitu meminda seksyen 20 akta ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk menaksir amaun cukai pelancongan dan penalti yang kena dibayar oleh pemberi perkhidmatan platform digital dan memberitahu tentang taksiran itu secara bertulis.

Persoalannya, berapakah kelayakan atau *threshold* cukai yang ditetapkan oleh pihak kementerian? Bagaimanakah mekanisme untuk mengenakan cukai ke atas pemberi perkhidmatan digital luar negara ini? Ini kerana, di luar negara ini kita tidak tahulah macam mana mekanisme kerajaan boleh tahu. Contohnya, katalah macam tadi disebut Airbnb boleh sampai 800 juta *turnover*, berapa persen masuk ke Malaysia? Bagaimanakah kaedah kawal selia yang dibuat bagi memastikan tidak ada ketirisan?

Seterusnya, saya juga hendak rakamkan, nak tanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah pindaan ini akan memberi implikasi kewangan negara terutama kepada kementerian apabila badan khas akan diwujudkan dalam akta ini?

Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan. Sekian, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Bagi pembahas terakhir saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

12.16 tgh.

Dr. Yaakob bin Sapari: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pelancongan (Pindaan) 2020. Rasa hendak bahas awal tetapi dibagi yang kemudian. Mungkin kemudian ini masa lebih sikit.

Kita maklum bahawa industri pelancongan menyumbang agak besar kepada KNDK negara. Pada tahun 2019 sumbangannya 15.9 peratus yang mana perbelanjaan pelancong domestik sekitar RM92.6 bilion manakala pelancong antarabangsa menyumbang sekitar RM89.9 bilion.

Namun, ekoran daripada pandemik COVID-19 yang lalu menurut Persatuan Hotel Malaysia, sekitar 193 ribu orang pelancong telah membatalkan tempatan hotel dengan jumlah kerugian sekitar 76 peratus. Penurunan tempatan hotel sekitar 61.1 peratus.

Pada tahun 2019, kalau kita lihat seramai 25.8 juta orang pelancong antarabangsa datang ke negara ini. Jadi, saya hendak lihat apakah kita mampu dalam tahun depan atau tahun berikutnya untuk meningkatkan jumlah pelancong untuk datang ke negara ini agar melebihi pencapaian tahun 2019 agar sasaran cukai yang kita harapkan dapat kita tingkatkan.

Ini kali ketiga kerajaan melaksanakan cukai. Pertamanya, kita perkenalkan cukai katil. Satu malam RM10 setiap tempahan bilik di hotel. Lepas, kita perkenalkan cukai pelepasan ke luar negara. Kali ini kita perkenalkan cukai kepada tempahan melalui digital. Yang mana menjadi *trend* pada hari ini kalau kita hendak menempah hotel memadai dengan tempahan melalui digital.

Cuma, untuk pemahaman saya ini ialah saya hendak melihat sejauh mana kehadiran pelancong ini memberi impak dan kesan kepada peniaga-peniaga kecil (IKS) atau petani-petani. Saya lihat sebahagian besar pelancong akan dikendalikan oleh agensi-agensi pelancongan. Contohnya di Sabah, pelancong datang daripada China, Korea, dari Jepun terus diambil oleh ejen pelancongan di *airport* dan dibawa terus melalui kapal dan ke destinasi pelancongan ke pulau-pulau yang indah di Semporna.

Ini tidak memberi kesan kepada ekonomi setempat. Saya cadangkan, hari ini kalau kita lihat— saya belajar di Vietnam. Setiap pelancong yang naik kapal di sungai Mekong akan diserved satu biji kelapa muda. Jadi, berapa ribu pelancong yang datang akan diserved dengan beribu-ribu biji kelapa muda kepada semua pelancong yang datang?

Kalau ini dilaksanakan di Sabah, saya rasa Pulau Bum-Bum tidak cukup untuk tanam dengan pokok kelapa. Jadi, cara kita mengendalikan pelancong agar orang tempatan dapat menikmati kehadiran pelancong itu sama ada dengan makanan tempatan atau sebagainya. Kalau kita pergi ke Kelantan, pergi ke Rantau Panjang atau Pangkalan Kubor didapati barang-barang yang dijual zon bebas cukai itu adalah barang-barang dari Thailand. Pinggan mangkuk Thailand, pakaian Thailand, buah-buahan sampai mangga, rambutan, pelam, kelapa muda dari Thailand. Di mana penduduk tempatan dapat menikmati kehadiran pelancong-pelancong yang datang ke negeri Kelantan?

■1220

Jadi saya cadangkan supaya kerajaan melalui kerajaan negeri supaya ada pakej yang disediakan supaya orang tempatan dapat menikmati kehadiran pelancong-pelancong yang datang ke negeri tersebut.

Saya hendak memberi contoh. Saya hendak jemput menteri-menteri sekalian, Yang Berhormat datang ke Sekinchan, Selangor. Macam mana kita gunakan pakej pelancongan ini dapat dinikmati oleh penduduk tempatan di mana kehadiran mereka itu dapat dirasai oleh *homestays* yang ada di kawasan Sekinchan untuk melihat keindahan sawah padi yang menghijau. Sekinchan ini hari ini menjadi tempat tarikan pelancong dengan pakej-pakej produk tempatan yang disediakan oleh orang-orang tempatan.

Jadi poin penting saya hendak beritahu hari ini ialah bagaimana pelancong yang datang ini dapat dinikmati oleh petani-petani, peniaga kecil, orang-orang tempatan yang dapat menikmati kehadiran pelancong ini. Tidak hanya sekadar kerajaan mendapat kutipan yang meningkatkan cukai tetapi tidak dapat dinikmati oleh orang-orang kecil yang mengendalikan pelancong-pelancong secara kecil-kecilan, *homestay* dan sebagainya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan untuk saya. Mudah-mudahan perbahasan ini dapat memberi perhatian kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.21 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang hampir keseluruhannya membincangkan perkara-perkara yang mempunyai majoritinya kaitan dengan Rang Undang-undang Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020. Saya bagi pihak Kementerian Kewangan dan beberapa kementerian yang berkaitan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas

pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang saya kira mempunyai satu kajian, satu penelitian terhadap perkara-perkara yang sedang berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya seperti mana Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, apabila berlakunya pandemik COVID-19, di antara industri yang terjejas majoritinya industri pelancongan. Kementerian Pelancongan telah mengeluarkan satu unjuran bahawa kita kehilangan hasil negara lebih kurang RM100 bilion bagi tempoh 2020. Perbelanjaan pelancongan dibandingkan dengan bulan Januari-September 2019 iaitu 80.9 peratus iaitu lebih kurang RM66.1 bilion. Akan tetapi, jika kita bandingkan perbelanjaan pelancong pada tarikh yang sama bagi tahun 2020, ia hanya RM12.6 bilion.

Sudah pasti 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang membincangkan perkara ini, pihak Kementerian Kewangan mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang penting bagi kita memastikan insentif Belanjawan 2021 dan Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan diumumkan pada penggal akan datang akan memberi kesan kepada proses pemulihan industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sempat atau tidak terperinci, saya jawab, saya mohon kepada Yang Berhormat Senator untuk saya berikan jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad membangkitkan tentang kenaan cukai kepada pelancong asing. Yang Berhormat Senator membangkitkan kerisauan sekiranya kita mengenakan cukai kepada pelancong asing ini akan memberikan satu kesan yang negatif kepada ketibaan pelancong asing.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan, jumlah pelancong asing yang datang ke negara kita semakin tahun semakin meningkat kecuali pada tahun 2020.

Ini kerana Rang Undang-undang Cukai Pelancongan merupakan rang undang-undang yang di bawah Kementerian Kewangan tetapi semasa kita memperkenalkan rang undang-undang ini pada tahun 2017, ia dibawa oleh Kementerian Pelancongan kerana Menteri Kewangan ketika itu memberikan ruang dan peluang kepada Kementerian Pelancongan untuk membawa rang undang-undang ini. Itu sebabnya kali ini Yang Berhormat Menteri Kewangan meminta saya untuk mewakili beliau untuk menggulung perbahasan bagi Rang Undang-undang Cukai Pelancongan di bawah Kementerian Kewangan kerana cukai semua adalah di bawah *jurisdiction* Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada persoalan Yang Berhormat Senator Tuan Idris Ahmad. Yang Berhormat Senator jangan risau. Kadar caj yang kita kenakan kepada

pelancong asing RM10. Hendak dibandingkan dengan negara-negara lain, kita mempunyai kadar yang lebih rendah daripada negara mereka.

Yang Berhormat Senator juga membangkitkan tentang tempat pelancongan, promosi. Perkara-perkara ini, itulah yang ingin kita nyatakan kerana seperti mana ada beberapa orang Yang Berhormat Senator membangkitkan tentang bagaimana duit cukai pelancongan ini digerakkan, untuk makluman Yang Berhormat Senator, apabila kita memperkenalkan rang undang-undang atau kita mengenakan cukai pelancongan kepada pelancong asing sahaja, pelancong tempatan dan pemastautin tetap di Malaysia tidak dikenakan di bawah Jadual Pengecualian di bawah kuasa Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Itu sebabnya ada Yang Berhormat Senator yang mempersoalkan kenapa kuasa diberikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengecualikan sepenuhnya atau meremitkan sebahagiannya. Ini kerana kita di bawah Jadual Ketujuh, jadual di bawah rang undang-undang yang sedia ada, di bawah Jadual Pengecualian, kita memberikan pengecualian kepada pelancong tempatan dan kita memberikan pengecualian kepada pemastautin.

Setakat tahun 2017, apabila kita laksanakan pada 1 September 2017, kutipan adalah sebanyak RM39.9 juta cukai pelancongan. Tahun 2018 sebanyak RM216.6 juta, tahun 2019 sebanyak RM219.7 juta dan tahun 2020 sebanyak RM68.17 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ada Yang Berhormat Senator yang bertanyakan tentang berapa banyak yang telah dibayar. Kita bayar kepada akaun amanah. Kita bayar 50 peratus daripada kutipan cukai yang diambil di setiap negeri dan 50 peratus ini kita salurkan kepada kerajaan negeri melalui akaun amanah. Cumanya, ada pertikaian daripada Ahli Yang Berhormat Senator tadi mengenai prestasi penggunaannya 70 peratus.

Suka saya umumkan, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kerajaan-kerajaan negeri mempunyai masalah untuk menghabiskan prestasi 70 peratus daripada duit yang kita salurkan kepada kerajaan negeri melalui akaun amanah, mereka boleh menulis surat kepada Kementerian Kewangan dan pihak Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan pengecualian atau pelanjutan tempoh untuk pelaksanaan. Ini kerana sekiranya mereka tidak menggunakan prestasi 70 peratus, ia akan memberikan kesan kepada penyaluran pada tahun-tahun yang berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya cukai ini dilaksanakan melalui pemberi perkhidmatan platform digital, kita mengunjurkan RM21 hingga RM46 juta cukai tambahan kepada kutipan yang sedia ada. Ini bermakna ia akan juga menambah sedikit hasil kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, pada keadaan pandemik COVID-19 ini, kerajaan hari ini kerajaan prihatin, itu sebabnya di bawah pakej rangsangan ekonomi, kita mengecualikan juga kepada pelancong asing bermula 1 Julai 2020 sehingga 30 Jun 2021. Bermakna, rang

undang-undang ini untuk pemberi perkhidmatan platform digital akan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2021.

Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz tadi ada membangkitkan berkaitan berapa ramai agensi luar yang sudah berdaftar. Setakat hari ini, belum ada agensi yang berdaftar tetapi mereka hendaklah mendaftar selewat-lewatnya tiga bulan daripada tarikh berkuat kuasa iaitu pada 1 Julai 2021.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang ini macam saya sebut platform-platform digital itu, *host* platform digital itu, macam mana mekanisme kerajaan sekarang ini untuk memantau bahawa mereka tidak terlepas daripada membayar cukai yang menjadi hak milik negara kita melalui sektor-sektor hotel, *travel* dan sebagainya, dengan izin? Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Perkara ini memang perkara yang menjadi kekeliruan bagaimana *host* yang berada di luar negara, bagaimana kita ingin mengenakan kerana perundangan yang sedia ada tidak membatas kita untuk berada dalam keadaan tersebut.

Namun demikian, *agreement* yang dibuat dengan pihak kastam, mereka kena berdaftar dengan pihak kastam di bawah laman web MyTTx. MyTTx ini adalah satu *tourism tax* yang berada di bawah selia Ketua Pengarah Kastam di mana semasa mereka membuat pendaftaran, perkara-perkara yang menjadi kerunsingan dan kerisauan Yang Berhormat Senator telah diambil kira dalam syarat-syarat untuk ini. Sekiranya premis perniagaan atau premis perkhidmatan atau pemberi perkhidmatan platform digital ini ingkar atau melakukan kesalahan, mereka akan dikenakan penalti atau dikenakan denda tidak lebih daripada RM30,000 atau tidak kurang daripada setahun penjara atau kedua-duanya sekali.

■1230

Yang Berhormat Senator, kita ada pengalaman semasa kita menguruskan cukai digital dan berdasarkan pengalaman tersebut, kita luaskan skop berkenaan cukai untuk cukai pelancongan yang kita kenakan yang akan berkuat kuasa 1 Julai 2021.

Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad membangkitkan bagaimana hendak membuat promosi tempat-tempat tarikan. Itu sebabnya duit yang kita salurkan 50 persen ini kepada kerajaan negeri, mereka hanya dibenarkan tiga perkara sahaja.

Perkara yang pertama, untuk menaik taraf tempat-tempat pelancongan di kawasan-kawasan negeri; kedua, promosi di tempat-tempat pelancongan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, ada kawasan-kawasan yang agak ketinggalan daripada segi promosi; dan ketiganya, kutipan data. Kutipan data ini amat penting bagi kita memastikan segala dasar yang kita buat ini berasas kepada data yang sedia ada.

Ada juga permintaan daripada Yang Berhormat Senator sekiranya duit mereka tidak habis, tidak dapat dibelanjakan untuk membuat promosi, kutipan data dan membuat penaik taraf disebabkan COVID-19 ini, adakah duit itu boleh disalurkan kepada perkara-perkara lain. Pihak Kementerian Kewangan ingin memaklumkan, ia bergantung kepada *trust deeds* yang dibuat di dalam Kumpulan Wang Amanah setiap kerajaan negeri. Sekiranya perkara-perkara ini dibolehkan, Kementerian Kewangan mengharapkan pihak kerajaan negeri perlu menghantar permohonan kepada pihak Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat, membangkitkan tentang keselamatan pelancongan. Ini satu perkara yang amat penting bagi Kementerian Kewangan dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Itu sebabnya Yang Berhormat, dalam pelan pemulihan pelancongan kebudayaan, perkara-perkara yang Yang Berhormat sebutkan tadi, SOP di bawah MKN, menggunakan *cashless*, tidak perlu pergi ke lobi, perkara-perkara ini telah diambil kira dan perkara ini sedang dilaksanakan di setiap premis penginapan. Sebagai contoh, meningkatkan standard kualiti perkhidmatan, produk-produk pelancongan yang dikawal selia dan ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara, meningkatkan penggunaan teknologi seperti *cashless payment*, *online booking* dan *contactless transaction*.

Perkara-perkara ini sememangnya menjadi perkara yang penting bagi pihak MoTAC dan Kementerian Kewangan untuk memastikan jumlah pelancong walaupun kita hanya berharap kepada pelancong domestik, tetapi dengan peningkatan selepas kita memberikan kebenaran untuk rentas negeri melalui *Malaysian Association of Hotels* telah memaklumkan kepada pihak MoTAC ada peningkatan *occupancy rate*. Dahulu kalau tahun 2019, lebih kurang 56.6 peratus, tetapi disebabkan COVID-19 ini agak berkurangan. Akan tetapi *insya-Allah*, perkara-perkara ini kita akan memberi penekanan dan *insya-Allah* ia akan dilaksanakan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat juga membangkitkan implikasi kewangan. Ia dua perkara. Memang ada implikasi kewangan apabila kita melakukan pindaan cukai pelancongan ini iaitu kepada sistem yang saya sebutkan tadi, laman web MyTTx bagi kita membezakan mana pelancong domestik, mana pelancong asing. Keduanya, penggunaan staf tidak ada kerana kita menggunakan staf yang sedia ada. *Insya-Allah* Yang Berhormat, pada penggal-penggal yang akan datang kita akan memaklumkan sekiranya kita sudah sampai di penghujung kepada penambahbaikan yang kita lakukan bagi laman web MyTTx ini, kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat dalam mesyuarat akan datang.

Maklumat tidak digunakan secara sewenang-wenangnya, betul kita akui. Akan tetapi perkara ini bukan perkara yang baru, cumanya kali ini pindaannya kita mengenakan cukai kepada pelancong asing melalui platform digital. Maklumat ini memang sudah ada *agreement*

di antara pengguna dan perkhidmatan pelancongan. Bantuan industri, saya akan pergi kemudian dalam satu bahagian yang lain.

Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam bin Hamzah juga mencadangkan supaya cadangan cukai dipulangkan kepada negeri. Memang itu dasar kita, 50 peratus daripada cukai yang kita kutip kita akan serahkan kepada negeri.

Yang Berhormat Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili menyatakan tentang kawalan IT MyTTx, telah saya nyatakan. Kuasa Menteri, mekanisme, saya telah nyatakan. *Homestay* dan *Kampungstay* yang berdaftar di bawah MoTAC Yang Berhormat, tidak akan dikenakan. Perkara-perkara yang berdaftar di bawah MoTAC seperti *Homestay* dan *Kampungstay* tidak dikenakan cukai ini. Hal ini sebab cukai ini bukan dikenakan kepada platform digital.

Kita hanya mengutip cukai yang dikenakan kepada pelancong melalui pemberi platform digital dan pemberi platform digital inilah yang kena me-*limit*-kan berkenaan cukai tersebut kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam tempoh bercukai yang telah ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekiranya batal tempahan, pengguna boleh meminta atau meminta bayaran kembali- *refund*, kepada pemberi perkhidmatan digital. Ini tidak ada perkara yang besar.

Sekiranya mereka tidak mematuhi perkara-perkara ini, sudah pasti seperti mana yang saya nyatakan tadi kesalahan di bawah seksyen tertentu, mereka akan dikenakan penalti atau denda sekiranya mereka tidak mematuhi hak pengguna yang telah kita nyatakan dalam undang-undang tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Md. Nasir bin Hashim membangkitkan fasal Mersing, fasal lapangan terbang dan *breakwater*. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, jangan risau. Walaupun Kementerian Kewangan membahaskan rang undang-undang ini dan menggulung rang undang-undang ini, pegawai-pegawai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya juga bersama-sama sedang meneliti ucapan perbahasan Yang Berhormat. Perkara ini juga *insya-Allah* akan diambil kira dan saya sudah pasti Kerajaan Negeri Johor juga akan melihat Mersing sebagai bandar pelancongan akan dapat direalisasikan pada satu masa yang akan datang.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang membangkitkan tentang bidang kuasa. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, Rang Undang-undang Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020 tidak dirunding berdasarkan MA63. Kita berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, Perkara 97(1) telah menyatakan bahwasanya, mana-mana kutipan cukai iaitu dalam konteks ini ialah cukai pelancongan, akan dijadikan sebagai hasil negara dan dimasukkan dalam akaun yang disatukan di bawah Kerajaan Persekutuan.

Akan tetapi, kerajaan membuat dasar, memulangkan 50 peratus kepada pihak Kerajaan Negeri Sabah dan sudah pasti peruntukan ini untuk digunakan sebagai konservasi,

mungkin boleh dibincangkan dengan kerajaan negeri untuk mereka melihat balik Kumpulan Wang Amanah- *trust deeds* yang berada di bawah kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad telah membangkitkan tentang isu hos tadi. Telah saya nyatakan, tidak bayar cepat kepada premis penginapan. Perkara ini juga kita akan teliti Yang Berhormat. Hal ini kerana kita tahu yang paling pentingnya adalah premis perniagaan yang dilakukan di dalam negara kita ini akan dapat dibantu.

Berkaitan Bukit Bunga dengan *waterfall* yang tertinggi di Asia itu, kita akan...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Asia Tenggara.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Asia Tenggara, kita akan teliti dan *insya-Allah* perkara ini juga akan diberi perhatian yang selanjutnya.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair membangkitkan tentang isu kadar cukai. Yang Berhormat, kadar hanya ikut per malam. Maknanya, jumlah yang berada di dalam bilik itu adalah bergantung kepada premis perniagaan tersebut sama ada mereka membenarkan dua orang, tiga orang atau empat orang. Akan tetapi, kita berdasarkan malam per bilik. Maknanya satu malam RM10 per bilik.

Prestasi perbelanjaan telah saya nyatakan tadi 70 peratus. Kita mengharapkan sangat kerajaan negeri menggunakan duit yang kita salurkan kepada tiga perkara yang tadi. Sekiranya tidak mencukupi 70 peratus prestasi penggunaan wang tersebut, kita akan menilai jumlah yang sepatutnya kita akan beri pada tahun-tahun berikutnya.

Namun, kita yakin dan pasti usaha untuk membangunkan industri pelancongan ini bukan hanya terletak pada tanggungjawab kerajaan negeri, ia juga terletak pada Kerajaan Persekutuan. Itu sebabnya kita mengambil dua pihak iaitu pihak kerajaan negeri dan pihak Kerajaan Persekutuan mesti bergantung dalam perkara-perkara yang sama.

Agropelancongan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair dan Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad tadi, saya kira perkara ini sudah dalam makluman pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Yang Berhormat Dato' Wira- bangkitkan agensi. Telah saya nyatakan tadi, mereka kena daftar tiga bulan sebelum. Akan tetapi sekiranya dalam tempoh selepas mendaftar, selepas 1 Julai 2021, mereka ada tempoh 30 hari dari tempoh permulaan dan tahun berikutnya hari yang pertama itu tarikh penguatkuasaan untuk pendaftaran mereka. So, perkara ini perkara yang kita ada pengalaman semasa kita melaksanakan cukai digital tempoh hari. Kebajikan syarikat, saya akan nyatakan bagaimana kita membantu kepada industri pelancongan. Kadar *star rating* itu, kita tidak berdasarkan *star rating*. Kita berdasarkan kepada RM10 per bilik seperti mana yang saya telah nyatakan tadi. Mekanisme tadi saya sudah nyatakan.

Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari telah membangkitkan banyak perkara yang saya kira saya telah ulas secara menyeluruh.

Cumanya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan sedikit pandangan dan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, berkaitan bagaimana kita kerajaan hari ini melihat industri pelancongan. Sudah pasti rancangan untuk kita laksanakan industri ini satu perkara yang amat penting kerana inilah industri yang memberikan pulangan kepada negara lebih kurang 15.9 peratus kepada KDNK negara. Sumbangan industri pelancongan Tuan Yang di-Pertua, kepada KDNK negara pada tahun 2019- 15.9 peratus dan iaitu lebih kurang RM240.2 bilion pada tahun 2019.

■1240

Daripada segi guna tenaga, ia melibatkan 3.6 juta orang iaitu 23.6 peratus daripada guna tenaga keseluruhan dalam negara kita. Jadi maknanya secara analogi yang mudah Tuan Yang di-Pertua, kalau empat orang yang bekerja, salah seorang itu merupakan pekerja daripada industri pelancongan. Itulah pihak kerajaan hari ini melihat industri pelancongan industri yang perlu diberi perhatian dan sokongan yang kukuh.

Itu sebabnya dalam Belanjawan 2021, kita telah letakkan satu Pelan Pemulihan Pelancongan sebanyak RM200 juta. Kita juga melalui program CENDANA, program kesenian dan kebudayaan sebanyak RM15 juta. Pemeliharaan bangunan warisan kebangsaan kerana orang datang ke Malaysia hendak lihat bagaimana warisan negara kita sebanyak RM10 juta. Kita juga telah meletakkan di bawah, memberi peruntukan khusus ke *Malaysia Healthcare Travel Council* sebanyak RM35 juta. Kita juga memperuntukkan RM50 juta untuk penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancong.

Kita faham Malaysia ini mempunyai banyak budaya, itu sebabnya kita bagi RM20 juta. Kampung-kampung budaya di Terengganu, Melaka, Sarawak dan Negeri Sembilan. Kita juga yakin bahwasanya jurupandu pelancong ini penting, itu sebabnya kita menyediakan 500 peluang pekerjaan kepada jurupandu pelancong. Ini semua dalam pakej yang kita masukkan dalam Belanjawan 2021 sebagai kesediaan Malaysia sebagai pusat seni, budaya dan pelancong.

Daripada segi langkah cukai Tuan Yang di-Pertua, ada lapan langkah cukai yang kita sediakan untuk memastikan industri pelancongan ini betul-betul diselamatkan dan dipulihkan sebaik dan secepat mungkin. Walaupun ramai yang mengatakan tiga hingga lima tahun untuk memulihkan tetapi kita cuba sedaya upaya untuk memastikan. Itu sebabnya Kementerian Kewangan dan kerajaan hari ini berharap sangat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk menyokong segala usaha yang telah kita nyatakan.

Langkah cukai di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dalam Belanjawan 2021 yang melibatkan khusus kepada sektor pelancongan adalah seperti berikut:

- (i) pelepasan cukai pendapatan individu untuk perbelanjaan melancong negara bermula 1 Mac sehingga 31 Disember 2020 bagi tahun taksiran 2020;
- (ii) lanjutan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong dalam negara sehingga 31 Disember 2021 bagi tahun taksiran 2021;
- (iii) pengecualian cukai perkhidmatan untuk hotel mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020;
- (iv) lanjutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas hotel bagi tempoh dari 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (v) penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020 bagi industri pelancongan;
- (vi) lanjutan penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan bagi industri pelancongan mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020;
- (vii) pengecualian cukai pelancongan bagi tempoh penginapan mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021; dan
- (viii) peluasan skop berkenaan cukai pelancongan ke atas premis yang ditempah melalui platform talian mulai 1 Julai 2021.

Tidak cukup di situ saja Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, kita di bawah pakej rangsangan setakat 18 Disember ingin saya nyatakan kepada Yang Berhormat, betapa prihatinnya kerajaan hari ini membantu industri pelancongan.

Pertamanya pembiayaan sektor pelancongan PENJANA. Permohonan melibatkan 550 buah syarikat yang bernilai RM128.4 juta dan kita telah luluskan 261 buah syarikat bernilai RM52.8 juta.

Kedua, pembiayaan mikro kredit BSN telah memberi manfaat kepada 585 buah perniagaan di bawah sektor pelancongan yang melibatkan jumlah RM14,439,000. Program subsidi upah seperti mana saya telah nyatakan tadi, daripada empat pekerjaan di Malaysia ini, satu daripadanya mesti datang daripada sektor pelancongan.

Ketiga, kita telah membuat penyaluran kepada 107,522 orang majikan dalam sektor pelancongan telah memberi manfaat kepada program subsidi upah di mana kita mengekalkan 803,030 orang pekerja yang melibatkan penyaluran bernilai RM3.9 bilion.

Keempat, pembiayaan mudah bumiputera PUNB di mana 12 perniagaan telah mendapat bantuan sebanyak RM3.1 juta.

Namun demikian, di bawah Geran Khas Prihatin dan pembiayaan mikro kredit TEKUN juga, banyak syarikat industri pelancongan yang berskala kecil dan sederhana ini memohon

melalui bantuan-bantuan kita. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja yang kita lakukan pada hari ini, kita akan melihat ke hadapan- *way forward*, bagaimana industri ini harus dibantu.

Saya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas penelitian Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kepada penghujahan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan. Saya yakin dan pasti bukan sahaja Kementerian Kewangan berada dalam sesi perbahasan dan penggulungan ini, banyak kementerian lain yang terlibat. Sudah pasti segala input, cadangan dan pandangan Yang Berhormat semua akan diambil kira bagi kita melaksanakan perancangan pada tahun 2021 dan tahun-tahun yang berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih banyak. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Lim Ban Hong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.49 tgh.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam.*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

■1250

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Akta Koperasi 1993 telah diwartakan bermula berkuat kuasa pada 20 Januari 1994. Akta ini ialah bertujuan untuk menggalakkan pembangunan perkembangan koperasi mengikut nilai-nilai kejujuran, kebolehpercayaan dan ketelusan bagi menyumbang ke arah mencapai objektif sosioekonomi negara dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta Koperasi 1993 ini telah dipinda beberapa kali dan dipinda yang akhir telah dibuat pada tahun 2007. Pindaan tersebut bertujuan untuk memperkuuhkan elemen kawal seliaan ke atas koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Di samping penyelaras pelaksana Akta 502 dan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665].

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berpandangan bahawa Akta 502 ataupun Akta Koperasi 1993 perlu dipinda bagi menambah baik dengan perkembangan ekonomi semasa, baik di luar dan di dalam negara. Selain daripada itu, pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia juga ingin memastikan pindaan akta ini akan menjadi pemudah cara kepada gerakan koperasi di negara ini untuk terlibat dalam bidang perniagaan yang berprofil tinggi bagi menjana pendapatan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Dalam konteks ini, pihak kementerian berpandangan bahawa gerakan koperasi adalah merupa platform terbaik untuk menjadi jentera penggerak kepada sektor ekonomi di negara ini. Ia juga sejajar dengan peranan Suruhanjaya Koperasi yang dipertanggungjawabkan untuk mengukuh prestasi dan produktiviti sektor koperasi selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) yang menyasarkan sumbangan perolehan koperasi sebanyak RM100 bilion menjelang tahun 2030. Sehingga 13 Disember 2019, terdapat sebanyak 14,625 koperasi berdaftar yang mempunyai kekuatan seramai 6.09 juta anggota dengan modal syer yang berjumlah sebanyak RM15.39 bilion serta aset bernilai RM146.78 bilion. Daripada segi pencapaian, gerakan koperasi telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM45.79 bilion. Purata pertumbuhan perolehan sektor koperasi setiap tahun meningkat sebanyak 3.97 peratus dari tahun 2014 hingga 2019.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Suruhanjaya telah mengadakan beberapa kali program libat urus- *engagement*, bersama agensi yang berkaitan,

mengadakan sesi konsultasi bersama beberapa buah koperasi terpilih dan turut melaksanakan *online public engagement* sepanjang tahun 2018 sehingga bulan Disember 2019. Hasil perbincangan daripada sesi tersebut menunjukkan bahawa pihak koperasi dan agensi yang berkaitan tiada bantahan untuk menambah baik Akta Koperasi 1993. Antara maklum balas yang diterima hasil daripada sesi konsultasi yang diadakan termasuk beberapa perkara seperti yang berikut:

- (i) pengurangan bilangan anggota bagi tujuan pendaftaran koperasi;
- (ii) mengurangkan bilangan Ahli Lembaga Koperasi, Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tujuan memudahkan cara tadbir urus koperasi;
- (iii) pemansuhan kelulusan Suruhanjaya Koperasi dalam penggunaan logo oleh koperasi;
- (iv) memudahkan pengurusan harta pulangan atau kepentingan anggota si mati yang beragama Islam; dan
- (v) pembatalan sesuatu koperasi akibat kurang keanggotaan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama akta yang dicadangkan adalah untuk:

- (i) memperkuatkkan elemen kawal seliaan ke atas koperasi;
- (ii) menyelaras pelaksanaan Akta Koperasi 1993 dan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007;
- (iii) memastikan sektor koperasi kekal relevan dengan perkembangan ekonomi semasa; dan
- (iv) pemudah cara kepada gerakan koperasi untuk terlibat dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini melibatkan sembilan cadangan pindaan yang mengandungi 11 Fasal kesemuanya. Antara fasal pindaan utama dalam rang undang-undang ini ialah:

Fasal 1, mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2, bertujuan untuk meminda peranan 5(1)(a) Akta Koperasi untuk memperuntukkan bahawa satu koperasi yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 20 orang boleh didaftar sebagai koperasi asas. Pada masa ini, sebuah koperasi dikehendaki terdiri daripada sekurang-kurangnya 50 orang sebelum ia boleh didaftar sebagai sebuah koperasi.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta Koperasi. Sub seksyen Fasal 3A bertujuan untuk meminda Perenggan 6(1)(a) Akta Koperasi untuk memperuntukkan bahawa sekurang-kurangnya lima orang hendaklah menandatangani borang permohonan bagi pendaftaran satu buah koperasi asas. Pada masa ini, sekurang-kurangnya 10 orang dikehendaki untuk menandatangani permohonan sedemikian.

Fasal 3B, bertujuan untuk meminda Perenggan 6(2)(b) Akta Koperasi untuk mengehendaki minit Mesyuarat Agung yang dikemukakan bersama dengan permohonan bagi pendaftaran satu-satu koperasi asas untuk ditandatangani oleh sekurang-kurangnya 10 orang yang hadir. Pada masa ini, sekurang-kurangnya 20 orang yang hadir dikehendaki untuk menandatangani minit itu.

Fasal 4, bertujuan untuk meminda seksyen 8(1) Akta Koperasi untuk membenarkan Suruhanjaya di bawah peruntukan khas untuk mendaftar sebuah koperasi yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang. Pada masa ini, sebuah koperasi dikehendaki terdiri daripada sekurang-kurangnya 20 orang.

Fasal 5, bertujuan untuk meminda seksyen 12, Akta Koperasi untuk menggugurkan kehendak yang dikenakan ke atas sebuah koperasi untuk mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya sebelum koperasi itu boleh memamerkan nama atau logo lain-lainnya di setiap cawangan.

Fasal 6, bertujuan untuk meminda seksyen 24, Akta Koperasi untuk membenarkan pemindahan syer pulangan atau kepentingan kepada orang yang dinamakan oleh seseorang anggota yang beragama Islam yang meninggal dunia dan untuk mengadakan peruntukan bagi pengesahan apa penamaan nama oleh seorang anggota koperasi beragama Islam yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

■1300

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 42, akta ini untuk mengurangkan bilangan minimum yang dikehendaki bagi anggota lembaga sesuatu koperasi daripada enam kepada tiga.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda subseksyen 42(a), Akta Koperasi untuk mengurangkan bilangan minimum yang dikehendaki bagi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman sebuah koperasi daripada tiga kepada dua orang.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 50 Akta Koperasi untuk memperuntukkan bahawa kumpulan wang sesuatu koperasi boleh didapatkan daripada pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan berlesen dan koperasi yang ditentukan oleh suruhanjaya.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 72(1), Akta Koperasi untuk memperuntukkan bahawa suruhanjaya boleh membatalkan pendaftaran sesuatu koperasi jika bilangan anggotanya telah kurang sehingga kurang daripada lima. Pada masa ini suruhanjaya boleh membatalkan pendaftaran satu buah koperasi, jika bilangan anggotanya telah kurang sehingga kurang daripada 15.

Fasal 11 mengandungi peruntukan peralihan. Sehubung dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar sebagai Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat para Senator, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengambil bahagian dalam perbahasan saya dengan ini menjemput Setiausaha untuk mengumumkan sesuatu berkaitan dengan *Aturan Urusan Mesyuarat* pada siang pagi tadi.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 17(1)

Isu Daging Kartel Haram- Menggunakan Logo JAKIM Secara Salah dan Berniat Menipu

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, sekarang seperti yang telah diputuskan pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) telah dibenarkan untuk dibahas. Saya sekarang mulakan perbahasan usul ini dan pihak pencadang akan diberi tidak lebih dari 30 minit, dan pihak kerajaan juga sedemikian tempohnya, dan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, sila kemukakan.

1.03 tgh.

Puan Asmak binti Husin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang dan kebenaran untuk mengemukakan usul di bawah Perkara 17, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara berkaitan dengan isu daging kartel haram yang menggunakan logo JAKIM secara salah dan berniat menipu.

Pertamanya, saya mulakan dahulu perbahasan saya dengan surah *Al-Baqarah* Ayat 72... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa orang yang beriman khususnya orang Islam disuruh, diberi arahan untuk memakan perkara yang suci lagi halal sebagaimana yang direzekikan oleh Allah SWT dan bersyukurlah kepada Allah sekiranya kita ini adalah orang yang menyembah Allah SWT.

Jadi sebagaimana yang telah dimaklumkan, isu ini telah menjadi hangat diperkatakan oleh rakyat sehingga hari ini. Bermula pada 1 Disember lalu sewaktu serbuan bersepadu

pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, Johor telah diketuai oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor telah dilakukan dan kita tengok daripada laporan akhbar dikatakan bahawasanya mereka menggunakan permit buah untuk mengimport daging yang tidak disijilkan. Ini berdasarkan laporan daripada akbar dan ada juga yang mengaitkan kes ini dengan salah guna syarikat yang dimiliki oleh bumiputera untuk menipu pihak berkuasa.

Jadi kita dapat ada banyak laporan yang berlegar-legar di akhbar dan ia telah menimbulkan persoalan dan kegusaran di peringkat rakyat sendiri terutamanya saya berpendapat usul ini dikemukakan kerana ia melibatkan kepentingan ramai iaitu daging ini adalah merupakan makanan asasi rakyat khususnya umat Islam yang merupakan majoriti rakyat di Malaysia.

Memang ada pandangan yang mengatakan kalau kita tidak tahu tidak apa, kita boleh makan. Namun begitu, dalam kaedah Islam, dalam *Hadis 40* bernombor 11, Rasulullah menyebutkan... *[Membaca sepotong hadis]* “*Tinggalkanlah apa yang meragukan kepada apa yang tidak meragukan.*” Jadi di sini di Malaysia memang telah dibangunkan satu kaedah bagaimana kita hendak memastikan sesuatu makanan ataupun perkhidmatan itu halal ataupun tidak untuk memudahkan orang Islam khususnya *consumption*, untuk penggunaan orang Islam.

Dalam masa yang sama, bagi orang Islam isu ini sangat penting kerana ia melibatkan isu ibadat, pembangunan pertumbuhan fizikal dan juga keseluruhan amalan kehidupan manusia. Dalam hadis yang lain kita tengok antara hadis yang popular, bagaimana seorang lelaki dia mengangkat tangan dan berdoa, “*Wahai Tuhan, Wahai Tuhan*” tetapi Nabi sebut, “*Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram dan ia diberi makan dengan yang haram maka bagaimana doanya hendak dimakbulkan.*”

Oleh sebab itu, orang Islam sangat prihatin tentang isu ini dan kita memang di Malaysia bergantung kepada daging import kerana bekalan dalam Malaysia tidak cukup. Akan tetapi setakat ini kita tidak mendapat laporan yang jelas daripada pihak kerajaan untuk melegakan rakyat itu sendiri.

Seterusnya, saya berpandangan usul ini juga ia melibatkan perkara tertentu kerana melibatkan nama baik kerajaan khususnya JAKIM. Kita lihat apabila isu halal dibangkitkan biasanya orang akan menuju kepada JAKIM sama juga saya ingat ketika kita berdepan dengan isu Cadbury dahulu. Isu Cadbury saya ingat saya ini antara salah satu NGO, mewakili NGO untuk konsultasi dengan pihak JAKIM.

Isu sama juga yang terlibat ketika itu iaitu sebenarnya bukan sahaja JAKIM satu-satunya institusi yang terlibat dengan isu halal tetapi saya tengok sini sekurang-kurangnya enam hingga tujuh buah agensi yang terlibat di mana kita tengok selain daripada JAKIM kita

ada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Kita ada Kementerian Kesihatan Malaysia, kita ada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS), kita ada Bahagian Penguatkuasaan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM) dan juga pihak kastam yang terlibat dengan import dan sebagainya.

Jadi kita lihat di sini, apabila ia melibatkan banyak agensi maka kita sebagai rakyat tidak dapat kepastian apakah sebenarnya yang sedang berlaku. Kita tengok tidak ada satu *taskforce* yang jelas di pihak kerajaan. Kalau boleh kita mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengadakan satu Jawatankuasa khas untuk membincangkan isu halal. Kalau bercakap fasal halal memang dari semasa ke semasa, memang sebelum ini telah dicadangkan supaya Akta Halal dikuatkuasakan, yang mana akta ini dapat menggabungkan keseluruhan peranan agensi-agensi tetapi setakat ini ia tidak dapat direalisasikan.

Jadi, saya mencadangkan untuk isu khas ini ditubuhkan satu pasukan khas dan dikeluarkan satu laporan bersepadu. Kenapakah saya sebut laporan bersepadu? Oleh sebab semalam contohnya kita dengar JAKIM ada membuat temu bual khas dan memang disebutkan JAKIM tidak ada bidang kuasa. Selepas itu di pihak KPDNHEP pula dikatakan mereka hanya terlibat daripada segi penguatkuasaan, selagi tidak ada laporan maka tidak boleh hendak buat penyiasatan dan juga saya mendengar sebelum ini ada yang kata dalam tular. Banyak kes tular masalah kita sekarang ini. Tularan mengatakan bahawa tidak pernah dapat laporan. Akan tetapi ada juga tularan yang terbaru semalam mengatakan sudah ada tiga laporan sebelum ini yang dibuat yang berkaitan dengan perkara ini.

Jadi sebenarnya, lebih baik kita memohon penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimanakah kes ini sebenarnya berlaku supaya kita ini dapat kepastian di pihak kita dan laporan bersepadu ini sangat penting sebab kita sebagai rakyat kita tidak tahu sebenarnya agensi JAKIM ini apa, KPDNHEP ini apa, Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini apa. Apa yang kita hendak tahu sekarang daging apa yang boleh dimakan dan yang tidak boleh dimakan.

Ada juga tularan yang mengatakan bahawa daging yang diimport itu melibatkan daging kangaroo walaupun ada juga yang menafikan, kangaroo ini melibatkan isu undang-undang di Australia, dan ada juga yang meletakkan gambar dan sebagainya.

■1310

Jadi, sangat penting kita mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan perkara ini. Saya juga mendapat maklumat bahawasanya SPRM juga telah membuka kertas siasatan pada 21 Disember.

Selain daripada itu, saya merasakan usul ini patut disegerakan kerana rakyat semakin takut dan marah dengan kes ini kerana sehingga hari ini telah tular beberapa jenama yang biasa digunakan rakyat yang dikatakan terlibat dalam kes ini. Antara jenama yang biasa kita guna apabila melibatkan daging import adalah Allana.

Akan tetapi, sampai hari ini kita tidak dapat sama ada pengesahan di pihak kerajaan senarai jenama-jenama mana yang sebenarnya dikaitkan dengan perkara ini. Ini kerana, kita orang Islam, perkara syubhah pun kita tak boleh hendak dekat sebenarnya. Juga penafian daripada pihak syarikat sendiri. Setakat ini syarikat yang membuat penafian yang melegakan kita syarikat Ramly Food Processing Sdn. Berhad, sebab syarikat Ramly Food Processing Sdn. Berhad memang kita tahu lah, memang digunakan terutama oleh peniaga-peniaga gerai yang menjual daging burger di tepi jalan dan sebagainya.

Kalau kita tengok, pada ketika saya menulis usul ini pada semalam iaitu 28 Disember. Hari ini 29 Disember dan serbuan dibuat pada 1 Disember. Jadi, bermakna hampir sebulan sudah perkara ini berlangsung. Jadi, adakah kerajaan sekurang-kurangnya mengeluarkan laporan awal ataupun senarai jenama yang kita boleh makan ataupun kita guna?

Sekurang-kurangnya itu. Saya faham, nak dapatkan mungkin menjatuhkan kartel itu, mendapatkan individu-individu terlibat mungkin mengambil masa. Akan tetapi, sekurang-kurangnya ada laporan awal yang melegakan kita terutamanya peniaga-peniaga sebab bukan semua rakyat mampu untuk mendapatkan bekalan daging segar.

Macam saya ini, balik Kelantan kena beli dua atau tiga kilogram daging *wak maghi* sini sebab sana murah sedikit. Lepas ini pergi beli daging di Kelantan ya. Sana murah sedikit Datuk- ejen provokator Dewan Negara [*Ketawa*]

Jadi, beli sana *wak maghi* sini. Maknanya kita kena berusaha begitu untuk makan daging sebab untuk anak-anak kita. Macam saya ibu, memang kena memastikan dalam rutin diet seimbang anak itu mesti ada daging walaupun sedikit.

Seterusnya, saya juga ingin mengemukakan kerana akhbar antarabangsa turut melaporkan isu ini seperti, “*Malaysian Muslims have been eating fake Halal for 40 years*”, yang dikemukakan oleh *Mashable Southeast Asia* (SE Asia). Jadi, adakah benar kes ini sebenarnya telah berlangsung selama 40 tahun? Saya ada juga membaca berita daripada KPDNHEP yang menafikan ia telah berlangsung selama 40 tahun, tetapi laporan itu masih tidak jelas untuk memberikan keyakinan kepada kita rakyat...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau 40 tahun Yang Berhormat Senator, sihat segar bugar kita juga ya.

Puan Asmak binti Husin: Itulah. Saya ini umur 42 tahun, maknanya saya kalau makan ini lama juga lah ini. Hampir dengan umur saya ini. Muda lagi, berbanding dengan...

Seorang Ahli: Sihat lagi?

Puan Asmak binti Husin: *Alhamdulillah* sihat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Puan Asmak binti Husin: Seterusnya, oleh sebab itu, akhirnya untuk memberikan peluang kepada kawan-kawan lain untuk berbahas menyokong, saya menuntut jawapan

daripada pihak kerajaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkaitan dengan siasatan terkini dan saya mencadangkan juga kepada Dewan Negara di pihak Kokus Jawatankuasa Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara... [Tepuk] Untuk memberi perhatian juga kepada isu ini dan untuk memanggil mungkin pihak-pihak lain yang berkaitan dengan perkara ini supaya akhirnya nama baik negara dan kepentingan umat Islam terjaga.

Sekian, terima kasih *wallahu'alam bissawab*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.*

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, bahas...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau telah mengemukakan ucapannya dan menurut pemberitahuan, saya menerima satu permohonan khas Yang Berhormat Senator Hajah Sabani Mat untuk berucap. Sekiranya ada yang lain-lain maka boleh daftarkan dan minta kelulusan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Razali bin Idris: Saya satu.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Saya nombor satu, Tok Li nombor dua [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Diberi kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

1.04 tgh.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya sebenarnya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Asmak binti Husin tadi kerana terpanggil untuk bersama mengambil bahagian kerana melihat kepada kepentingan khususnya masyarakat, khasnya orang-orang Islam. Apa yang kita harapkan supaya kerajaan perlu mengambil tindakan iaitu tindakan kepada agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam aspek pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan, yang melibatkan pemprosesan.

Antara agensi-agensi yang terlibat termasuklah JAKIM, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Veterinar dan juga Jabatan Kesihatan di samping beberapa buah agensi pemantauan yang terlibat dalam kawal selia. Saya mohon pada kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun setidak-tidaknya menubuhkan pasukan khas dengan melibatkan PDRM dan SPRM. Dalam hal ini, beberapa soalan yang berhak rakyat dapat maklum mengenai isu kartel daging haram. Ini termasuklah dalam masalah siapa

dalang yang bertanggungjawab mengurus, memproses import daging sejuk beku yang diragui status halalnya.

Keduanya, mengapa berlaku monopoli kilang pemprosesan daging halal terutama di China, Thailand dan juga India? Mengapa Jabatan Veterinar hanya mengehadkan beberapa buah kilang sahaja di China, India dan juga Thailand untuk mengeksport ayam dan daging ke Malaysia? Berhubung dengan Akta Logo Halal, saya pernah mencadangkan- kalau tak silap saya pada Mesyuarat yang lepas, perlunya kerajaan merangka satu Akta Logo Halal tapi jawapan ketika itu mengatakan bahawa akta yang telah ada sudah memadai.

Pada saya dengan wujudnya Akta Logo Halal ini, setidak-tidaknya dapat memperkasakan lagi logo halal itu sendiri. Diharapkan, siasatan yang menyeluruh secara telus dan pantas perlu dilakukan dalam perkara ini. Kita mahu supaya pihak-pihak yang terlibat tak kira sama ada di pihak- sama ada orang kenamaan ataupun sesiapa sahaja – syarikat-syarikat yang besar kah atau siapa sahajalah supaya diambil tindakan. Ini supaya kita tidak mahu antara satu sama lain sering menuding jari, memandangkan perkara ini sudah berlaku sejak sekian lama.

Siasatan ini penting Tuan Yang di-Pertua bagi memberikan keyakinan dan kepercayaan rakyat serta masyarakat antarabangsa khasnya terhadap Logo Halal Malaysia, supaya dapat disegerakan dan dipelihara. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab para Yang Berhormat Senator ingin mengambil bahagian, tolong berikan hujah persis dan dalam tempoh yang kita anggarkan. Ia wajar sebab kita hendak meneruskan proses meluluskan undang-undang yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Sila.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar. Sudah hantar nama?

Seorang Ahli: Nama belum hantar.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Nama sudah hantar.

Seorang Ahli: Nama sudah hantar?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat para Senator, ini dapat saya nyatakan tegasnya dalam suasana yang memerlukan hemah. Oleh sebab masa terhad saya mulakan sedikit Yang Berhormat Senator Muhammad Zahid bin Md Arip.

1.09 tgh.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil peluang ini untuk menyokong...

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas ya.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Asmak binti Husin.

*Usul dibawa Yang Berhormat Asmak;
Isu daging haram dan tak sah;
Dek kerana kartel tamak;
Kita semua jadi susah.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan- walaupun semalam saya membuat kenyataan akhbar mencadangkan supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja dibentuk oleh kerajaan, tetapi ia pasti memakan masa yang lama. Untuk tempoh yang terdekat ini, untuk tempoh segera dan tindakan pantas daripada kerajaan saya mencadangkan supaya kerajaan menu buhkan satu *special task force*, dengan izin, pasukan petugas khas.

Saya cadangkan dipengerusikan sendiri oleh Ketua Polis Negeri Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay dengan dianggotai oleh wakil-wakil daripada kesemua agensi terbabit seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kementerian yang menjaga hal ehwal agama Islam, KPDNHEP, kastam dan SPRM, semuanya.

■1320

Kita minta supaya *task force* ini membuat kerjanya dalam tempoh 14 hari. Ini kerana benda ini dah berlarutan lama dah. Senang sahaja hendak cari kalau hendak cari. Jadi, dalam tempoh 14 hari, pasukan petugas khas ini mesti menyediakan satu laporan yang menyeluruh penemuannya dan perlu dikemukakan dalam bentuk kertas putih dalam satu sidang khas Parlimen.

Saya yakin kalau ada keseriusan yang begini, perkara ini tidak akan berulang lagi di masa akan datang. Sekarang ini kita berada dalam keadaan waswas hendak beli daging di pasar raya. Kita berada dalam keadaan tidak selesa. Kita pergi ke pasar raya kita hendak pilih daging tetapi daging ini halal kah tak halal, haram kah tidak? Jadi, ini menyusahkan kita.

Saya setuju dengan usul yang dibawa Yang Berhormat Puan Asmak. Akan tetapi, kerajaan tolonglah dengar suara Dewan Negara hari ini supaya satu *task force* petugas khas ditubuhkan. Saya cadangkan ia dipengerusikan oleh Datuk Ayob Khan Mydin, Ketua Polis Johor. Seorang pegawai polis yang cukup tegas, cukup berani, tidak takut, tidak gentar kepada ugutan, tidak gentar kepada gertakan-gertakan kartel-kartel ini.

Kartel-kartel ini saya difahamkan kutip berbilion-bilion ringgit hasil daripada kerja-kerja haram ini. Saya minta supaya penemuan mereka ini dikemukakan oleh kerajaan dalam satu kertas putih dalam sidang khas Parlimen gabungan antara Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekiranya para Senator mahu menjimatkan masa, kita ringkas-ringkaskan hujah menurut poin ataupun natijah masing-masing. Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

1.22 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan untuk menyokong usul yang amat baik oleh rakan Senator saya, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat isu ini agak berbeza sedikit daripada pendekatan yang dicadangkan oleh rakan-rakan saya tadi. Saya mencadangkan isu ini melibatkan isu kebertanggungjawaban, akauntabiliti, bukan sahaja isu perundangan, yang mana ia perlu dilihat melalui satu prosedur yang biasa iaitu siasatan dan sebagainya.

Ini kerana bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, isu ini ialah isu yang dibangunkan oleh kerajaan dengan satu komitmen yang tinggi. Kita tahu kita membina perbankan Islam, kita membina industri halal, semuanya dengan satu akta, dan sistem-sistem yang berperaturan. Tuan Yang di-Pertua lebih maklum. Jadi, saya menggesa sebenarnya mereka yang bertanggungjawab ini perlu di-*suspend* atau digantung. Ambil sikap tanggungjawab.

Ini kerana bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, barulah perkara ini dianggap bukan perkara yang remeh, bukanlah satu perkara yang keproseduran semata-mata. *Compliance*. Bukan. Ini ialah isu, dengan izin saya hujahkan di sini, halal ini bukanlah sebuah industri untuk kita buat keuntungan. Ini ialah satu asas tanggungjawab kerana kita pun tahu, asasnya ada di dalam Al-Quran, asasnya ada dalam hadis dan malah daripada segi lain pula ialah ia boleh menyejahterakan rakyat.

Jadi, saya menggesa, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja mewujudkan RCI, bukan sahaja mewujudkan jawatankuasa khas tetapi pihak bertanggungjawab sekarang ini perlu mengambil sikap meletakkan jawatan ataupun *suspend* dan sebagainya sebelum tindakan susulan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Ringkas. Tepat.

1.24 ptg.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya terus kepada persoalan.

Untuk makluman Dewan Negara yang mulia ini, saya dapat maklum bahawa gudang yang telah dikenal pasti oleh pihak berkuasa dan telah menemui sebanyak 1,500 tan daging sejuk beku bernilai RM30 juta itu pembekal utamanya kepada pemborong daging sejuk beku

di seluruh negara. Perkara ini juga disahkan oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Saiful Yazan Alwi. Daging sejuk beku berkenaan diimport dari Brazil, Ukraine, Argentina dan China. Malahan ada yang mengesan kartel berkenaan turut menjiplak jenama popular daging dari Australia.

Jadi, lebih memilukan lagi, Tuan Yang di-Pertua, kartel daging ini juga menggunakan cap palsu halal yang diperakui oleh JAKIM. Perkara ini benar-benar telah menyentap perasaan umat Islam di negara kita dan menimbulkan kebimbangan yang amat besar kepada umat Islam seluruh negara.

Justeru itu, atas asbab dan musabab ini, Dewan Negara rasakan satu tanggungjawab yang besar untuk membawa usul ini yang dianggap perlu dibahaskan dan disegearkan atas kepentingan awam dan kepentingan keselamatan, kesihatan, kesejahteraan serta negara dan juga ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, apa sebenarnya pihak agensi kerajaan termasuk penguatkuasaan lain menjalankan tugas seperti MAQIS, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, jabatan agama Islam negeri dan juga JAKIM? Banyak ini. Apakah yang perlu mereka kena buat dalam masa sekarang ini? Yang saya lihat, hari-hari kita dengar masing-masing menuding jari, menuding agensi-agensi dalam kerajaan.

Jadi, pada hari ini kita minta sungguh-sungguh supaya pihak yang berwajib mengambil kesempatan ini untuk memastikan semua kartel yang disebutkan itu dapat diterjemahkan dan ditangkap dan diberi hukuman yang sewajarnya.

Puan Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja hendak tanya Yang Berhormat. Hendak minta pandangan sikit ya. Boleh, Yang Berhormat? Sedikit saja.

Datuk Razali bin Idris: Saya boleh tapi Tuan Yang di-Pertua bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Masa tak banyak.

Puan Hajah Raj Munni binti Sabu: Sedikit sahaja. Sebab saya tidak ambil bahagian dalam perbahasan, saya hendak tanya sedikit saja.

Tuan Yang di-Pertua: Terus soal.

Puan Hajah Raj Munni binti Sabu: Okey. Yang Berhormat setuju atau tidak untuk kita hendak mencadangkan Dewan Negara ini mencadangkan kepada kerajaan agar menarik balik semua bekalan daging yang terlibat dengan syarikat-syarikat yang telah disebutkan tadi? Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Setuju. Saya setuju. Saya sebenarnya banyak ini, Tuan Yang di-Pertua, tapi saya kira cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, cukup ya.

Datuk Razali bin Idris: Cukuplah. Cuma, yang terakhir-kira ada jugalah. Kesempatan ini saya hendak ambil peluang sedikit untuk menyambut tahun baru 2021, mudah-mudahan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT dan, *insya-Allah*, kita jumpa lagi. Kalau sekiranya ada silap salah, harap kita maafkan dan, *insya-Allah*, *first quarter next year* kita jumpa lagi kawan-kawan kita. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah jadi majlis ucap selamat pula. [Ketawa] Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Yahaya. Ringkas, tepat dan persis... [Disampuk] Oh, tidak ada? Yang Berhormat Dato' Kesavadas. Ringkas.

1.28 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, apa yang saya dapat tahu, dalam Islam ialah bukan sahaja isu halal tetapi *halalan toyibban*, ya. Faktor kesihatan yang baik untuk pembangunan manusia.

Label halal pada bungkusan daging ini tidak menjamin yang daging import bersih berpunca dari yang bukan bangkai atau bukan daripada haiwan yang berpenyakit. Ia sekadar label dan ia boleh ditiru. Rasa saya tiada pun kod QR atau *quick response code* pada setiap label yang dikenakan pada bungkusan daging ini bagi pihak berkuasa mengenal pasti butir-butir pengeluaran.

Biar apa pun langkah yang diambil JAKIM atau kerajaan untuk mengatasi gejala ini, sukar bagi membendung kartel daging dari kerja-kerja manipulasi mereka. *Random check*, dengan izin, juga tidak akan berkesan dan menyeluruh kerana berlaku unsur rasuah.

Macam-macam cara boleh dibuat kartel yang terlibat untuk menghalalkan benda yang haram dan jijik. Malah, jika ditubuhkan RCI pun, belum tentu boleh mengatasi gejala ini. Malangnya, rakyat terjebak dengan masalah ini sudah sekian lama.

■1330

Tahukah rakyat bahawa haiwan terdedah kepada begitu banyak penyakit yang dikenali sebagai zoonosis yang dapat merebak kepada manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, ini pun nak baca kah?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah lambat, masa sudah hendak habis. Bagi satu minit lagi.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Dua minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tak, satu sahaja.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Okey, *I will cut it short*. Langkah yang terbaik untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengadakan industri ternakan lembu dan kambing secara besar-besaran di dalam negara kita. Rakyat kita hanya 32 juta dan hampir 90 peratus

adalah *meat consumers*. Pernah kita alami kegagalan apabila *National Feedlot Corporation* (NFC) diberi wang sebanyak RM200 juta untuk mengusahakan ternakan lembu.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong simpulkan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, untuk memastikan ia tidak berulang, kenapakah tidak industri ini dipelopori pelabur dari luar negara dan berminat dalam sektor ini? Biarlah insentif kepada pelabur asing untuk mencebur di bidang ini supaya ternakan dan sembelihan nanti lebih mudah dipantau jika berlaku di dalam negara. Dengan ini, saya menyokong usul Yang Berhormat Senator Puan Asmak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy.

1.31 tgh.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ringkas ya, Yang Berhormat. Kita ada sedikit masa lagi sebab saya hendak bagi peluang dua lagi.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ambil maklum akan keresahan di kalangan masyarakat orang Islam di negara kita dan meminta kerajaan supaya menyiasat sepenuhnya perkara ini. Saya ingin menyatakan semasa saya bertugas sebagai bekas Menteri dulu, saya ada melawat negara Kazakhstan, di mana Malaysia dijemput untuk menghadiri satu *conference* antarabangsa hak asasi manusia.

Saya juga diminta oleh Yang Berhormat Menteri di Kazakhstan, Kazakhstan sebuah negara Islam. Diminta oleh Menteri untuk Malaysia membantu negara Kazakhstan dalam memajukan industri halal di negara mereka. Jadi, saya menyeru kerajaan supaya membuat suatu siasatan yang telus supaya industri halal di negara kita ini kekal *intact* di kaca mata antarabangsa.

Ini juga satu isu hak asasi manusia, di mana kebebasan agama adalah amat penting. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong.

1.32 tgh.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong usul oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak bagi pihak parti saya dan juga bagi rakyat Malaysia. Saya rasa isu ini seperti apa yang disebut tadi, sebenarnya apabila kami sebagai mantan Menteri atau Timbalan Menteri melawat ke negeri lain, dimaklumkan atau kita faham sebenarnya Sijil Halal dan juga perbankan Islam dan kewangan Islam inovasi pada tahun 80an oleh negara kita. Kalau krisis ini tidak diselesaikan dan tidak disiasat secara sepenuhnya, ia akan ada risiko reputasi untuk negara kita. Saya ingin nyatakan sokongan

kami bahawa satu RCI perlu ditubuhkan dan juga peranan Dewan Negara mungkin boleh melalui Caucus Kesejahteraan. Selepas ini, kalau boleh ditubuhkan jawatankuasa yang spesifik, kita boleh jalankan tugas kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada satu lagi. Silakan Yang Berhormat.

1.33 tgh.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Kita juga terima kasih kepada pihak media yang telah pun mendedahkan isu 40 tahun perkara ini berlaku. Akan tetapi persoalannya kalau benarlah 40 tahun, maka kita amat, amat, amat kesal terhadap isu yang berlaku kerana membabitkan kononnya 1,500 tan daging import yang bernilai RM30 juta.

Jadi, bila sebut tentang 1,500 tan ini, bukan letak dalam kotak mancis, sudah tentulah di dalam gudang yang besar. Macam mana pihak penguasa tak nampak benda ini? Ini memang kita bimbang, takut ada *puzzle-puzzle* yang bermain dalam konteks ini, itu satu. Keduanya ialah berkenaan dengan isu ini kena tindakan segera kerana ia memberikan kesan kepada pemain-pemain yang sebenar seperti mana *Ramly Burger* yang jujur terbukti, kesian kepada mereka. Ketiganya, isu ini bila timbul, mereka refer kepada JAKIM sedangkan JAKIM itu bukanlah pihak yang sebenar, yang pihak yang sebenarnya ialah MAQIS, JAKIM hanya meluluskan soal halal dan juga haram.

Sama juga macam isu umrah selalu orang rujuk Tabung Haji apabila terbengkalai sedangkan isu umrah ini kena refer kepada Kementerian Pelancongan. Jadi, akhir sekali ialah sekurang-kurangnya memberi kesedaran kepada pihak kerajaan, terutamanya kita mesti beralih memberikan tumpuan. Tak sepatutnya negara kita ini yang rumputnya banyak, yang padangnya luas, tiba-tiba kita masih lagi mengimport lembu dan juga kambing daripada orang lain. Sekurang-kurangnya memberikan satu kejutan kepada terutama MAFI dan juga kementerian-kementerian bersangkutan untuk menjadikan sikap yang agak proaktif ataupun *move forward*, ke depan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dengan sukacita diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memberikan jawapan.

1.35 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Surah Al-Baqarah Ayat 172, "Wahai orang beriman, makanlah daripada barang-barang yang baik yang kami rezekikan kepada

kamu”... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, antara keduanya dinamakan *muthasyabihat*. Ramai yang tidak mengetahui berkenaan perkara yang *muthasyabihat*, sesiapa yang menjauhi perkara yang *muthasyabihat* itu sesungguhnya ia menyelamatkan dirinya dan juga kehormatannya.’ Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Kayu keramat ikan patin;
Terima kasih Yang Berhormat yang prihatin.*

Yang Berhormat Senator- saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak yang membawa isu yang menjadi viral sejak sebulan yang lalu dan ia menjadi keprihatinan kepada pihak kementerian saya. Saya bercakap hari ini di bawah kapasiti Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi, sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Dato’ Kesavadas, Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy, Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong dan sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad yang begitu prihatin terhadap isu yang sedang viral dan sedang hangat diperkatakan sehingga ke hari ini.

Sebagaimana yang dikatakan oleh pembentang usul tadi Yang Berhormat Senator Puan Asmak, ia berlalu sejak sebulan yang lalu. Jadi, kita amat prihatin dan mengambil berat apa yang diviralkan dalam akhbar dan juga apa yang dinyatakan di dalam media sosial yang menyatakan bahawa ada perkara-perkara yang ia sebenarnya di luar ataupun tidak sebenarnya berlaku.

Kita bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak tadi *Allanna* ataupun *Ramly Burger* telah menafikan ia terlibat. Isu yang timbul dalam penyiasatan kita di bawah KPDNHEP ialah kita bukan tak mahu hendak *reveal* nama yang terlibat ini tetapi ia ialah kerana satu buah syarikat, esok kita akan tuduh satu buah kompeni.

Syarikat ini ia ambil daging kemudian di cap menggunakan syarikat lain, saya harap Yang Berhormat Senator faham. Maknanya, ia ini pengumpul, kemudian diambil satu ketul daging, ia cap satu jenama yang menjadi *demand* yang tertinggi dan harga yang paling mahal. Jadi, kalau kita *reveal* nama syarikat tersebut, maka jenama daging syarikat tersebut akan tersebut akan menjadi *tarnished*. Syarikat itu bukan salah ya. Siapakah lagi masih tak faham lagi?

Ia katanya syarikat ataupun jenama yang menjadi *demand* sekarang, contohnya *brand* ‘A’. Jadi, kompeni yang akan dituduh ini ambil daging dari luar, di cop *brand* ‘A’ pada kotak

tersebut. Jadi, kalau kita masuk dalam surat khabar mengatakan bahawa *brand 'A'* ialah yang buat pemalsuan ini, maka *brand 'A'* akan terlibat, sedangkan bukan kerja dia. Maknanya ini, ia *copy daging* ataupun cap yang menjadi *demand* yang tertinggi dalam negara. Jadi, kalau kita hendak umum sekarang...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Rosol bin Wahid: Boleh, sila-sila.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Isu ini Tuan Yang di-Pertua, dibenarkan sedikit penjelasan?

■1340

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat memberi pandangan itu, saya hendak mengesyorkan supaya lebih baik kementerian menyuarakan apa tindakan hendak diambil dan tidak hanya menokok kepada apa naratif yang telah dibahaskan di Dewan. Sila.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua membaca pemikiran saya. Saya melihat apa yang saya rasa kerajaan perlu mempertahankan maslahat awam, umum, lebih daripada kalau begitu penjelasan, seolah-olah ya, syarikat yang dipertahankan, kerisauan. *No, no*, bukan seolah-olah, saya menjaga kementerian supaya ia tidak ditafsirkan sebegitu. Bagi saya yang perlu sekarang ini ialah kemaslahatan rakyat terutama sekalilah, ada yang kaya dan miskin. Jadi saya rasa lebih baik naratifnya, nadanya itu seperti yang Tuan Yang di-Pertua katakan tadi ialah tindakan-tindakan yang memihak kepada rakyat kerana mereka ini memerlukan kerajaan mempertahankan mereka.

Kompeni ini dia ada cara dia sendiri, dia ada peguam dia sendiri, dia ada macam-macam. Itu pandangan saya. Jadi saya perlukan penjelasan Yang Berhormat Menteri agar ia ke situ, mempertahankan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih dengan pandangan tersebut. Sebenarnya kita bukan mempertahankan syarikat. Kita bimbang ataupun kita- sebab yang buat salah ini bukannya syarikat, bukan nama tersebut tapi sebuah kompeni yang ambil daging kemudian letak nama cap tersebut. Jadi kalau kita katakan *brand 'A'*, tapi sebenarnya daging itu bukan *brand 'A'* tapi diletakkan *brand 'A'*. Kita bukan pertahankan kompeni ini. Memang kita pertahankan apa yang dikehendaki oleh syarikat.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Saya perlu penjelasan sikit Tuan Yang di-Pertua, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah Yang Berhormat Senator hendak kemukakan?

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Ini saya hendak tanya?

Tuan Yang di-Pertua: Ini dalam hal untuk mengganggu ya. Hendak mengganggu beliau. Apakah dia?

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Bukan, bukan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Nampak seolah-olah.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, bukan hendak ganggu, kita hendak minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, penjelasan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Ya.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Penjelasan, ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Nampak seolah-olah Yang Berhormat Menteri cuba *protect* syarikat ini. Yang Berhormat Menteri menyatakan syarikat ‘A’ ambil daging daripada ‘B’ umpamanya, kemudian letak saja nama dia. Jadi dia memang bertanggungjawab lah atas apa yang diambil. Dia tidak boleh lepas daripada tanggungjawab dia. Secara logiknya, tidak boleh lepas, itu saja. Saya hendak tahu mengapa kementerian nampak seolah-olah macam.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, sambungan sikit Tuan Yang di-Pertua, sambungan sikit saja.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya hendak minta soalan tambahan?

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, sambungan sikit saja daripada Yang Berhormat Waytha tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, nanti. Duduk, duduk dulu. Saya beri petua dia. Sudah 11 orang memberi hujah dengan jelas bahawa ini merupakan masalah nasional. Oleh itu kita mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pandangan dan jawapan bagaimana mengatasinya. Bukan menambah lagi naratif. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa yang tindakan yang telah kita ambil ialah kita sita semua daging yang kita rampas. Itu kita sita dan kita beku aset kompeni tersebut yang nilainya RM1 juta. Kita sudah beku, kita sudah *freeze* dan mungkin kita akan dakwa dalam masa terdekat. Cuma esok kita akan dakwa kompeni tersebut untuk tindakan memalsukan. Kerana apa yang kita dapat di kompeni ini, kompeni yang memalsukan Sijil Halal dan juga cap halal ini kita dapat ada...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Yang Berhormat, sikit penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Rosol bin Wahid: Sila, sila. Kejap, kejap. Kita dapat 24...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, nanti dulu.

Dato' Rosol bin Wahid: ...Jumlah 24 unit *rubber stamp* daripada kompeni-kompeni yang dia punya *brand* daging tersebut yang menjadi permintaan tinggi. Faham ya. Makna dia buat satu *rubber stamp*, cap di premis tersebut untuk hendak dicap pada kotak-kotak yang diedarkan. Jadi kita rampas semua sekali. Itu tindakan kita di bawah kapasiti yang kita ada di dalam KPDNHEP. Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi.

Dato' Rosol bin Wahid: Kemudian, selain daripada itu kita juga akan, di samping itu kita dapat juga 5,000 keping stiker Logo Halal JAKIM yang ditiru. Ini tindakan yang kita buat dan dapatan yang kita itu dan sejumlah 2,428 kotak daging beku turut disita yang menggunakan logo halal yang disyaki palsu, yang nilainya ialah RM738,640. Jadi ini tindakan yang kita ambil.

Kemudian kita juga mendapati dua buah lori yang digunakan menggunakan logo halal JAKIM yang dipalsukan dan kita juga menyita lori tersebut dan jumlah sitaan kita dengan kedua-dua barang yang ada dalam lori tersebut bernilai RM1.03 juta. Jadi ini tindakan yang kita ambil setakat ini.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Yang Berhormat, saya mohon sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Rosol bin Wahid: Okey, sila.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong halakan kepada Tuan Yang di-Pertua dulu sebelum terus kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Boleh tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah dulu kuda berlari, baru datang ke apainya. Sila, sila.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: *Bismillahi Rahmani Rahim. Awallan wal'akhiran.* Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas kebenaran yang diberi. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian, betul akan ada dakwaan esok dan tangkapan telah dibuat. Apakah jaminan di masa akan datang perkara begini tidak berlaku lagi? Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat Menteri, dipersilakan.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu persatu dahulu. Sila jawab itu dulu.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Zahid. Sebenarnya kita, perkara ini sebagaimana yang diketahui oleh Yang Berhormat Senator Asmak tadi dia melibatkan banyak agensi. Agensi kita di peringkat kementerian KPDNHEP ini barang itu sudah masuk kepada kita, baru kita ada kuasa.

Ertinya dia ada kuasa di peringkat kastam, MAQoS, kesihatan dan sebagai-bagainya. Jadi apa yang berlaku sekarang, oleh sebab benda ini sudah berada dalam kawasan kita, di dalam *territory* Malaysia, maka menjadi tanggungjawab di bawah KPDNHEP untuk menyiasat dan mendakwa. Tambah lagi Akta Perihal Dagangan semuanya di bawah kita.

Akan tetapi yang mengeluarkan logo halal di bawah JAKIM. Jadi kita ada satu kolaboratif yang baik antara agensi-agensi dan kementerian-kementerian ini untuk memastikan apa yang berlaku ini tidak berlaku. Kemudian ada yang mengatakan ia sudah berlangsung selama beberapa tahun. Pada saya itu tidak benar kerana syarikat yang kita jumpa ini baru berdaftar pada tahun 2014. Kemudian dapat import pada 2017. Jadi apa yang diviralkan itu saya rasa banyak yang tidak betul daripada yang betul.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Apa lagi langkah?

Puan Asmak binti Husin: Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah lagi langkahnya?

Dato' Rosol bin Wahid: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah, sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Asmak tadi supaya cadangan diadakan mesyuarat khas berkaitan halal yang mana kita, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menubuhkan Jawatankuasa Perundangan dan Penguatkuasaan Halal bagi menyelaras tindakan dan isu-isu berkaitan penguatkuasaan halal di dalam negara yang mana ahli-ahlinya yang terlibat ialah JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Jadi benda ini telah kita buat untuk kita pastikan apa yang kita makan adalah halal. Untuk makluman Dewan yang mulia juga bahawa kita ada 53 buah negara yang boleh dibenarkan masuk, termasuk Brazil.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya sikit saja hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sikit, boleh?

Dato' Rosol bin Wahid: Sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak ada cukup masa ya. Tolong persis kan.

Datuk Razali bin Idris: Sikit, *insya-Allah*. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut tadi kartel ini dapat tahu pada 2014 tapi laporan mengatakan 30 tahun, 40 tahun. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa tindakan kepada pihak yang menyebarkan berita palsu, yang menyebarkan maklumat yang salah. Apakah tindakan pihak kerajaan sekarang ini? Kita kena bantai semua ini. Kartel pun kita bantai, penyebar berita yang tidak betul pun kita kena bantai. Ini masanya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Sila jawab.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Razali dan kita sedang mengkaji tindakan yang akan diambil kerana hadis Nabi bersabda, *Alfitnatul Haasatul Minal Qal*, fitnah itu lebih kejam daripada membunuh.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada 53 buah negara yang dibenarkan import termasuk Argentina, Bangladesh, Belgium, Brazil, Brunei, China, Chile, Denmark, Perancis, Jerman, India, Indonesia, Jepun, Belanda, New Zealand, Pakistan, Filipina, Poland, Singapura, Afrika Selatan, Taiwan, Thailand, Turki, *United Kingdom*, Amerika Syarikat, Vietnam dan sebagainya. Jadi semua sekali 53.

Kemudian isu yang dibangkitkan baru ini ada mengatakan daging kuda, daging kanggaru. Dapatkan yang kita buat dari Jabatan Kimia, ia bukan daging kuda dan bukan daging kanggaru dan bukan daging babi. Jadi ini juga benda yang menimbulkan keresahan rakyat. Jadi terima kasih kepada...

Puan Asmak binti Husin: Mohon penjelasan, mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan.

Dato' Rosol bin Wahid: Saya habiskan dulu. Terima kasih ke Jabatan Kimia yang mempercepatkan. Sebenarnya proses ini mengambil masa hampir sepatutnya sebulan tetapi oleh sebab perlu dan keresahan masyarakat...

■1350

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi disebut secara jelas bahawa hasil penyiasatan Jabatan Kimia itu harus disebutkan kembali sebelum permohonan untuk penerangan dan penjelasan dibuat. Jadi, tidak ada daging babi dalam siasatan itu.

Dato' Rosol bin Wahid: Apa yang dimaklumkan kepada kita, bahawa ada daging kanggaru dan daging kuda di dalam apa yang disita tersebut, kita hantar semua sekali. Bukan kita pilih-pilih. Apa yang kita ambil, kita hantar semua sekali ke Pejabat Kimia dan Pejabat Kimia telah memberi laporan kepada kita bahawa tidak ada daging kanggaru, tidak ada daging kuda dan tidak ada daging babi daripada apa yang kita sita tersebut. Jadi, ini suatu yang menggembirakan kita sebagai rakyat Malaysia.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan tambahan boleh?

Puan Asmak binti Husin: Saya dahulu boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Senator Puan Asmak.

Puan Asmak binti Husin: Saya ringkas sahaja. Pertama, tadi disebutkan akan ditubuhkan satu jawatankuasa tetapi melibatkan JAKIM dan JAIN. Bagaimana pula dengan agensi yang lain seperti kastam dan sebagainya? Itu satu. Kedua, apa nasihat terbaik kerajaan, contohnya kepada saya, ibu-ibu yang menyediakan makanan di rumah? Kita kena

hentikan dahulu beli daging import atau bagaimana? Jadi, saya mohon daripada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Rosol bin Wahid: Untuk makluman, bahawa kita bukan akan. Kita telah pun tubuh Jawatankuasa Perundangan dan Penguatkuasaan Halal kerana ia melibatkan halal, maka ia melibatkan JAKIM dan juga agama Islam. Akan tetapi daripada segi proses untuk kemasukan dan sebagainya ia di bawah Kementerian MAFI. Kemudian berkaitan dengan persoalan adakah kita kena *stop* beli daging import?

Pada saya, tidak perlu *stop* kerana pada maklumat yang kita ada, daging import kepada *Allana* memang bagus, memang terbukti bahawa ia halal sebab dari India sampai ke Malaysia, semuanya diurus oleh orang beragama Islam. Kemudian, daging lain itu saya tidak pasti tetapi daging *Allana* saya boleh umum bahawa ia daging yang memang disahkan bersih dan suci. Begitu juga dengan *Ramly Burger*.

Puan Asmak binti Husin: Satu lagi. Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit lagi. Mohon mungkin kerajaan mengumumkan jenama yang selain daripada *Allana*. Apakah lagi yang boleh? Mungkin esok kah, boleh dapat umumkan supaya kami ini ada banyak pilihan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, itu permohonan.

Dato' Rosol bin Wahid: *Insya-Allah* saya cuba yang terbaik sebab bukan sahaja Yang Berhormat Senator yang suspensi benda ini. Saya sendiri pun makan daging. Saya pun suspensi dan tidak mahu makan benda yang tidak disahkan halal. Jadi, menjadi tanggungjawab kita bersama. Kita buat yang terbaik untuk pastikan bahawa rakyat tidak kira Islam dan tidak Islam akan dapat terbaik untuk rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja lah apa yang ingin saya kongsikan bersama pada hari ini dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bercadang menubuhkan RCI.

Kita menyokong penuh penubuhan tersebut kerana kita dapat *reveal* siapa sahaja yang menjadi *culprit* kepada permasalahan ummah pada hari ini. Ada yang mengatakan bahawa kita cuba melindungi *somebody* ataupun VIP. Pada kita, kerajaan kita telus, kerajaan kita prihatin, kerajaan kita berintegriti. Apa yang salah tetap salah, yang benar tetap benar. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Terima kasih. Majlis mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan stanzza yang terakhir beliau sebutkan tadi ialah bersetuju untuk menubuhkan RCI. Ini sesuatu yang kami akan tulis kepada kementerian untuk melaksanakan dalam tempoh terdekat dan juga menurut sentimen yang telah dizahirkan oleh Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup bagi perbahasan ini dan bagi pihak semua Yang Berhormat Senator, kita mengucapkan terima kasih dan penghargaan. Suatu semangat yang telah timbul hari ini. Saya dapat Ahli-ahli Dewan Negara bukanlah anggota legislatif yang diam dan ini kita ucapkan tahniah kepada yang pembawa usul dan juga yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Sayang sedikit sebab tidak dapat saya berikan lebih banyak peluang untuk menyertai topik yang begitu penting dalam kehidupan kita.

[Menyambung semula perbahasan Rang Undang-undang, Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga]

Tuan Yang di-Pertua: Mana-mana Yang Berhormat Senator ingin mengambil bahagian, sila bangun. Oleh sebab senarainya tidak ada pada saya. Sila Yang Berhormat.

1.55 tgh.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita buat ringkas ya. Masa telah berjalan lama.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Pindaan ini saya lihat sangat praktikal dengan cabaran pembangunan dan hala tuju koperasi mendatang. Kita lihat bahawa koperasi sering diurus oleh orang-orang secara sukarela dengan *share* yang rendah dan terhad. Namun, koperasi mempunyai cabaran menyediakan urusan kebajikan sosial dan juga kebajikan khairat kematian dalam memanfaatkan untuk ahli nya.

Namun, kita lihat apa yang diusahakan oleh kementerian ini untuk mengecilkan jumlah angka dalam sesuatu pengurusan dalam penubuhan koperasi dan juga urus tadbir dengan pelantikan ahli lembaga. Saya melihat ini sesuatu tindakan yang amat relevan. Kalau kita melihat suatu contoh, ada tanah dua, tiga ekar yang dimiliki oleh Syed Segaraga. Mungkin banyak juta-juta hartanya.

Namun, kalau tanah dua, tiga ekar itu ditubuhkan sebuah koperasi keluarga, koperasi Tiga Abdul dikatakan tadi. Macam kita lihat bahawa harta ini dapat diurus dengan baik dalam konsep koperasi dan diagihkan harta keuntungan tadi dalam konsep faraid. Jika kita melihat, bagi saya melihat dengan pindaan penubuhan ahli koperasi daripada 50 orang kepada 20 orang, fasal 2, pindaan seksyen 5(1)(a) juga melihat bahawa masyarakat Orang Asli dapat menukuhan banyak koperasi di kampung-kampung, di RPS-RPS dan penempatan yang bersesuaian dengan jajaran yang besar. Kalau kita melihat koperasi-koperasi Orang Asli yang ada seperti Kijang Mas Pahang, Kijang Mas Kelantan, Koperasi Jaya Seri Johor, Koperasi Orang Asli Selangor dan sebagainya dalam keadaan pengurusan yang peringkat negeri.

Namun, dalam koperasi peringkat mukim atau koperasi asas ia lebih mudah diurus tadbir. Justeru itu, saya melihat pindaan bilangan fasal 7- pindaan bilangan ahli lembaga daripada enam kepada tiga orang juga sangat praktikal bagi kampung-kampung yang kecil untuk hendak membangunkan koperasi-koperasi. Namun, bilangan ini saya mencadangkan kepada kerajaan melihat suatu nilai yang praktikal.

Jika keahlian itu mempunyai 1,000 orang ahli ke atas. Mungkin ahlinya perlu ditetapkan dengan 12 ahli lembaga. Jika 1,000 ke bawah, dengan lapan ahli lembaga. Jika 500 orang ahli ke bawah, enam ahli lembaga dan jika lebih kurang 100 ahli dengan tiga orang Ahli Lembaga. Begitu juga dengan cadangan fasal 9 - membenarkan koperasi membuat pinjaman di institusi kewangan. Mungkin kadar yang sesuai dicadangkan kepada bank-bank lain ialah satu hingga tiga peratus untuk membantu dan mengembangkan pembangunan sektor koperasi. Begitu juga untuk pembubaran bagi sesuatu koperasi. Saya mencadangkan bukan kepada cadangan yang diusulkan iaitu lima orang.

Namun, melihat kepada nilai praktikal sesuatu koperasi yang saya katakan tadi. Jika keahliannya 5 ribu, 10 ribu, adakah dengan tinggal berbaki 15 orang, 10 orang itu masih lagi boleh dipertahankan untuk mengurus tadbir koperasi? Maka, nilai yang sesuai mungkin saya mencadangkan 10 peratus daripada baki ahli yang ditubuhkan atau keahlian yang penuh pada sebuah koperasi itu boleh disyorkan kepada 10 persen. Itu cadangan saya.

Soalan saya yang akhir, adakah pindaan yang dibuat oleh kementerian pada hari ini terlibat kepada koperasi yang baharu sahaja? Bagaimanakah koperasi-koperasi yang lama? Adakah koperasi-koperasi yang lama perlu membuat pindaan undang-undang kecil untuk melayakkan juga kepada syarat-syarat pindaan yang saya nyatakan tadi iaitu dengan keahlian untuk Ahli Lembaga tiga orang, dan sebagainya? Sekian, terima kasih. Akhir sekali, saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

1.59 tgh.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan pada saya untuk sama-sama membahaskan tentang Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 bagi meminda Akta Koperasi 1993.

Sebelum memulakan ucapan saya, saya hendak merakamkan takziah pada keluarga Allahyarham Prof. Diraja Ungku Aziz atas pemergiannya. Moga amal kebaikan Prof. Ungku Aziz diterima bersama orang-orang yang soleh kerana Prof. Ungku Aziz seorang pejuang koperasi yang telah sama-sama menubuhkan Angkasa. Pastinya tujuan pindaan ini adalah

kita hendak merancakkan koperasi di negara ini kerana koperasi ini merupakan sektor ketiga sebagai sumbangan kepada ekonomi di negara dengan jumlah aset bernilai RM140 bilion dan ada 14 ribu koperasi dan keahlian enam juta.

■1400

Sudah pasti ini satu force yang besar untuk mengerakkan ekonomi di negara kita. Saya tertarik dengan falsafah koperasi ini. Saya rasa untuk menolong golongan yang berpendapatan ataupun B40 ini, koperasi ini mempunyai kekuatan sebab falsafah koperasi ialah menjaga kepentingan ahli-ahli, bukan maksimum untung yang dicari. Oleh sebab itu kalau mereka boleh membeli secara *bulk*, pastinya dapat menolong ahli-ahli di kawasan mereka. Saya galakkan kalau boleh koperasi-koperasi wujud di kawasan perumahan kos rendah yang boleh membantu untuk mengurangkan kos hidup kerana kos sara hidup kian meningkat.

Saya hendak kongsi pada petang ini ialah satu buah koperasi masjid di Pulau Pinang, di Kepala Batas. Sebuah masjid yang dilengkappan dengan mini market, pusat dialisis, ada hotel, *conference room*, ada *solar energy*, ada *recycling center* dan pusat gunting rambut. Ini menjadikan masjid ini menarik untuk diimarahkan bukan hanya tempat untuk sembahyang ataupun untuk kuliah-kuliah.

Saya mencadangkan supaya SKM merujuk dengan jabatan agama negeri, majlis agama negeri atau Persekutuan supaya dikuatkan koperasi-koperasi di masjid-masjid supaya kehadiran ahli jemaah yang ramai itu boleh dimanfaatkan kepada masyarakat setempat di mana masyarakat setempat boleh- saya tengok di Pulau Pinang itu mereka yang ada *frozen food* boleh menghantar ke masjid-masjid di mini market masjid dan mereka boleh memasarkannya.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Hasrat ini pendekatan yang baik untuk kita mengaktifkan masjid-masjid dan juga koperasi masjid digerakkan ke seluruh negara. Dalam kemelut tadi, kemelut daging haram ini sebenarnya koperasi ini boleh memainkan peranan untuk membantu memastikan daging halal di *supply* kepada pengguna. NAFAS umpamanya, koperasi peladang pernah memohon AP untuk mengimport daging-daging lembu, kerbau, ayam untuk diedarkan kepada ahli-ahli koperasi. Akan tetapi malangnya sehingga hari ini belum dapat kebenaran AP import sebab saya difahamkan bahawa kartel dalam import daging ini sangat kuat.

Saya tertarik di Jepun umpamanya. Di Jepun koperasi-koperasi peladang dan koperasi-koperasi petani sangat berkuasa dan mereka boleh menentukan harga barang. Harga-harga barang pertanian berbanding di Malaysia harga ini ditentukan oleh orang tengah

dan petani menjual dengan harga yang murah tetapi harga di pasaran adalah tinggi. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya koperasi diberi hak untuk menentukan harga barang. Ini ialah bagi koperasi-koperasi peladang umpamanya iaitu kita lihat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) walaupun bukan di bawah SKM ia di bawah LPP ia punya peranan yang besar untuk memastikan bahawa mereka diberi peranan untuk menentukan harga barang untuk sampai kepada pasaran.

Oleh sebab itulah dalam konteks import beras, sebenarnya NAFAS memohon supaya diberi hak untuk mengimport beras dan juga gula untuk kepentingan ahli-ahli peladang. Kita difahamkan bahawa BERNAS sepatutnya kontrak sudah habis tetapi kontrak BERNAS disambung semula dan BERNAS bukanlah koperasi, ia sebuah syarikat korporat yang diberi hak untuk menguruskan pengedaran beras di negara ini. Oleh sebab itu saya berpendapat bahawa sepatutnya koperasi seperti NAFAS diberi hak untuk menjadi pengedar kepada import beras. Ini kerana di tangan NAFAS ialah petani-petani, pesawah-pesawah yang ada pengeluaran hasil-hasil padi berbanding BERNAS yang tidak adapun ladang-ladang.

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya koperasi seperti NAFAS ini diberi hak untuk mengimport beras untuk diedarkan kepada petani-petani yang ada supaya harga beras akan lebih stabil. Jadi saya harapkan dengan akta ini SKM akan terus membantu koperasi dan menjadikan koperasi akan terus maju sebagai *third force* dalam ekonomi di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Wira Koh Nai Kwong.

2.04 ptg.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 pada hari yang mulia ini. Secara umumnya pindaan rang undang-undang ini membuat peruntukan yang lebih baik daripada segi penubuhan, pendaftaran, pengeluaran dan pengawalseliaan koperasi-koperasi dan untuk menggalakkan perkembangan koperasi di Malaysia. Peruntukan rang undang-undang ini diasaskan dengan pengubahsuaian, tambahan dan kelonggaran syarat serta penambahbaikan tertentu pada undang-undang yang sedia ada.

Tidak dapat dinafikan selain itu pindaan kali ini juga ingin memastikan akta ini menjadi pemudah cara kepada gerakan koperasi di negara ini untuk terlibat dalam bidang perniagaan dan yang berprofil tinggi bagi menjana pendapatan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan KDNK. Pada hari ini sumbangan koperasi kepada KDNK dijangka hanya antara tiga peratus hingga empat peratus sahaja. Statistik ini menunjukkan perkembangan bidang

koperasi negara kita masih bersaiz mikro dan mempunyai ruang yang besar untuk berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat cadangan pindaan ini merupakan satu langkah yang tepat pada masanya kerana kemudahan dalam penubuhan koperasi mampu menyediakan peluang untuk mewujudkan lebih banyak koperasi di negara kita. Ini juga bermaksud lebih banyak platform *business*, dengan izin, yang melibatkan pinjaman dana perniagaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap terutamanya pada waktu bencana pandemik COVID-19 ini. Saya melihat pindaan yang membawa kepada ringkasan pentadbiran koperasi ini mempunyai potensi yang tinggi dalam memajukan ekonomi di negara kita kerana undang-undang koperasi yang lebih holistik dan mesra akan melestarikan dan menggalakkan pembangunan peniaga.

Sebenarnya di negara seperti Singapura dan Korea, penubuhan koperasi mereka hanya memerlukan lima orang anggota. Di India dan Pakistan pula hanya memerlukan 10 orang anggota sahaja. Oleh itu, pindaan kita yang berkurang sehingga 20 orang anggota merupakan inisiatif yang seiring dengan perkembangan semasa dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyampaikan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Pertama, pertimbangan kementerian dan SKM untuk mengeksplorasi bidang-bidang baharu yang berpotensi berikut dengan kehadiran bencana COVID-19. Industri *e-commerce*, dengan izin, telah berkembang dengan rancak dalam negara kita. Mengikut pengumuman nilai transaksi dalam Festival Belanja 11.11, *Alibaba Group Malaysia* telah disenaraikan pada tangga keempat di dunia iaitu selepas negara Amerika, Rusia dan Perancis sahaja. Kedudukan ini telah membuktikan kuasa beli rakyat kita yang tinggi dan industri ini berpotensi untuk dibangunkan dengan lebih mampan dalam negara kita.

Selain itu mengikut laporan global dari *International Renewable Energy Agency*, industri tenaga boleh baharu dijangka mampu menjana ekonomi global pasca COVID-19 dengan jumlah GDP sebanyak USD100 bilion dari tahun 2020 hingga 2050. Berikutan dengan itu, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia juga telah meletakkan sasaran untuk mencapai 20 peratus daripada tenaga dalam negara untuk dihasilkan melalui tenaga boleh baharu pada tahun 2025.

Sebenarnya negara kita mempunyai peluang yang tinggi untuk memajukan bidang ini disebabkan lokasi negara kita yang strategik di tengah garisan khatulistiwa. Dengan itu kementerian dan SKM boleh mempertimbangkan untuk meletakkan lebih banyak usaha dalam industri yang berpadanan dengan industri tenaga boleh baharu ini terutama industri tenaga solar dan kereta elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa ringkasan penubuhan koperasi ini akan menggalakkan lebih banyak penubuhan koperasi dan seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi negara kita terutama dalam waktu yang penuh dengan cabaran ini usaha-usaha kementerian dan SKM dalam membantu bidang koperasi yang akan meningkatkan suasana usahawan dan perniagaan dalam negara ini perlu disanjung.

■1410

Saya ambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kerajaan, kementerian dan SKM dalam usaha ini. Saya pohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili.

2.10 ptg.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak turut serta dalam perbahasan ini untuk menyokong pindaan kepada rang undang-undang ini. Pada saya, penubuhan sesebuah koperasi memang patut digalakkan dalam kalangan masyarakat Malaysia lebih-lebih lagi pada masa ini iaitu dalam keadaan negara yang berhadapan dengan cabaran-cabaran seperti kekurangan peluang pekerjaan dan juga untuk kita menggalak rakyat kita, masyarakat kita untuk menceburi dalam bidang perniagaan khususnya menerusi penubuhan koperasi-koperasi.

Bagi saya biarlah saya menjurus kepada—kerana masa yang terhad ini untuk memberi sedikit tentang penubuhan dan perkembangan koperasi di negeri Sarawak. Dalam kalangan masyarakat bumiputra Sarawak, di luar bandar khususnya tidak salah kita katakan bahawa pemahaman berkenaan dengan apa itu koperasi dan bagaimana ia nya dapat dimanfaatkan untuk membantu mereka masih belum sampai ke tahap yang memuaskan.

Oleh yang demikian, saya meminta supaya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk mengadakan lebih banyak lagi *roadshow* ataupun jerayawara program-program promosi dan penerangan berkenaan dengan manfaat dan bagaimana masyarakat terutamanya di luar bandar dapat melibatkan diri dalam koperasi di kawasan masing-masing.

Penggunaan koperasi dalam kalangan masyarakat luar bandar terutama dalam kalangan anak-anak bumiputra menghadapi cabaran daripada segi pelbagai sudut. Mungkin disebabkan mereka atau ahli keluarga mereka pernah menjadi ahli sesebuah koperasi, tetapi akhirnya koperasi itu tidak begitu berjaya, maka mereka begitu agak kurang memberi sokongan kepada penubuhan koperasi yang baru.

Jadi, saya meminta kepada kementerian ini untuk menyatakan berapakah bilangan koperasi yang berjaya dan berapa yang tidak aktif dan beberapa buah koperasi yang sudah

'gulung tikar' di negeri Sarawak? Apakah rancangan kementerian untuk melihat lebih ramai lagi masyarakat peribumi atau masyarakat bumiputera di Sarawak supaya lebih bergiat di dalam bidang koperasi ini? Saya mencadangkan untuk koperasi di luar bandar di Sarawak, perlu diadakan lebih banyak lawatan sambil belajar supaya mereka membuka minda masyarakat kepada pengendalian koperasi yang berjaya terutamanya mereka yang terlibat dalam bidang pertanian dan juga perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian yang ada hubung kait dengan pindaan akta ini. Pertama sekali ialah berkenaan dengan koperasi sekolah. Adakah koperasi sekolah juga tertakluk kepada pindaan ini dan sejauh mana kawalan dan pengawasan kepada pengoperasian koperasi-koperasi sekolah dilakukan oleh suruhanjaya ini? Adakah kerajaan juga mempunyai rancangan untuk membuat *classification* koperasi mengikut jumlah ahli dan modal yang berbayar seperti kelas 'A', kelas 'B' dan sebagainya.

Saya juga melihat bahawa adakah koperasi ini juga diberi peluang untuk menubuhkan bank-bank perniagaan? Ini kerana, kita lihat kita hanya ada satu bank yang kita lihat yang berjaya adalah Bank Rakyat. Oleh yang demikian, adakah kementerian juga boleh memberi peluang kepada koperasi-koperasi lain yang besar untuk menubuhkan bank perniagaan seperti Bank Rakyat. Ini kerana, saya difahamkan banyak koperasi yang memohon untuk membeli syer di Bank Rakyat tetapi mereka tidak berpeluang untuk mendapat syer dalam Bank Rakyat dan sebagainya. Jadi, adakah koperasi-koperasi yang besar diberi peluang oleh kerajaan untuk menubuhkan bank perniagaan seperti Bank Rakyat?

Jadi, itulah sahaja yang saya mohon penjelasan. Saya menyokong pindaan kepada rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Guru Tuan Idris bin Haji Ahmad.

2.15 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tak layak digelar Tuan Guru itu. Besar sangat gelaran, Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, ialah berkenaan saya menyokong Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 ini. Pertamanya kerana koperasi ini memang memberikan satu keistimewaan kepada orang-orang marhaen terutama daripada kalangan B40 terlibat. Ini kerana, koperasi-siapa pun yang memiliki saham yang banyak, dia tetap satu suara. Ini berbeza dengan syarikat. Syarikat kalau dia memiliki modal yang besar, dia lah yang menguasai. Kalau dia

memiliki 51 peratus. Walaupun koperasi ini lambat tetapi selamat. Walaupun koperasi ini perjalanannya lambat tetapi stabil. Maka, sebab itu pindaan ini amat baik.

Keduanya, apabila berlakunya pindaan yang telah memperuntukkan sebuah koperasi asas sekurang-kurangnya 20 orang boleh didaftar kerana sebelumnya 50 orang. Cuma, kita mengharapkan supaya pemantauan yang agak ketat di pihak SKM supaya tidak berlakunya penyelewengan kerana apabila kemudahan-kemudahan ini diberikan, kadang-kadang ada mereka mengambil kesempatan daripada peruntukan koperasi ini.

Ketiganya, kena asingkan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi dengan pengurusan koperasi. Kita tak nak ada dalam kalangan ALP itu dilantik sebagai eksekutif. Akhirnya, mereka ini banyak mempengaruhi dalam soal pengurusan-pengurusan, dan ini untuk menjamin soal ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

Keempat, kalau boleh Ahli Lembaga Pengarah ini kena had umurlah supaya kalau *hat* yang tua-tua itu kita berhenti dulu. Bukan kita tak bersetuju, kerana yang tua-tua ini kita hendak supaya ALP itu *evergreen* sedikit. *Evergreen* dan juga mempunyai daya maju dan dia boleh *move forward*. Kita bukannya anti orang tua kerana kita juga akan pergi menjadi orang tua. Walaupun kita tidak nafikan mereka itu berpengalaman, sekurang-kurangnya kena ada satu had umur agar mereka itu yang dipilih terdiri daripada kalangan mereka yang muda.

Seterusnya ialah, saya amat bersetuju apabila adanya soal pemilihan syer terutama kepada mereka yang telah pun meninggal dunia supaya menepati dengan kaedah-kaedah faraid ataupun undang-undang kecil faraid.

Terakhir ialah, untuk kita- apabila ada fasal 9 membenarkan koperasi meminjam dengan institusi kewangan ataupun koperasi yang lain kerana ini perkara yang perlu amat-amat diawasi. Bila sebut tentang pinjaman ini kadang-kadang amat berbahaya. Biarlah kadang-kadang biar kita bergerak dalam skala yang kecil, dengan kewangan ahli semata-mata agak lebih selamat terutama apabila kita menggalakkan untuk meminjam ini agak berbahaya, ia akan memberikan kesan kepada sektor koperasi itu sendiri. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Wabillahi taufik walhidayah, wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Guru Haji Idris bin Haji Ahmad. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

2.19 ptg.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya. Pertama, saya ingin mempersoalkan ialah bagaimakah pihak kerajaan dapat memastikan

jawatankuasa audit dalaman koperasi ini telus, bebas dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dalam membuat pengaudit?

Saya melihat telah berlaku pindaan terhadap jumlah pengaudit dalam koperasi ini daripada dua orang kepada tiga orang.

■1420

Salah satu isu yang sering berlaku dalam koperasi ialah berkenaan kegagalan tadbir urus. Ini telah menimbulkan beberapa masalah dan memberi kesan yang buruk kepada prestasi koperasi. Akibat daripada permasalahan ini, koperasi menghadapi masalah penyelewengan yang menjelaskan reputasi dan menyebabkan tiada kepercayaan orang awam terhadap pengurusan koperasi. Malahan, berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan masalah dalaman yang dihadapi pengurusan koperasi adalah seperti bersikap tidak peduli ahli, salah urus, kawalan pengurusan yang lemah, kurangnya kemahiran dan terlibat juga skandal kewangan yang sewajarnya ditangani.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar diadakan sebuah jawatankuasa audit dalaman bagi setiap koperasi yang ditubuhkan supaya dapat memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik. Jawatankuasa tersebut mestilah bebas dan telus dalam mengeluarkan laporan audit. Hal ini kerana saya mendapati kebanyakan koperasi yang tidak mampu bertahan lama adalah disebabkan oleh tadbir urus yang kurang cekap serta penyelewengan yang besar yang berlaku dalam koperasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah berkaitan dengan pemasaran barang keluaran koperasi tempatan yang masih belum menembusi pasaran global. Saya berpandangan kerajaan pada hari ini sewajarnya memberi penekanan kepada aspek pemasaran di peringkat global selain membantu koperasi-koperasi yang terkesan akibat pandemik COVID-19 untuk mencari peluang membuka rangkaian perniagaan yang baharu. Hal ini kerana kebanyakan barang keluaran koperasi tempatan masih belum mampu menembusi mana-mana negara lain termasuk negara jiran.

Saya juga ingin mencadangkan agar koperasi-koperasi sedia ada perlu digabungkan bagi mengusahakan produk-produk penghasilan makanan yang lebih tinggi sekali gus ia menjamin bekalan makanan yang berterusan. Penubuhan koperasi sebegini bertujuan untuk membolehkan setiap koperasi membuat pengkhususan produk dan perkhidmatan mereka daripada peringkat pengeluaran sehingga ke peringkat pemasaran yang menitik beratkan standard dan kualiti.

Diharapkan dengan adanya kerjasama antara koperasi ini mampu menghasilkan hasil yang lebih banyak sekali gus kadar kebergantungan kepada barang import dapat dikurangkan. Sehingga kini, koperasi-koperasi yang sedia ada tidak memberi satu komitmen mengikut sektor, malah mereka bergerak bebas mengikut mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini, setelah saya teliti, banyak bersifat teknikal dan asasnya adalah untuk memudahkan pendaftaran sesebuah organisasi. Tahniah saya ucapkan. Namun, galakan ini baik. Saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah kawal selia yang dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan koperasi sedia ada kekal aktif dan tidak bermasalah? Setakat Jun tahun ini sahaja, lebih 3,000 buah koperasi mendaftar yang tidak aktif. Saya merasakan antara sebab ialah faktor COVID-19.

Perkara seterusnya yang ingin saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan tabung modal pusingan yang ditawarkan kepada koperasi seluruh negara. Saya sedia maklum bahawa Yang Berhormat Menteri menyebut dalam sidang media beberapa bulan yang lalu iaitu sehingga Ogos 2020, pembiayaan tabung modal pusingan tersebut telah mencecah sebanyak RM2.13 bilion bermanfaat kepada 1,710 buah koperasi. Kalau kita kira bandingan dengan jumlah koperasi keseluruhan sebanyak lebih 14 ribu buah, ini hanyalah sebanyak 12 peratus sahaja mereka yang mendapat manfaat daripada tabung pusingan ini.

Seterusnya, saya ingin mendapat penjelasan, bagaimanakah koperasi memanfaatkan tabung pusingan modal ini yang dikeluarkan? Berapa banyakkah, atau berapa peratus kah yang dibayar balik? Berapa pula koperasi yang sudah gagal menjelaskan bayaran ansuran tabung pusingan modal dan ada atau tidak kategori itu sebagai hutang lapuk?

Akhir sekali, saya ingin utarakan iaitu berkenaan dengan daya tahan koperasi berhadapan dengan kelemahan ekonomi disebabkan penularan COVID-19. Apakah kesan kepada koperasi pada hari ini? Sejauh manakah koperasi-koperasi sedia ada mampu bertahan dalam situasi yang mencabar ini? Apakah bantuan-bantuan semasa yang disalurkan bagi memastikan kemampuan koperasi menghadapi cabaran semasa?

Seterusnya, saya ingin mendapat penjelasan kementerian tentang bilangan dan peratusan koperasi yang telah mencapai kejayaan dalam negara dan berapa pula yang dianggap gagal? Adakah kajian terperinci telah dibuat untuk menangani punca kegagalan koperasi tersebut?

Tahniah saya ucapkan kepada pihak kementerian. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

2.25 ptg.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua.

Pindaan Akta Koperasi 1993 iaitu Akta 502 bertujuan untuk memudah cara dan memperkasa gerakan koperasi. Ini dapat dilihat dari pindaan yang dibuat daripada fasal 1 hingga ke fasal 5. Di samping itu, ia juga menjadikan suruhanjaya itu lebih cekap dan pada masa yang sama tidak mengekang koperasi yang mahu menjalankan aktiviti keusahawanan.

Antara fokus utama pindaan ini dijalankan ialah untuk merasionalisasikan aktiviti agensi berkaitan koperasi dan mengurangkan kerenah birokrasi. Pindaan Akta Koperasi ini juga mencetuskan kerangka liberalisasi perundangan koperasi selaras dengan objektif untuk menjadikan koperasi sebagai sumber penjana pertumbuhan ekonomi negara. Penjanaan aktiviti ekonomi dapat dipertingkatkan dengan adanya satu perundangan yang lebih mesra pelanggan.

Gerakan koperasi di Malaysia terus berkembang sejak tahun 2009 dan bilangan koperasi telah meningkat pada kadar 9.4 peratus setahun. Pada ketika itu, kadar keanggotaan 4.7 peratus, modal *share* 8.2 peratus, aset 20.8 peratus dan perolehan 17.0 peratus setahun. Pada tahun 2009 sahaja, jumlah *share* bernilai RM8.97 bilion manakala aset bernilai RM65 bilion dan koperasi dapat menjana perolehan sebanyak RM8.92 bilion.

Gerakan koperasi ini telah menumbang sebanyak 64 peratus daripada perolehan koperasi ketika itu dan gerakan koperasi berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran baharu dari dalam dan luar yang mempengaruhi prestasinya. Antaranya, sebagaimana yang diutarakan oleh sahabat kita tadi, iaitu mungkin yang memacu koperasi orang tua-tua mungkin kena adakan limit.

Perubahan dalam ekonomi, politik dan persekitaran termasuk proses liberalisasi pasaran, kemunculan teknologi baharu dan perkembangan ICT menuntut agar koperasi perlu memperkuuhkan kedudukan dan mempertimbangkan daya saing dan daya tahan. Bagi menghadapi cabaran ini, koperasi perlu lebih produktif, kreatif, inovatif dan efisien seiring dengan sektor swasta.

Pindaan Akta 502 perenggan 5(1)(a) iaitu dengan mengurangkan bilangan minimum ahli daripada 50 orang kepada 20 orang untuk menujuhkan sebuah koperasi amatlah bertepatan dengan keadaan semasa negara di mana situasi COVID-19 yang melanda negara telah merencatkan pertumbuhan ekonomi. Jika akta ini dipinda, ia membolehkan dan menggalakkan penubuhan koperasi. Jelas menunjukkan pindaan akta ini bukan sahaja boleh membantu menjana ekonomi ahli koperasi tetapi juga ekonomi negara.

Saya ingin mencadangkan bahawa pihak kerajaan perlu menjadikan koperasi adalah suatu alat untuk memberi peluang kepada golongan-golongan yang mungkin telah diberhentikan kerja dan yang sudah mungkin kehilangan pendapatan supaya mereka dapat mengganding bahu sesama mereka mengumpul dana dan mereka boleh meneruskan usaha boleh bermiaga dengan cara dalam skala yang lebih besar.

Menjelang tahun 2020, sebanyak 16 ribu buah koperasi telah ditubuhkan dan menjelang akhir tahun ini juga koperasi dijangka berjaya menjadi entiti yang mampu berdiri setaraf dan bersaing dengan sektor swasta di pasaran terbuka.

Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad

2.29 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian.

Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin merujuk kepada Firman Allah SWT yang berbunyi... [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah dan jangan kamu berpecah-belah." Makna koperasi ini yang pentingnya jangan berpecah-belah. Kita kena bersatu baik, kena ikut ajaran yang ditentukan oleh Allah SWT, *insya-Allah*, jangan berpecah.

Jadi, saya ucap terima kasih kepada kerajaan kerana membuat pindaan kepada akta ini kerana memudahkan. Dulu kalau hendak *start* koperasi kena ada 50 orang. Hendak mula koperasi dulu ada 50 orang, sekarang 20 orang sudah memadai. Kalau dulu hendak daftar ini mesti 10 orang yang menandatangani permohonan, sekarang ini sudah lima orang. Semua sudah dipermudahkanlah.

■1430

Kemudian, menandatangi Minit Mesyuarat semasa hendak membuat permohonan penubuhan koperasi, dahulu mesti ditandatangani oleh 25 orang, sekarang hanya 10 orang.

Sementara itu, kuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia meluluskan koperasi, kalau dahulu kena keahlian 25 orang, sekarang hanya lima orang. Anggota Lembaga kalau dahulu enam orang, sekarang hanya tiga orang. Anggota Audit Dalaman, dahulu tiga orang, sekarang dua orang. Ini agak sedikit berbeza. Audit ini kalau ramai pun lagi baik, fasal boleh nampak sedikit kesilapan-kesilapan.

Kemudian, kuasa suruhanjaya membatalkan koperasi pun dahulu kalau kurang daripada 15 orang, koperasi kena tutup. Sekarang ada lima orang pun boleh berjalan. Pokok pangkalnya Tuan Yang di-Pertua, pakar ekonomi negara yang mencetuskan Tabung Haji, dia menjadi Penggerusi ANGKASA dalam tempoh yang lama. Orang bijak macam ini, dia nampak koperasi sebagai sebuah alat untuk mempertahankan ekonomi sebuah negara. Kita ini kalau tidak silap boleh *set back-* yang berlaku lebih kurang tahun 80-an. Insan tersebut bernama

YM. Professor Diraja Tun Dr. Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid, itu pakar ekonomi negara kita. Kita ucap tahniahlah kepada pandangan-pandangan bernes dia sehingga dia mengepalai koperasi untuk satu tempoh yang sangat lama.

Jadi kita ini Tuan Yang di-Pertua, *set back* yang berlaku ini sekitar tahun 80-an. Masa itu memang rakyat ini beria dengan koperasi tetapi oleh sebab berlaku penyalahgunaan kuasa dan juga ada kepentingan-kepentingan peribadi pada era 80an pada Koperasi MCA, diikuti dengan Koperasi MIC- minta maaflah, itu menyebabkan kepercayaan rakyat kepada koperasi mula menurun.

Walau bagaimanapun, ada beberapa buah koperasi yang menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang. Antaranya, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad memberikan dividen yang sangat hebat. Begitu juga yang mungkin kita tidak tahu, Bank Persatuan yang beroperasinya di Malaysia juga memberi pulangan dividen yang baik. Cuma sekarang ini ada beberapa buah koperasi yang sepatutnya menjadi *giant*, menjadi gergasi koperasi yang boleh menganjak, menggerakkan ekonomi negara seperti Koperasi FELDA, Koperasi PETRONAS, Koperasi Tentera. Lima tahun sebelum ini, *alhamdulillah* memberi dividen cukup baik.

Akan tetapi lima tahun kebelakangan ini, amat malang dan mendukacitakan. Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad daripada turun temurun tidak pernah kita dengar cerita yang menggembirakan.

Sedangkan kita hendak gerakkan koperasi ini, seperti mana yang berlaku di Korea. Kita tengok sikap, karakter orang dia. Kita panggil satu kumpulan yang dinamakan “*Donghak and movement*”, semut-semut Donghak- pergerakan semut-semut Donghak, di mana rakyat dia, tujuh daripada 10 orang kakitangan kerajaan mempertahankan *stock market* Korea Selatan sekarang ini.

Ambil kisah daripada perjuangan petani-petani Donghak pada sekitar awal kurun ke-19. Bagaimana kumpulan ini mempertahankan ekonomi negara mereka daripada serangan-serangan daripada negara-negara luar terutamanya negara Jepun pada ketika itu. Semangat ini kalau ada pada rakyat kita, *insya-Allah* koperasi ini boleh berkembang jauh. Memang boleh pergi jauh, fasal satu contoh isu daging sekarang ini. Pada 17 hari bulan baru ini saya balik merasmikan sebuah Koperasi Awang Hitam Batu Melintang Berhad. Dia membela lebih kurang 50 ekor lembu. Semua keluarga, termasuk keluarga sayalah itu- Awang Hitam Berhad ini. Pejuang mempertahankan Batu Melintang dan menubuahkan Kampung Batu Melintang, sempadan Perak. Saya salah satu keturunan Awang Hitam itulah [*Ketawa*] Bukan ‘Awang hitam’ yang Ferdinand Magellan itu, tidak. Bukan yang itu.

Jadi, saya hendak menceritakan bahawa bagaimana dengan 50 ekor lembu, dipawahkan lima ekor seorang, lima ekor seorang, *alhamdulillah* mencapai pulangan yang

positif. Tambah pula dengan isu daging yang kita sudah ditipu selama 50 tahun oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, saya cukup marah yang ini.

Sangat- marah betul, tepatlah pada yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin tadi, mengapa boleh berlaku macam itu sehingga 40 tahun kita makan daging tidak halal. Saya tidak boleh terimalah. Bagilah hujah macam mana pun, minta maaflah. Tipu orang kampung bolehlah, jangan tipu orang macam sayalah. Minta maaflah, *I know all the nuts and bolts of the country*, dengan izin. Jangan tipu saya, malu. Kalau tipu orang kampung pun saya tidak benarkan.

Jadi, saya hendak cerita hari bahawa koperasi ini- isu lembu ini kita boleh selesai. FELDA bertimbun-timbun. Sekarang ini orang sudah mulakan lepaskan sahaja lembu-lembu dalam kawasan-kawasan FELDA. Kita dalam kawasan FELDA bertimbun-timbun, bermula Johor - Melaka ada atau tidak, ada satu, kan? Di Melaka ada. Semua tempat kita boleh buat termasuk di Perlis. Kita jadikan situ sebagai koperasi FELDA-FELDA tempatan bela lembu. Kalau kita cepat-cepat, harga ayam ini akan turun dan sebagainya. Jikalau tidak, harga ayam naik ini, kesian dekat orang kampung.

Jadi, saya mohonlah supaya kerajaan- *alhamdulillah*, terima kasih atas pindaan ini, cuma pantaulah. Saya pernah- apabila ditanya kepada Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, mantan Pengerusi Eksekutif MAS, apa yang menyebabkan pada waktu Tan Sri- MAS untung sebanyak RM200 juta, RM250 juta. Semasa dia pegang- MAS tidak pernah tidak untung-untung. Akan tetapi apabila- beri kepada orang lain, tidak untung-untung. Duduk dekat dia, untung, untung, untung. Duduk dekat orang lain, tidak untung, tidak untung, tidak untung.

Orang tanya soalan kepada dia, apakah sebab? Dia kata 90 peratus amanah, jujur. Kebijakan itu, staf kita sudah ada. Staf kita- semua kita sudah jaga yang bijak-bijak. Duduk pada saya ini, jujur dan amanah.

Jadi koperasi itu- itulah masalah dia yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah. Sabani binti Mat, yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat Senator Idris bin Haji Ahmad tadi. Kita bimbang sekarang ini kalau boleh, kita hendak Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini pantaulah. Kalau boleh nampak sikit elemen *self interest* itu, cepat-cepatlah ambil tindakan. Fasal ini satu metode, satu mekanisme untuk menyelamatkan ekonomi kita, *insya-Allah*. Semua dapat manfaat. Dividen dapat lima percent pun tidak mengapalah, memang daripada dia main-main kutu, baik duduk dekat koperasi orang kampung, *insya-Allah, wallahu'a'lam*.

Assalamualaikum, saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Ini yang terakhir ya.

2.37 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya raikan Yang Berhormat Menteri Kanan lagi berpengalaman, terima kasih kerana hadir pada hari ini. Yang Berhormat Menteri, ingin saya iktiraf bahawa pada pandangan saya, koperasi ialah jawapan kepada ekonomi pasca ataupun sekarang ini, ekonomi pandemik.

Hujah saya Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mencari satu *design* ekonomi yang mana sebenarnya perlu menggembeleng, dengan izin, *democracy of production*, bukan lagi *democracy of consumption*. Apa yang saya maksudkan di sini Tuan Yang di-Pertua, koperasi ialah satu *design* keusahawanan yang sebenarnya menggalakkan, dengan izin, *collaborative entrepreneurship*.

Saya yakin sekiranya apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi menggunakan perkataan gerakan koperasi, bagi saya itu bukan satu perkataan biasa. Bukanlah satu pendekatan kebijakan biasa. Kalau ia dikatakan gerakan koperasi, ia patutnya menjadi tunggak agenda kerajaan hari ini. Kenapa saya katakan begitu, saya rasa Yang Berhormat Menteri lebih faham. Mungkin orang Sarawak mempunyai pengalaman yang luas.

Ini kerana saya rasa masyarakat dirantau ini, mungkin masyarakat Malaysia, kita agak kurang serasi dengan ekonomi pasaran ini. Ekonomi pasaran banyak kali mengecewakan kita terutama mereka yang marhaen, mereka yang di bawah. Ekonomi pasaran biasanya akan menguntungkan mereka yang menjadi cukong-cukong, tauke-tauke. Oleh sebab itu timbulah isu kartel dan sebagainya.

Oleh sebab itu di negara Malaysia yang terbukti berjaya terutama bagi masyarakat di desa, masyarakat bukan di bandar, elak pendekatan keusahawanan yang bersifat kemasyarakatan, dengan izin, *communitarian*. Oleh sebab itu pada pandangan saya, agenda koperasi, gerakan koperasi seperti yang diusulkan ini saya rasa sangat bertepatan pada kala COVID-19 ini. Ini kerana negara yang maju seperti Belanda sendiri telah mengambil pendekatan yang sama yang telah mengadaptasikan pendekatan *Doughnut Economics* oleh Profesor Kate Raworth di Oxford University itu. Ini kerana ia menggembeleng kekuatan modal insan yang mana yang bergerak secara berkumpulan. Saya rasa dalam pendekatan ini Yang Berhormat Menteri boleh menambahbaikkan lagi infra-infra yang sedia ada.

Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan tahniah kerana mengusulkan, memudahkan agenda koperasi di Malaysia. Akan tetapi pada pandangan saya dan saya kena mengaku, saya cuba perkara ini tetapi saya kurang berjaya.

■1440

Saya cuba tubuhkan koperasi pembangunan Balik Pulau, saya kurang berjaya Menteri kerana saya melihat ada satu lagi aspek yang sangat penting ialah *capacity building*, dengan izin iaitu apabila ditubuhkan, ia perlu diberi latihan berterusan dan isu kepimpinan itu sangat penting. Malah saya berasa Menteri, Institut Koperasi yang di Jalan Templer, Petaling Jaya itu, saya rasa wajar sekiranya hari ini kita angkat sebagai sebuah institusi yang menerajui agenda koperasi ini.

Saya rasa tidak keterlaluan saya hendak cadangkan kepada Menteri, namakanlah sebab sebelum ini namanya maktab. Selepas itu sudah jadi institusi. Saya hendak cadangkan, kalau disokong oleh rakan-rakan, jadikan ia sebagai '*Ungku Aziz- Abdul Aziz College*' kah, universiti kah, institut kah. Ini kerana ia satu perkara yang perlu diraikan dan malah tidak keterlaluan bagi saya Ungku Aziz ialah model, dengan izin orang yang mengggagas *humane economy* ataupun ekonomi manusiawi.

Bagi saya Menteri, koperasi ini ialah jawapan kepada cabaran pandemik kerana pertama sekali, daripada segi perundangan, Menteri tahu, hubungan yang ada sekarang ini antara majikan dan pekerja. Dalam ekonomi pasaran biasa, pekerja sentiasa dimangsakan apabila syarikat menghadapi bebanan tetapi dalam konteks koperasi, ia sangat demokratik, sangat manusiawi sifatnya. Ini kerana pekerja itu juga memiliki saham.

Jadi apabila keputusan-keputusan dibuat, ia terbukti bahawa apabila cabaran ekonomi contohnya di Eropah Tuan Yang di-Pertua, sebuah tempat bernama *Basque City*, Sepanyol. *Basque City* itu sebuah wilayah autonomi yang mana masyarakatnya agak istimewa, ia membentuk pelbagai usaha yang mana bermula dengan sebenarnya koperasi ini yang selalu kita terlupa, kita hendak menubuhkan koperasi tetapi kita tidak memberi nilai-nilai koperasi yang awal iaitu nilai koperasi yang sangat manusiawi. Mondragon koperasi yang hebat itu di Basque City itu bermula dengan sekolah oleh seorang paderi Katolik yang mengajar pelajar-pelajarnya ilmu kemanusiaan. Selepas itu barulah terbentuknya koperasi.

Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, saya yakin yang mempunyai agenda pendidikan yang terbukti, bahawa koperasi ini perlu dimantapkan lagi dengan ilmu-ilmu pendekatan ekonomi manusiawi agar apa yang diilhamkan itu, keusahawanan secara bermasyarakat, keusahawanan secara manusiawi, itu dapat terwujud. Ia tidak akan wujud kalau dalam konteks ekonomi pasaran sekarang yang sangat rakus.

Jadi akhir sekali Menteri, saya ingin mencadangkan kepada Menteri, permudahkan koperasi ini tetapi pada masa yang sama, carilah agenda-agenda yang strategik agar koperasi-koperasi terutama ini Menteri Belia pun ada di sini, saya mencadangkan dalam kalangan anak muda, kita galakkan ini.

Akan tetapi di sini saya cadangkan sedikit, berlainan. Kalau ia berbeza, mungkin Menteri boleh betulkan. Saya hendak Menteri *showcasekan* ke Malaysia, satu *collaborative partnership* pelbagai bangsa. *The core competence of the nations*, anak Melayu yang hebat, anak Cina yang hebat, anak India yang hebat, anak Orang Asli yang hebat, anak Iban-Kadazan yang hebat, mereka wujudkan satu *a national cooperative*, sehebat angkasa itu dan *showcase* itu dan jadikan di Malaysia ini kita mampu bermuafakat. *Collaborative entrepreneurship* itu dapat divisualkan dan diwujudkan agar menjadi inspirasi kepada semua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian.

Seterusnya saya minta Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk memberikan jawapan. Dipersilakan.

2.44 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang berhujah berhubung dengan pindaan rang undang-undang ini tadi. Saya juga berterima kasih kepada semua cadangan, semua yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator sekalian kepada kementerian kami.

Saya ingin memulakan jawapan saya dengan ucapan yang dibuat oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi, walaupun dia yang terakhir berucap tetapi gunakan ucapannya sebagai permulaan.

Pertamanya, saya memang melihat koperasi ini sebagai satu jawapan kepada masalah, banyak masalah yang saya lihat tetapi oleh sebab saya pun masuk dalam kementerian ini pada bulan Mac dan berhadapan dengan COVID-19. Apabila berhadapan dengan COVID-19, banyak perkara yang ingin saya hendak laksanakan belum dapat dilaksanakan oleh banyak batasan, had, rintangan dan sebagainya. Akan tetapi saya melihat ia sebagai landasan yang penting untuk melaksanakan ataupun membela rakyat yang dikatakan B40. Itu yang pertama.

B40 ini kalau kita lihat dari tahun 1970 dulu lagi apabila Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, tujuan Dasar Ekonomi Baru pada ketika itu ialah untuk merapatkan jurang antara yang ada dengan yang tidak ada pada ketika itu, *the have and the have not*, dengan izin. Akan tetapi pada masa sekarang kita tidak lagi menggunakan istilah '*the have not*'. Kita gunakan istilah '*the have and the have less*', *perhaps*.

Jadi dengan keadaan sedemikian, landasan ini saya hendak gunakan koperasi ini kerana dari sudut jumlah koperasi itu sendiri iaitu 14,625 sebagai mana yang saya sebutkan awal tadi dan jumlah anggotanya yang 6,009,000 orang anggota seluruh negara. Bayangkan kalau setiap ahli koperasi enam juta mempunyai isteri ataupun suami *didoublekan*, dua kali kan itu, makna jumlah keseluruhannya 12 juta orang manusia. Itu adalah lebih setengah daripada jumlah rakyat Malaysia yang dewasa. Jauh lebih. Jadi maknanya, inilah *the productive age* orang-orang Malaysia. Bukan *baby* yang baru lahir. Jadi dalam keadaan sedemikian, memang boleh dijadikan sebuah landasan.

Kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator juga berhubung dengan koperasi ini sebagai menggerakkan pembangunan *human capital* yang disebut Pak Lah *human capital*, pembangunan manusia, daripada ilmu manusawi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator juga. Apa yang ingin saya itu— dalam keadaan itulah kenapanya, maka saya melihat koperasi ini masih sebagaimana yang ada seorang Senator yang sebutkan tadi juga, bahawa pergerakan koperasi masih digunakan sebagai gerakan orang yang rendah, orang yang marhaen, orang yang bawahan, bukan orang atasan.

Hanya mereka apabila sudah jadi koperasi, ada segelintir koperasi yang berjaya menjadi orang atasan. Kebanyakannya ditubuhkan oleh pihak mereka yang tidak berkemampuan untuk mengendalikan usahawan-usahawan besar-besaran yang mempunyai sumber ataupun mempunyai modal yang besar. Jadi kita perlu membangunkan orang-orang ini.

Dalam cadangan sedemikian, maka itulah berbangkitnya apabila kita mempunyai program untuk mentransformasikan koperasi keseluruhannya. Transformasi yang bakal saya sebutkan ini ialah menyeluruh dari sudut yang pertama ialah untuk memasyarakatkan koperasi itu sendiri yang mana saya ingin mengubahkan macam mana pentadbiran dalam koperasi yang 14 ribu, dan 6 juta orang ahli ini.

Nombor dua, saya ingin menyuntikkan ilmu kepada ahli-ahli koperasi itu sendiri iaitu kenapa disentuh juga oleh Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi berhubung dengan Institut Koperasi Malaysia yang di peringkat akhir Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Senator sekalian, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Institut Koperasi Malaysia bakal dijadikan sebagai mungkin untuk peringkat pertamanya menjadi kolej universiti.

Selepas itu dalam perancangan saya, tidak kurang dan tidak lebih daripada masa satu tahun, *insya-Allah* akan dijadikan universiti, *full-fledged university*. Sekurang-kurangnya 30 peratus pelajar yang dilatih dalam universiti ini nanti ialah pelajaran-pelajaran ilmu koperasi, *management* koperasi, kewangan koperasi, pentadbiran koperasi selaras dengan undang-undang koperasi dan sebagainya.

■1450

Jadi maknanya, dengan sendirinya kita akan meningkatkan ahli-ahli, tahap pendidikan, pelajaran, ilmu dalam koperasi itu sendiri. Kita ingin juga membawa dalam hasrat saya sama ada Yang Berhormat setuju, ada tadi mengatakan hadkan umur. Akan tetapi saya melihat dari sudut lain kerana saya ingin membawa anak-anak muda yang keluar daripada universiti itu masuk ke koperasi supaya menyuntikkan semangat baharu dalam koperasi, *energy* baharu dalam koperasi. Bukan kita mengatakan orang tua tidak produktif.

Ini kerana kajian menunjukkan bahawa orang yang lebih produktif antara umur 60 hingga ke80, bukan umur 18. Akan tetapi *energy* itu yang kita perlu- sinergi di antara yang muda dan yang tua perlu dikahwinkan supaya kita mendapat satu pengalaman, input lama dan ilmu dan *energy* baharu kita hendak bawa bersama ke dalam koperasi.

Jadi Yang Berhormat, dengan keadaan sedemikian, *insya-Allah* kita akan merealisasikan apa Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi sebutkan tadi. Ketiga, yang saya sebutkan tadi berhubung dengan menamakan institusi itu sebagai Ungku Aziz universiti kah dan sebagainya. Itu kita boleh pertimbangkan.

Akan tetapi belum janji lagi, pertimbangkan. Macam mana pandangan semua pihak kerana ini juga satu cadangan yang pada saya barulah- walaupun saya memang fokus untuk menjadikan IKM itu sebagai sebuah universiti, CEO IKM ada dekat belakang. Memang dia dengar cakap saya ini. Jadi, nama itu kita akan- *insya-Allah*. Bermula pada yang pertama tadi. Ucapan yang pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid berhubung dengan koperasi, terlibat pindaan kepada undang-undang koperasi dan menyelaraskan supaya undang-undang kecil juga diubahsuai.

Sebenarnya begini, apabila undang-undang koperasi itu dipinda, undang-undang kecil koperasi itu juga akan bakal dipinda bersama untuk menyelaraskan apa sahaja yang dalam undang-undang ibu ini dipinda, undang-undang kecil koperasi itu akan diselaraskan bersama dan tidak boleh ditinggalkan. Kalau tidak, ia tidak akan bersama gerak-gerinya. Maka, penglibatan pindaan kepada undang-undang kecil itu akan dibuat apabila undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan Negara dan selepas itu oleh Duli Tuanku Agong.

Pindaan ini melibatkan pindaan undang-undang kecil supaya selaras dengan undang-undang yang ada pada kita sekarang ini. Perlu juga dipinda daripada segi penetapan bilangan lembaga dan jawatankuasa audit dalaman, tertakluk kepada kesesuaian koperasi itu sendiri. Maknanya, walaupun syarat minimum yang telah kita tetapkan di bawah undang-undang dan untuk keperluan pengauditan itu sendiri, pihak SKM dan IKM akan merencanakan macam mana jawatankuasa pengauditan itu bakal kita laksanakan.

Kedua, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob, berhubung dengan penggerakan ekonomi B40, menjagakan pendapat ahli bukan kepada koperasi. Ini yang bakal di sebut dan

juga koperasi masjid. Untuk ini, saya ingin mengulas di sini bahawa sebenarnya inilah satu *trust* yang bakal kita laksanakan iaitu saya banyak menyebut perkara ini dan mendedahkan perkara ini kepada masyarakat umum dan dilaporkan oleh pihak media berhubung dengan jangan melihat koperasi, contohnya saya sebut iaitu Koperasi Bank Rakyat yang mempunyai ahli hampir satu juta tetapi 80 peratus dari Bank Rakyat, sebuah koperasi yang tertinggi nilainya di Malaysia.

Sebuah koperasi yang berjaya di Malaysia. Bahkan, Bank Rakyat dikenali sebagai bank adalah salah sebuah bank koperasi ke-10 dunia bernilai tinggi, dan juga salah satu dari koperasi ternilai tinggi- 225 dunia, Bank Rakyat itu. Akan tetapi malang sekali untuk Bank Rakyat, ada 80 peratus daripada ahlinya masih B40 juga.

Jadi, saya banyak berbincang soalan ini, macam mana keciciran itu boleh kita sampaikan kepada ahli-ahli yang 80? Macam mana hendak membawa supaya ahli 80 peratus ini mendapat pulangan yang tinggi sebagai mana Bank Rakyat itu mendapatnya juga? Jadi dalam keadaan sedemikian, memang dalam pelan kita supaya bukan sahaja koperasi itu kaya tetapi ahli-ahlinya juga mendapat rahmat dan nikmat daripada kekayaan koperasi itu sendiri.

Untuk Bank Rakyat, saya telah memberitahu kepada pihak CEO, apa rancangan saya pada masa-masa yang akan datang untuk merealisasikan apa yang saya sebut. Koperasi masjid contohnya, ini telah dilancarkan. Saya mahu semua masjid dan surau di seluruh negara menubuhkan koperasi sendiri. Kita akan membantu dan membimbing koperasi-koperasi ini.

Bahkan, saya telah memberi arahan kepada pihak SKM dan pihak koperasi dan juga ke Institut Koperasi Malaysia supaya tiap-tiap ahli lembaga, tiap-tiap ahli pengauditan, tiap-tiap orang koperasi yang terlibat dengan pentadbiran koperasi ini diberi latihan keseluruhannya dan memenuhi kehendak ini untuk menjadi ahli-ahli lembaga dan sebagainya supaya kita boleh menjadi koperasi yang maju dan berdaya saing.

Dalam keadaan sedemikian, kerjasama antara kementerian saya dengan JAKIM dan Menteri Hal Ehwal Agama Malaysia telah dilaksanakan untuk kita memajukan beberapa agenda yang tertentu, termasuk kalau pihak masjid mempunyai tanah. Kita juga bakal bekerjasama dengan pihak masjid untuk membangunkan tanah supaya mendatangkan hasil kepada masjid dan surau tersebut. Kita juga membangunkan ahli-ahli yang asnaf, yang ada hubung kait dengan surau menerusi koperasi kita.

Jadi dalam keadaan sedemikian, *insya-Allah* perkara ini akan dilaksanakan di seluruh negara. Akan tetapi fasal AP untuk import daging, untuk import beras ini terpaksalah meminta permohonan kepada kementerian-kementerian lain. Walaupun bagaimanapun, *insya-Allah* kementerian saya dengan SKM akan sentiasa membantu dan menyokong permohonan sebagai mana yang saya sebutkan itu kepada agensi-agensi atau kementerian-kementerian

lain. Dengan syarat, kita mempunyai kebolehan, kemampuan mentadbir, mengurus dan mendapat bekalan yang kita kehendaki.

Ketiga iaitu daripada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong. Penglibatan dalam *renewable energy*. Ini juga dari sudut pandangan. Memang *renewable energy* satu perkara masa hadapan. Jadi, sepatutnya koperasi memainkan peranan. Akan tetapi dalam keadaan yang ada sekarang ini. Masih sedikit sangat koperasi ini mahu terlibat dengan perkara-perkara baharu. Contohnya kalau kita lihat koperasi, 89 peratus di kalangan koperasi ini masih terlibat dengan perkara-perkara kredit koperasi sahaja.

Tidak adapun terlibat dengan perkara-perkara lain. Kalau kita nilai daripada SME ataupun PKS punya maklumat, data menunjukkan 89 peratus terlibat dengan *service industry*. Hanya satu peratus terlibat dengan pertanian. Satu peratus terlibat dengan pembuatan. Satu peratus lebih sahaja terlibat. Di bawah 54 peratus sahaja terlibat dengan perlombongan.

■1500

Maknanya, kita masih terkongkong dengan penglibatan kita dalam amalan tradisi koperasi itu sendiri. *Insya-Allah*, tindakan telah diambil. Kita mengetahui dan sedar perkara ini perlu perubahan supaya kita berpindah kepada perkara-perkara lain. Contohnya, penekanan yang saya beri sekarang ini ialah kepada pertanian. Perkara yang mudah yang mana kerajaan-kerajaan negeri boleh membantu kita dengan tanah dan sebagainya. Contohnya di Sarawak, di sana sini sudah hendak dibangunkan. Sarawak juga telah membuat satu sistem pertanian moden dan petani-petani di Sarawak kita hendak jemput bersama dengan kerajaan negeri untuk terlibat dengan perkara pertanian ini khususnya menerusi koperasi.

Dalam sudut *renewal energy* ini, memang *insya-Allah* kerana perkara ini perkara masa hadapan dan mendapat langganan yang besar pada masa yang akan datang dan sepatutnya kita melihat. Itulah kenapa dari sudut pendidikan, ilmuwan, itulah saya hendak mahu banyak lagi anak-anak kita yang muda belia dan belianonis, lepasan universiti, graduan menuju koperasi, terlibat dengan koperasi dan menyuntikkan itu dalam koperasi supaya kita boleh membawa ilmu yang baharu ini sebagai satu wadah perjuangan koperasi pada masa akan datang.

Keempat, Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, penubuhan bank koperasi. Pada masa ini ada dua buah bank koperasi iaitu Bank Rakyat dan Co-opbank pertama. SKM sedang dalam pertimbangan untuk penubuhan bank koperasi ketiga iaitu Bank Koperasi Tentera. Saya juga dimaklumkan bahawa SKM juga melihat sama ada kita boleh menuju *online banking system*. Ini juga dalam perhatian pihak SKM dan kementerian. *Insya-Allah* kalau ini mendapat sambutan yang baik, saya cukup yakin kita boleh melaksanakannya.

Akan tetapi dalam konteks soalan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili tadi iaitu apabila koperasi hendak membeli syer dari Bank Rakyat tidak mendapat sambutan. Nampaknya tidak ada sambutanlah dari Bank Rakyat. Ini kita cuba atasi dalam konteks pembangunan baharu yang saya rancang iaitu supaya layanan kepada koperasi perlu menumpukan kepada keuntungan ahli-ahli koperasi itu sendiri.

Contohnya kalau ahli-ahli Bank Rakyat yang satu juta itu hanya mendapat- tiap-tiap seorang ahli itu hanya mendapat 10 ribu, 5,000 atau 6,000 syer, jadi kita ada nama sahajalah. Saya sudah beritahu dengan CEO, kalau dapat kita rancang ahli-ahli yang memohon itu sekurang-kurangnya 100 buah koperasi dulu kita beri langganan yang besar sampai sejuta syer. Jadi kena kumpul duitlah untuk membeli syer dari Bank Rakyat ataupun kita sediakan sumber kewangan untuk dipinjam macam mana kita menggalakkan orang melanggan ASB pada satu ketika dahulu. Jadi dengan sistem bakal kita laksanakan itu, saya cukup yakin kita boleh meningkatkan prestasi dari sudut pengagihan syer kepada ahli-ahli koperasi seluruh negara.

Kelima, ini banyak nampak yang kelima ini. Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad, pemantauan apabila bilangan anggota dikurangkan untuk penubuhan. Kementerian melalui SKM telah menyediakan garis panduan bagi membantu koperasi menjalankan urusan pentadbiran dengan lebih efektif. Ini termasuk garis panduan tadbir urus koperasi yang antara lain menjelaskan tentang keperluan penggantian tugas dan peranan lembaga dengan pengurusan.

Jadi, sebenarnya pengurusan pentadbiran ini berterusan dibuat oleh pihak SKM. Itulah kenapanya apabila saya melihat dan memerhatikan dari sudut undang-undang kecil koperasi, saya masih melihat bahawa kita perlu bukan sahaja meminda undang-undang koperasi iaitu Akta 502, tetapi kita perlu menggantikan undang-undang ini keseluruhannya. Hal ini kerana undang-undang ini yang digubal pada tahun 1993 dahulu dalam keadaan ataupun alam yang berlainan iaitu *environment* yang berlainan, dengan izin.

Jadi, alam dunia yang ada sekarang ini jauh berlainan apa yang berlaku pada tahun 1993. Itulah kenapanya pada tahun 2014, tahun 2015 dan tahun 2016 dikajikan undang-undang baharu dilaksanakan bahawa pada tahun 2017, satu penggubalan undang-undang telah disediakan.

Akan tetapi pada ketika itu apabila kerajaan baharu mengambil alih, tidak keseluruhannya penggubalan undang-undang baharu ini diterima. Maka, undang-undang yang telah dicadangkan untuk dipinda pada tahun 2017 itu telah tidak diambil kira, tetapi hanya ditarik sedikit sahaja iaitu menjadi penggubalan yang dibentangkan di Dewan pada hari ini untuk mempermudah penubuhan koperasi dan tidak menggantikan keseluruhannya undang-undang itu supaya dinamiknya berlainan daripada apa yang kita lihat pada tahun

1993 dahulu. Hal ini kerana keadaan yang sekarang ini perlu dinamik-dinamik yang baharu dalam sudut perundangan dan peraturan koperasi itu sendiri.

Bagaimana pelantikan anggota Lembaga Koperasi dan ahli pengurusan. Pelantikan anggota Lembaga Koperasi menurut seksyen 48, seksyen 43, Akta Koperasi pengutusan bahawa orang itu memenuhi kriteria layak dan boleh untuk dilantik. Jadi dalam keadaan sedemikianlah kenapa undang-undang ini perlu diubahsuai kerana syarat-syarat undang-undang itu sendiri mengongkong pihak SKM untuk melantik siapa yang boleh dilantik, siapa yang tidak boleh dilantik.

Jadi kalau ada *injection* baharu kepada ahli-ahlinya daripada anak-anak muda yang berpendidikan tinggi, yang berpengalaman dalam sudut pengurusan, maka kita cukup yakin bahawa koperasi boleh menjadi satu pergerakan ekonomi yang boleh membantu dan menjanjakan ekonomi rakyat seluruh negara.

Fasal garis panduan, pindaan fasal 6, seksyen 24, berkenaan dengan seseorang anggota yang beragama Islam yang mempunyai syer kepentingan, bagaimana kepentingannya dipelihara.

Jadi, ini ada banyak dipersoalkan, dibangkit di Dewan Rakyat berhubung dengan pelantikan ini. Sebenarnya penama ini apabila telah dilantik itu- *to solve our first problem, problem* yang pertama kita selesaikan iaitu, apabila hendak melantik seorang yang menjadi wakil atau *representative* untuk menerima syer itu sebelum syer itu diagih kepada waris yang bakal menerima ini nanti.

■1510

Jadi, ini juga kita bakal beri garis panduan macam mana- kerana pengagihan kepada orang Islam menurut *fiqh* mestilah dilaksanakan sedemikian rupa. Jadi, masalah asal ialah pelantikan itu sendiri. Ini supaya orang yang telah dinamakan oleh pihak *shareholder* itu boleh dilantik secara undang-undang, tidak dapat di-*dispute*-kan lagi. Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita menyelesaikan peringkat pertama pelantikan seorang wakil untuk mengagihkan mengikut *fiqh*.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita belum boleh menyelesaikan kerana persoalan pun dibangkit sama ada kita dah menyelesaikan keseluruhannya soalan pengagihan itu sendiri. Soalan pengagihan itu terpulang pada Mahkamah Syariah juga menentukan macam mana hak-hak ini boleh diagihkan. Akan tetapi, yang pertamanya ada orang yang layak untuk membawa perkara ini ke Mahkamah Syariah untuk diselesaikan. Itu yang kita boleh selesaikan secara undang-undang ini.

Kita tidak boleh terlibat jauh dalam sangat, sebab soalan agama ini bukan terletak kepada agensi Persekutuan. Ia terletak kepada kerajaan negeri. Jadi, itulah kenapa kita kena serah balik kepada anggota ini untuk membawa kepada mahkamah di peringkat negeri

supaya kuasa itu boleh dilaksanakan setelah undang-undang melantik seorang ahli yang telah dinamakan menjadi wakil kepada waris itu.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat bertanya tentang jawatankuasa- telus, ikhlas. Ini soalan pertama yang disoal. Memang ini satu masalah yang besar Yang Berhormat Senator. Soalan tulus dan ikhlas ahli yang kita lantik menjadi lembaga dan sebagainya itu. Pertama, kita mempunyai kerjasama antara polis, SPRM untuk mengawal selia perkara ini. Apabila ada berlakunya satu-satu kesalahan, penyelewengan dan sebagainya, tindakan-tindakan undang-undang yang biasa boleh dilaksanakan. Itulah kenapa kerjasama antara SKM dengan pihak polis dan SPM telah diadakan.

Kedua, latihan yang diberi oleh pihak IKM menerusi SKM kepada semua ahli lembaga ini dalam sudut pengurusan dan sebagainya. Akan tetapi, soalan ikhlas dan tidak menyeleweng itu sangat- perkara yang individu yang tidak boleh dilatih dengan manusia. Asal dia mengetahui sahaja bahawa menyelewengkan duit dan sebagainya itu, tindakan perlu diambil oleh pihak polis. Kita telah mengadakan banyak peringkat dan kawal seliaan daripada SKM itu sendiri menunjukkan bahawa apabila kita menerima saja satu-satu *complaint* daripada sesiapa saja berhubung dengan penyelewengan dan sebagainya, tindakan-tindakan terus diambil.

Apabila proses di bawah undang-undang itu sendiri telah dilaksanakan, maka Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) boleh mengambil alih pentadbiran koperasi itu dan orang-orang yang menyeleweng itu boleh diserah kepada SPM dan polis untuk diselidik, disoal siasat dan diambil tindakan bagaimana di bawah undang-undang.

Ketiga, soalan pasaran global. Ini memang kita harapkan lah. Ini kerana, kita tidak boleh menjadi jaguh kampung saja berterusan. Akan tetapi, yang pentingnya ialah koperasi itu sendiri ditubuhkan berlandaskan demokrasi, bukan berlandaskan koperasi melaksanakan semua peringkat usahanya. Jadi, dalam keadaan sedemikian, walaupun koperasi SKM membuat bimbingan kepada mereka ini tentang macam mana hendak buat *business* tetapi dalam soalan penggabungan dan sebagainya, kita tidak boleh paksa. Kita tiada undang-undang pun boleh memaksa koperasi tetapi *level*-nya ada.

Kita ada *level* Angkasa yang besar sekali di atas, lepas itu kita ada koperasi pertengahan yang mana penggabungan lima, enam buah koperasi yang boleh kita gabungkan menjadi satu koperasi yang besar untuk sebagaimana Yang Berhormat Senator cadangkan supaya kita boleh mewujudkan produk-produk yang baharu dan cara yang besar serta mempunyai dana banyak yang mungkin boleh diguna pakai untuk mengeluarkan sebuah produk yang bagus yang boleh diniagakan oleh kita di luar negara. Ini sebenarnya apa yang saya cadangkan dilakukan di Sarawak iaitu semua persatuan nelayan dan Persatuan Peladang Negeri Sarawak akan dijadikan koperasi. Tiap-tiap badan ini dijadikan koperasi.

Ini saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri di Sarawak supaya digabungkan enam ke tujuh buah koperasi ini menjadi koperasi pertengahan dan tiap-tiap koperasi pertengahan itu mempunyai agenda-agenda *business* berasingan sama ada hendak jadi koperasi yang memberi kredit ataupun koperasi yang membuat pertanian secara besar-besaran. Akan tetapi, kerajaan negeri mestilah membantu mereka dengan beberapa perkara seperti soal tanah, tempat kemudahan dan sebagainya.

Ini kita laksanakan. *Insya-Allah* saya bercadang untuk pergi ke Kelantan tidak lama lagi dalam masa yang terdekat. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, kawan lama saya daripada Dewan Rakyat dulu. Dia angkat tangan, *insya-Allah*. Saya dah bagi arahan untuk pergi ke Kelantan. Kawan di Kelantan pun ramai tanya saya bila hendak pergi.

Jadi, soalan tabung pusingan ini. Sebenarnya tabung pusingan ini- ada buruk baiknya juga tabung pusingan ini. Saya hendak cerita buruk baiknya. Yang baiknya bahawa koperasi itu mempunyai dana sendiri yang dia tidak perlu memohon kepada Kementerian Kewangan atau tidak perlu memohon kepada kerajaan kerana tabung pusingan ini telah diberi kepada koperasi- pada tahun 1985, RM1 bilion diberi. Hingga sekarang ini kita masih mempunyai tabung pusingan ini sebanyak RM350 juta, kan? RM350 juta.

Jadi, oleh sebab kita masih mempunyai RM350 juta, inilah kenapa banyak yang *complaint* di Dewan Rakyat mengatakan kenapa koperasi hanya diberi RM6 juta? Sebenarnya kerajaan lihat kita masih ada RM350 juta- tabung pusingan yang masih boleh diguna pakai untuk pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) membantu koperasi-koperasi yang perlu dan bermohon untuk bantuan. Ini telah dilaksanakan oleh pihak SKM dan dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk membantu koperasi-koperasi yang perlukan bantuan.

Apabila memberi bantuan ini, ia akan memantau apakah sumber kewangan ini digunakan iaitu sama ada *return of investment* (ROI), kita itu berbaloi ataupun tidak. Jadi, maknanya, ia akan memantau supaya sumber kewangan dipakai dan koperasi itu boleh bergerak dan sebagainya. Jadi, tabung pusingan ini telah mengurangkan pendapatan kita daripada kerajaan pada tahun 2021 punya bajet...

Puan Hajah Sabani binti Mat: Mohon pencerahan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, silakan.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Berkennaan dengan maksud tadi ini, bila koperasi hendak diberi bantuan oleh pihak tabung yang tadi itu, adakah dia kena memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Sebenarnya tiap-tiap permohonan ada kriteria-kriteria yang tertentu yang perlu dipenuhi. Akan tetapi, saya telah berbincang dengan Datuk Nordin Salleh iaitu Ketua Suruhanjaya Koperasi supaya dalam

keadaan COVID-19 ini supaya kita lebih fleksibel sebagaimana saya memberi arahan dengan TEKUN, Bank Rakyat, SME Bank supaya kita lebih fleksibel. Ini supaya kita boleh membantu walaupun kriteria itu tidak dapat dipenuhi oleh sebab-sebab yang tertentu.

■1520

Kita juga mesti menilai kriteria itu sendiri supaya masihkah perlu kriteria ini kita wujudkan, kita laksanakan, kita *maintain*-kan supaya kita boleh membantu pihak koperasi. Jadi, kalau ada masalah dalam sudut ini, sila berhubung dengan pihak SKM. *Insya-Allah*, pegawai saya dekat belakang itu dia dengar cakap Menteri ini. Terima kasih. Jadi, itu dari sudut itu.

Jadi, tambahan, bagaimana hendak tentukan Jawatankuasa Audit Dalaman menjalani- perkara itu saya sudah sebut tadilah. Dia mungkin latihan, bimbingan dan sebagainya. Kalau audit dalaman tak buat kerja, SKM akan ambil alih. Selepas SKM bagi tahu, okey buat pembaikpulihan apa yang salah ini perbetulkan- ada perundangan-perundangan yang tertentu. Saya juga menasihatkan supaya kita punya penasihat undang-undang itu supaya ikutkan semua garis panduan undang-undang itu untuk menegurkan pihak koperasi, bukan untuk kebaikan kita tetapi untuk kebaikan koperasi itu sendiri.

Selepas semua *step* itu sudah dibuat mengikut undang-undang- kerana tujuan undang-undang itu, itulah sebabnya untuk diguna pakai dan dipatuhi. Jadi apabila sudah dilaksanakan itu, kalau tak buat juga, barulah SKM boleh ambil alih tadbir urus pihak koperasi. Selepas itu, pemilihan baharu dilaksanakan supaya koperasi itu boleh berjalan berterusan. Bukan kita hendak bubar koperasi. Kita mengambil alih dia punya tugas Lembaga sahaja. Begitu juga soalan Jawatankuasa Audit itu tadi.

Jadi, yang ketujuh, Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Saya tak ada jawapan ini.

Okey, saya pindah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Penetapan program kursus tadbir urus koperasi. Ini sebagaimana yang telah saya sebut tadi, saya ulang lagi sekali, bahawa tujuan saya ialah untuk memperkuatkan pentadbiran koperasi dalam beberapa langkah yang strategik.

Langkah jangka pendek ialah telah telah saya bagi tahu dengan pihak SKM bahawa apabila satu-satu koperasi itu ditubuhkan, apabila habis sahaja penubuhan itu setelah dilaksanakan, apabila pelantikan lembaganya dan jawatankuasa auditnya dibuat, kursus mesti diberi kepada mereka ini sebelum Sijil Koperasi itu diberi kepada mereka. Apabila latihan-latihan ini sudah *complete*, baharu Sijil Koperasi diberi. Dengan sendirinya apabila sijil diberi, pelaksanaan telah dibuat, barulah koperasi itu boleh bergerak oleh sebab mereka telah diberi kursus oleh pihak IKM menerusi SKM.

Apabila kursus-kursus ini telah diberi, maka kita berharapan bahawa hanya bimbingan daripada pihak SKM dilaksanakan dan dalam masa yang sama- itu program-program jangka pendek. Jangka panjang ialah, tadi sebagaimana yang saya sebut, IKM itu akan dinaikkan tahap kepada menjadi sebuah universiti. Apabila menjadi sebuah universiti nanti, *insya-Allah*, kita akan melatih ramai lagi ahli-ahli koperasi dan tambahan lagi, kita memberi peluang kepada anak-anak dan cucu-cucu ahli-ahli koperasi supaya dapat menjadi masyarakat baharu dalam koperasi ini dan memberi suntikan baharu kepada ilmu dan pengetahuan daripada semua sudut iaitu dari sudut pentadbiran koperasi, dari sudut keusahawanan, sudut kewangan, sudut pentadbir kewangan, pentadbiran dan sebagainya.

Jadi, *insya-Allah*, Ahli Yang Berhormat sekalian, kita berterusan untuk membimbang dan meningkatkan tahap koperasi Malaysia dan saya cukup yakin apabila program ini telah dilaksanakan nanti, kita boleh berjaya membawa koperasi kita jauh ke hadapan.

Insya-Allah, saya juga akan buat kerjasama yang menyeluruh dengan pihak Angkasa supaya pihak Angkasa yang banyak membuat lawatan ke luar negara, sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi tadi, supaya membawa ahli-ahli koperasi yang strategik untuk pergi bersama dengan pihak Angkasa apabila ada seminar ataupun konvensyen di luar negara. Supaya kita boleh membuat *engagement* dengan pihak koperasi di luar negara khususnya koperasi-koperasi besar di negara-negara yang lebih membangun daripada kita.

Di *France* umpamanya, di *England*, di Amerika, Korea, Jepun yang mana koperasi mereka telah menjadi sebuah koperasi yang lebih besar dan strategik. Sebagaimana yang disebut oleh salah seorang Yang Berhormat Senator tadi mengatakan bahawa mereka boleh menentukan kos barang-barang, harga barang-barang. Jadi, ini memang satu matlamat yang perlu kita tuju.

Saya cukup yakin kalau transformasi koperasi yang bakal kita laksanakan itu yang bakal dilaksanakan bermula daripada Januari 2021 ini dan hingga tamat pada tahun 2025, nanti selama lima tahun, saya cukup yakin koperasi kita boleh mencapai sumbangan kepada KDNK yang kita kehendaki iaitu supaya mendapat sumbangan RM100 juta pada tahun 2030-nanti dan meningkatkan lagi ilmuwan kita dalam koperasi dengan latihan-latihan yang bakal kita dapati daripada universiti kita sendiri.

Universiti ini pula mempunyai satu skim *education* ataupun pendidikan yang berlainan, ada kelainan sedikit. Apa yang dipanggil *two plus two* iaitu dua tahun dalam industri, dua tahun dalam universiti. Dia dapat ijazah, dalam masa yang sama, mendapat pengalaman selama dua tahun. Dalam keadaan sedemikian, kalau tidak mahu terlibat dengan koperasi, sekurang-kurangnya dia boleh mendapat pekerjaan dekat luar. Jadi, saya cukup yakin universiti itu nanti akan mendapat penerimaan oleh masyarakat Malaysia itu sendiri.

Jadi, kepada semua yang membangkitkan soalan tadi yang tidak dapat saya jawab keseluruhannya, *insya-Allah*, kita boleh memberi jawapan secara bertulis. Sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perbahasan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan yang saya kira tepat dan padat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin) dan diluluskan]

■1530

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada usul di bawah Peraturan Mesyuarat 26(3) daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan seperti di No. 5 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini. Saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengemukakan usul.

USUL**USUL MENTERI DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(3)**

**Merakamkan Penghargaan dan Menyanjung Tinggi Jasa
Profesor Diraja Almarhum Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid
dan Almarhumah Tun Rahah binti Mohamed Noah**

3.31 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini menyanjung tinggi segala jasa Profesor Diraja, Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid kepada ekonomi dan pembangunan Malaysia khususnya umat Islam dan kaum bumiputera, serta Almarhumah Tun Rahah binti Mohamed Noah kepada perpaduan negara”

Terima kasih atas ucapan, dan peluang ini.

Hari-hari awal Malaysia cukup mencabar antaranya diuji dengan perpisahan dengan Singapura pada tahun 1965 diikuti dengan titik hitam tragedi 13 Mei 1969. Namun semua ini telah menguatkan iltizam malah memaksa kita menjadi sebuah negara yang mampu berdiri sendiri. Di sinilah kita harus berdiri sendiri. Di sinilah kita harus berterima kasih kepada dua sosok agung:

- (i) Almarhumah Tun Rahah binti Mohamed Noah, dan suaminya Almarhum Tun Abdul Razak bin Hussein; dan
 - (ii) Almarhum Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid.
- Almarhum Tun Razak tidak perlu diperkenalkan lagi. Namanya terpahat di mana sahaja, dari Universiti Tun Abdul Razak di Malaysia hingga ke *Tun Abdul Razak Research Centre* di *United Kingdom* yang membuat kajian terkini dalam teknologi getah yang bertaraf dunia. Begitulah hebatnya Bapa Pembangunan kita.

Kurang dibincangkan ialah Almarhumah Tun Rahah, isteri kepada Perdana Menteri kedua dan bonda kepada yang keenam. Anak kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang pertama ini bertuah kerana mendapat pendidikan Inggeris, suatu keistimewaan untuk kaum wanita ketika itu. Seperti yang pernah disebut oleh tokoh Perancis Napoleon Bonaparte, kaum ibu yang berpendidikan menjamin pembinaan negara dan peradaban. Hasilnya, kita mendapat seorang lagi Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib dan juga tokoh perbankan Asia Tenggara, Dato' Sri Nazir Razak.

Namun begitu, legasi ini tidak boleh dipisahkan daripada seorang lagi gergasi pembangunan negara iaitu Almarhum Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz. Di bawah

pimpinannya, Dasar Ekonomi Baru telah berjaya membasmi kemiskinan tegar, menyusun atur kembali struktur sosioekonomi negara dan membantu mengangkat kaum bumiputera yang jauh ketinggalan berbanding kaum lain ketika itu.

Walaupun kurang diwacanakan hari ini, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang dirasmikan oleh Almarhum Tun Razak juga gagasan Almarhum Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz. Dengan pemasatan sumber dan sokongan ekosistem, badan-badan koperasi lain di bawahnya memusatkan pembangunan ekonomi di peringkat akar umbi, khususnya untuk kaum bumiputera, kaum minoriti dan penduduk luar bandar. Tidak dilupakan juga, peranan Tabung Haji dan Bank Islam yang membuka pintu kepada revolusi perbankan dan kewangan Islam untuk dekad-dekad selepasnya.

Nama Pak Ungku juga tidak dapat dipisahkan dari Universiti Malaya, institusi pendidikan tinggi (IPT) perdana yang dibawa dari Singapura ketika itu ke Kuala Lumpur. Pak Ungku menjadi orang Malaysia pertama yang menjawat Naib Canselor. Hasil wawasannya juga bermula daripada bidang bahasa, beliau Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka pertama dan ekonomi yang merupakan kepakarannya. Universiti Malaya kini adalah yang ke-59 terbaik dunia berdasarkan *QS World University Rankings 2021*, dengan izin. Pusat-pusat kajian rentas bidang seperti Institut Kong Zi (Kung Tze), Institut Asia-Eropah dan *Institute for Advanced Studies* terus menghasilkan kertas-kertas kajian yang menjadi rujukan global.

Pemikiran Almarhum dan generasinya amatlah melangkaui zaman dan di luar kebiasaan maka membuka paradigma baharu dalam dunia pemikiran. Inovasi yang membumi seperti ‘Indeks Sarung’ adalah antara kayu ukur alternatif untuk menilai tahap sosioekonomi masyarakat sedangkan pihak lain masih menggunakan anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita atau pendapatan sehari.

Sezaman dengannya, Allahyarham Syed Hussein Alatas menukilkan adikaryanya, ‘*Mitos Pribumi Malas*’ yang masih menjadi rujukan bidang sosiologi termasuk gerakan intelek arus perdana iaitu penyahajahan, dengan izin, *decolonialism*.

Ahli falsafah ulung negara, Profesor Tan Sri Syed Muhammad Naquib Al-Attas juga menghasilkan ‘*Islam and Secularism*’ dan ‘*The Concept of Education in Islam*’ yang seterusnya menjadi asas pembangunan konsep pengislaman ilmu dan pembangunan institusi-institusi Islam, bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia.

Kedua-duanya merupakan mantan profesor sewaktu Almarhum Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz menjadi Naib Canselor di UM yang melahirkan ramai pemimpin politik tanah air seperti Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim dan yang lain-lain. Mereka juga bersaudara malah berkait rapat dengan Kerabat Diraja Johor. Walaupun saya sebutkan dua nama sahaja iaitu Almarhumah Tun Rahah dan Almarhum Ungku Aziz yang baru sahaja meninggalkan kita, kita juga sebenarnya terhutang budi kepada seluruh generasi mereka.

Saya menyeru agar Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara seluruhnya, bagi pihak negara Malaysia ini agar kita dapat merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Almarhum Ungku Aziz, Almarhumah Tun Rahah serta generasi mereka atas segala sumbangan yang tidak terperi dengan kalimah semata-mata kepada kemakmuran dan perpaduan negara. Tanpa mereka, Malaysia yang hari ini tiada. Maka wajarlah agar jasa mereka diabadikan oleh Dewan yang mulia ini untuk tatapan dan ingatan anak watan sepanjang zaman. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta sokongan?

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan itu sekarang terbuka untuk dibahaskan.

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khrudin: *[Bangun]*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *[Bangun]*

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khrudin: Saya, bagi yg muda dahulu *[Ketawa]*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

3.38 ptg.

Ir. Tan Sri. Haji Khairil Nizam bin Khrudin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk berbahas pada kali pertama untuk sesi kali ini. Tadi berbaris untuk berbahas isu daging tetapi tidak sempat kerana ada limitasi masa. Jadi saya akan cuba untuk meringkaskan ucapan saya.

Pertamanya, eloklah kita memulakan perbahasan ini dengan kita bersama-sama membaca *Ummul Furqan Al-Fatihah* dan disedekahkan kepada kedua-dua tokoh yang dinyatakan tadi... *[Ahli-ahli bangun bertafakur]* Amin, Ya Robbal Alamin. Semoga Allah SWT mengampuni segala dosa merahmati dan menempatkan mereka bersama-sama orang-orang yang soleh. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga dan juga kenalan mereka, pemergian mereka itu satu kehilangan besar buat rakyat Malaysia.

Izinkan saya memulakan ucapan saya juga dengan membaca satu ayat Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "Dan katakanlah wahai Muhammad, beramallah kamu atas segala yang diperintahkan maka Allah dan Rasulnya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang

mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan juga yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.” Surah At-Taubah ayat 105.

■1540

Daripada pembentangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, maka hasil daripada segala usaha yang telah dilaksanakan oleh Almarhum Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid saya mencadangkan agar Kementerian Belia dan Sukan mengambil inisiatif baharu untuk membina institut pemikiran dan pembangunan yang berteraskan kepada nilai dan falsafah pemikiran Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz.

Institut pemikiran dan pembangunan ini wajar digerakkan oleh anak muda sebagai satu *training ground* untuk membina pelapis negarawan yang berteraskan ilmu dan juga jati diri yang kuat. Bak kata pepatah, ‘patah tumbuh hilang berganti, kalau tak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya’. Kesungguhan dan kecintaan terhadap negara wajar dipupuk daripada awal. Anak muda wajar mencontohi iltizam beliau yang sentiasa mengutamakan pendidikan untuk mengubah nasib kehidupan dan mencorakkan masa depan negara.

Seterusnya, kita tidak mampu menyangkal sumbangan Almarhumah Tun Rahah di sisi Almarhum Tun Razak sebagai tokoh politik negara dan Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Seluas pengorbanan jiwa dan raga beliau cerminan sebenar seorang isteri dan ibu. Kita tidak dapat bayangkan bagaimana seorang isteri dan ibu kepada tokoh penting negara mengharungi episod besar dalam politik negara seperti kemelut kemiskinan, peristiwa hitam rusuhan kaum dan sebagainya. Sewajarnya kita mengambil sisi kemuliaan beliau yang melambangkan semangat kesungguhan dan pengorbanan kepada negara.

Saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mempotretkan pengorbanan dan kegigihan suri rumah, ibu tunggal, para doktor dan jururawat wanita, anggota polis, tentera dan RELA wanita yang bertugas ketika pandemik COVID-19 dengan Tun Rahah sebagai simbolik memorial perjuangan mereka. Contohnya mewujudkan Tabung Kebajikan Tun Rahah sebagai sistem sokongan keluarga ketika bencana dan Anugerah Ibu Pertiwi Tun Rahah.

Tuntasnya, saya menyokong sepenuhnya usul ini agar Dewan yang mulia menjunjung tinggi ketekahanan kedua-dua negarawan hebat yang telah banyak menumpahkan jasa bakti kepada negara. Sekian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Khairil Nizam bin Khrirudin. Ada lagi? Silakan.

3.43 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan usul yang diusahakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini- betapa pentingnya kedua-dua tokoh ini.

Tokoh yang pertama Tun Rahah menggambarkan kepada kita betapa peri pentingnya seorang ibu dan kebetulan dalam konteks pandemik ini, segala-galanya sekarang ini *work from home*. Bayangkan kalau kita hendak bekerja dari rumah tapi kita tidak punya satu kepimpinan di rumah yang baik. Saya rasa itu tidak mungkin akan membolehkan kita menjalankan urusan kita dengan baik. Jadi saya rasa Tun Rahah ialah satu simbol yang mana untuk menjadi seorang pemimpin sehebat Tun Razak, memerlukan seorang isteri, seorang ibu yang sangat mantap, efektif untuk menjaga keluarga. Bagi saya ini satu contoh yang baik untuk negara.

Dalam konteks yang lain saya tengok Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid ini bukanlah tokoh intelektual biasa. Beliau ke *Raffles College* menjadi pelajar terbaik, ke Waseda- tetapi yang menariknya ialah apa yang dikembalikan. Beliau bukan mengembalikan satu ide-ide yang mana beliau cedok- pakai. Akan tetapi beliau menjadikan ilmu yang beliau dapat itu, dengan izin, *contextually*, serasi dengan budaya dan sebagainya. Sehingga yang dicadangkannya itu Tuan Yang di-Pertua, contohnya koperasi sendiri. Koperasi ialah satu gagasan ekonomi yang sangat serasi dengan kita masyarakat bumiputera, masyarakat Melayu dan sebagainya. Sangat bergotong-royong sifatnya.

Kedua, beliau membawa pendekatan tadi yang dihujahkan tadi iaitu Indeks Sarung. Itu didapati bukan dengan pendekatan beliau berada di menara-menara gading semata-mata. Beliau ke Terengganu, beliau bersama-sama dengan masyarakat. Sehingga apa yang saya ingin hujahkan, beliau tokoh ekonomi manusawi- *humane economy*. Jadi bagi saya, kita perlu mengangkat idea sebesar-besar ini sebagai idea yang menjadi satu hala tuju.

Cuma saya sedikit terkilan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit terkilan- mungkin di masa hadapan kita jangan jadikan ini. Bagi saya kalau Tun Rahah hebat itu berada di Makam Pahlawan, kita jangan mengatakan Makam Pahlawan itu pada pandangan saya hanya untuk tokoh-tokoh politik semata-mata. Bagi saya tokoh intelektual seperti Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz saya rasa wajar juga dipertimbangkan. Akan tetapi memandangkan perkara ini telah berlalu, saya rasa ke depan kita juga perlu meraikan apatah lagi setiap benda yang baik bermula dengan ide.

Jadi saya rasa berilah Malaysia ini meletakkan idea ini di tempat yang wajar. Bukan sahaja di tempat-tempat yang tidak. Jadi saya ucapkan terima kasih, tahniah saya menyokong usul ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan jadikan *izzah* ini- tokoh-tokoh yang hebat ini

sebagai tokoh model kepada anak-anak muda kita. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta pembahasan yang terakhir ya, Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong.

3.46 ptg.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan untuk membawa usul ini dan saya nyatakan sokongan saya dan parti saya, Parti Tindakan Demokratik untuk menyokong usul ini, supaya kita memberikan pengiktirafan kepada Allahyarham Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz.

Allahyarham Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz memang bukan sahaja seorang ahli akademik tetapi beliau naib canselor yang boleh dikira paling hebat. Bukan sahaja dia sebagai pentadbir di dalam universiti yang kita ada sekarang- ramai tetapi beliau tokoh akademik yang diterima bukan sahaja diterima di negara kita tetapi di seluruh dunia terutamanya diterima oleh para ahli akademik semasa era *post-colonial*, diterima oleh ramai di luar negeri.

So, saya rasa ini satu iktibar yang kita perlu ambil bahawa kita perlukan tokoh ekonomi. *We need towering giants or figures* dalam akademia kita supaya kita lantik tokoh-tokoh akademik yang bukan sahaja mentadbirkan universiti tetapi memberikan inspirasi kepada para akademik bukan sahaja di negara kita tetapi di serantau dan juga di dunia.

Ini saya rasa satu isu yang kita mesti belajar. Daripada segi sejarah, kita pernah ada tokoh seperti Allahyarham Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz, ada seperti Allahyarham Syed Husein Alatas. Ada juga sistem universiti kita pernah melahirkan seperti Prof. Wang Gungwu. Walaupun dia tidak pernah jadi naib canselor di negara kita tetapi dia salah seorang ahli akademik yang dilahirkan dalam sistem kita dan akhirnya menjadi *Vice Chancellor* atau Naib Canselor di University of Hong Kong.

Isu kedua ialah saya rasa kita perlu beri peluang kepada para akademik. Kalau kita ada tokoh-tokoh akademik yang sehebat Allahyarham Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz tetapi tidak ada peluang atau akses untuk menjadi *reference point* untuk penggubalan dasar. Itu masalah kita. Allahyarham Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz sebagai tokoh akademik kita tahu. Akan tetapi Allahyarham Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz juga sebagai seorang akademik yang boleh mempengaruhi dasar-dasar kerajaan. Tabung Haji dicadangkan oleh Allahyarham Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz tapi yang penting ialah kita sekarang ini tidak memberi akses yang mencukupi kepada tokoh-tokoh akademik, tokoh-tokoh

cendekiawan supaya mereka boleh memberikan sumbangan buah fikiran mereka kepada proses penggubalan dasar.

Saya harap Dewan Negara dan Dewan Rakyat Parliment kita boleh memberikan peluang melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang boleh ditubuhkan melalui *standing order* kita supaya para akademik yang baik, yang ada idea baharu boleh diberi peluang untuk beri pandangan melalui sistem jawatankuasa kita. Kalau kita baca sistem jawatankuasa di Kongres Amerika Syarikat ataupun di Parliment UK dan banyak Parliment yang lain yang mana tokoh akademik diberikan peluang untuk memberi pandangan supaya membantu penggubalan dasar.

■1550

Poin yang akhir ialah apa buah fikiran yang dizahirkan Allahyarham Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid bahawa kemiskinan ini. Isu kemiskinan bukan sahaja kita memahami secara daripada segi perkauman tetapi kemiskinan satu isu di mana tidak kira bangsa, kita mesti selesaikan isu kemiskinan demi semua. Ini kerana dalam masyarakat kita, kalau sesiapa yang miskin, memang masyarakat kita tidak berjaya. Saya rasa ini idea yang saya harap kita boleh belajar daripada kehidupan yang panjang Allahyarham dan negara kita boleh menjadi negara yang berjaya yang lebih maju ke hadapan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong. Seterusnya, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan jika ada jawapan. Dipersilakan.

3.51 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]: Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala ucapan, saran dan hujah yang diberikan. Saya ambil maklum atas kesemua cadangan yang dibangkitkan tadi.

Sebelum kita membahaskan usul ini juga saya terdengar tadi daripada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff berkenaan cadangan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Usahawan dan Koperasi untuk menukar nama Institut Koperasi ke Institut Ungku Aziz. Itu cadangan yang saya rasa berasas dan kita pun sudah bahaskan panjang lebar tentang koperasi dalam Dewan Negara pada hari ini. Cuma, kalau boleh saya kongsi sedikit apa yang kita bahaskan tadi adalah satu- bukan sekadar simbolisme sebenarnya tetapi satu pernyataan semula kepentingan kita meraikan tokoh-tokoh negarawan yang bukan dalam latar politik semata-mata.

Saya rasa anak muda generasi saya, saya berumur 33 tahun, mungkin kurang kenal dengan dua orang tokoh yang telah pergi meninggalkan kita ini. Jadi, selain daripada

mengabadikan nama mereka di dalam bangunan-bangunan dan juga dalam sebarang bentuk inisiatif seperti hadiah dan sebagainya, saya fikir idea mereka juga harus kita pugar dan jadikan satu perbahasan dalam budaya ilmu di universiti dan juga dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Saya fikir *alhamdulilah*, hari ini kita telah menunjukkan contoh yang baik kepada generasi saya, generasi akan datang bahawasanya tokoh-tokoh ini wajar kita kenangkan sumbangannya dan teruskan perjuangan mereka seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong tadi berkenaan pembasmian kemiskinan yang belum selesai yang perlu kita teruskan perjuangan dalam konteks abad ke-21.

Terima kasih sekali lagi saya ucapan kepada semua yang mengambil bahas dan maklum. Sebarang cadangan tadi saya akan usulkan kepada kementerian-kementerian yang relevan dengan cadangan tadi. Sama-sama kita doakan agar roh mereka dicucuri rahmat dan keampunan oleh Allah SWT. Semoga rakyat Malaysia mengenang jasa mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal, Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan itu tadi hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

3.55 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini berakhirlah Mesyuarat Dewan Negara bagi Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.

Saya bersama-sama Yang di-Pertua Dewan Negara, berterima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama berbahas dan menyumbang buah fikiran dalam suasana harmoni, sekali gus menggambarkan nilai-nilai Dewan Negara selaku badan Legislatif tertinggi negara.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Setiausaha Dewan Negara, Ketua Pentadbir Parlimen dan semua pegawai serta kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara, dan Parlimen, atas kesungguhan yang diperlihatkan bagi menjayakan sesi Dewan kali ini.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baharu sahaja menyambut Krismas, sekali lagi saya ucapan Selamat Hari Natal.

Dalam masa tiga hari lagi, tahun 2020 akan melabuhkan tirai. Kita akan menyambut tahun baharu 2021. Saya mendoakan tahun baharu 2021 akan membawa kebahagiaan dan kegembiraan kepada kita.

Tentunya juga selepas tamat Dewan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat akan pulang atau bercuti bersama keluarga. Pesanan saya, agar sentiasa menjaga keselamatan diri dan keluarga. Berhati-hati semasa memandu dan sentiasa mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan diri kita dan keluarga kita bebas daripada COVID-19

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga kepada satu tarikh yang akan ditentukan. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 3.56 petang.]